

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 40

Khamis

22 September 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2005 (Halaman 30)

Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005 (Halaman 80)

Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)
(Pindaan) 2005 (Halaman 83)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Khamis, 22 September 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan mengapakah program-program realiti TV yang disiarkan di stesen-stesen televisyen kebanyakannya bercorak hiburan semata-mata. Tidakkah dengan penerbitan rancangan seperti ini boleh menjejaskan etika dan moral rakyat serta adat resam budaya timur. Adakah kementerian akan mengurangkan rancangan-rancangan hiburan seperti ini di masa hadapan.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Krai bersekali dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah pada 29 September 2005, Yang Berhormat bagi Bera pada 22 November 2005 dan Yang Berhormat bagi Hulu Langat pada 29 November 2005 memandangkan ianya berkisar mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program realiti televisyen pada masa ini tidak hanya terhad kepada siaran yang bercorak hiburan semata-mata, tetapi juga meliputi aspek-aspek seperti pembangunan kekeluargaan, pendidikan, integrasi nasional dan sebagainya. Rancangan-rancangan realiti tempatan seperti "Misi Suara Hati" dan "Famili Penyayang" di ASTRO; "Bersamamu", "*Malaysia Top Host*", "*Explorace*", "Aspirasiku", "Jom Masak Bersama Seri Murni" di TV3; dan "*Who Will Win*" di NTV7, mempunyai mesej yang positif yang mempromosikan tanggungjawab sosial, penyayang, muhibah, perpaduan komuniti dan negara serta rekreasi.

Kandungan televisyen pada masa ini mempunyai banyak kepelbagaian yang memenuhi cita rasa setiap golongan. Rancangan program realiti juga tidak terkecuali dari segi kepelbagaianya. Kementerian telah meminta supaya semua stesen televisyen swasta menyesuaikan format rancangan realiti mengikut keperluan tempatan, bersesuaian dengan nilai-nilai tradisi, norma-norma sosial Malaysia, perpaduan, integrasi nasional serta nilai-nilai positif mengikut keperluan semasa, budaya tempatan dan agenda nasional. Di samping itu, kementerian ini dengan kerjasama pihak-pihak berkenaan sedang menyediakan satu garis panduan kandungan program realiti untuk memastikan program realiti yang disiarkan mencerminkan nilai-nilai ketimuran. Terima kasih.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Tidakkah kementerian sedar kerana salah satu yang kita nikmati di negara kita ialah televisyen di merata-rata, di seluruh negara kita dan ini telah menjadi kenyataan dan menjejaskan etika dan moral rakyat serta dalam kebanyakan kita di Timur ini telah begitu sekali ketara sehingga anak-anak muda dan sebagainya mengambil contoh-contoh ini dan telah menjadikan satu sosial yang begitu ketara. Oleh itu, tidakkah kerajaan akan mengurangkan rancangan-rancangan hiburan yang bercorak moral ini supaya tidak terjejas muda-mudi yang begitu ketara di ketika ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, suka saya maklumkan kepada Dewan, kerajaan bukan sahaja sedar, kerajaan mendengar segala pandangan, khasnya pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan, yang selalu dibangkitkan, terutamanya Yang Berhormat bagi Jerai, yang tidak sempat hadir lagi pagi ini ataupun Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Krai yang selalu mengatakan dari segi siaran televisyen yang kadang-kadang dilihat keterlaluan.

Berhubung dengan perkara ini, kerajaan telah menyediakan satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri iaitu jawatankuasa khas bagi mengkaji peranan dan tanggungjawab media elektronik untuk memajukan agenda rakyat, kerajaan dan negara dalam pembinaan bangsa. Pada setakat ini, jawatankuasa kecil ini telah bermesyuarat satu kali dan jawatankuasa ini telah meminta supaya di bawah Kementerian Warisan dan juga Kementerian Penerangan menyediakan satu garis panduan bagaimanakah bentuk-bentuk siaran

yang perlu diadakan di negara kita ini untuk membentuk satu warganegara Malaysia, sesuai dengan wawasan negara kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang tidak dinafikan semua orang perlukan hiburan tetapi, bagaimana bentuk hiburan itu dapat kita tonton dan mesej dia. Saya mahu tanya Yang Berhormat, apakah hiburan berbentuk "*Mencari Cinta*", satu mesej yang tepat kepada masyarakat bangsa kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Seorang perempuan melondeh sana, melondeh sini, jumpa 10 orang lelaki, apa mesej yang hendak disampaikan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa moral dia?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Apa moral dia dalam cerita ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hey, apa ini? *[Dewan gamat seketika]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kalau kita mentafsir bahawa moral dia mengajar masyarakat kita, wanita kita mencari lelaki 10 orang, kemudian dinilai mana yang baik, mana yang tidak. *[Dewan gamat seketika]*. Kalau boleh, kita meminta program ini diberhentikan serta-merta sebab mesej dia tidak baik. *[Dewan gamat seketika]* *[Tepuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini, kena ajar punya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini mesej "*Mencari Cinta*" ini rancangan Amerika. Kenapa ditiru? Yang baik kita boleh tiru, yang tidak baik berhentikan serta-merta. Mesej dia tidak baik dan bukan hiburan! Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Saya lihat dari Kinabatangan ini mungkin salah seorang peminat setia pada program mencari cinta, sebab itu dia tahu perjalanan terperinci program ini. Saya minta maaf, sebab saya tak berkesempatan menonton program ini. Tapi, saya dengar banyak aduan, ada kata sokong, ada yang kata tak sokong, ada juga pandangan kata, ini secara tidak langsungnya menggambarkan bagaimana beri mereka peluang untuk berkenalan antara satu sama lain, saya tak tahu, itu pandangan orang ramai. Walau bagaimanapun, dia bagi pihak kementerian telah menasihati semula stesen swasta sekiranya mereka ingin mengambil mana-man program daripada negara luar, meniru mana-mana program daripada luar janganlah mereka mencedok sebulat-bulatnya.

Sebaliknya mereka perlu mengubah suai mengikut adat resam negara kita supaya melambangkan ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini rancangan perempuan gatallah, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini rancangan perempuan gatallah! Jangan dipertahankan lagi. Kalau Kinabatangan kata ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Saya sokong].*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:dan disokong oleh Ahli Parlimen..

Seorang Ahli: Saya sokong

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:berhenti serta-merta..

Seorang Ahli: Saya sokong

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:berhenti serta-merta Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, fasal ini berkaitan dengan kepentingan rakyat Tuan Yang di-Pertua, macam mana kita didik anak-anak di rumah dengan begitu baik ...

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: tapi apabila TV...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...mendedahkan macam-macam begitu, macam mana moral anak-anak muda nak baik. Kita jaga...

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. *[Ketawa].*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Sri Gading, nampaknya soalan tambahan saya bertambahlah daripada dua kepada tiga. Sebagaimana yang saya katakan juga di soalan tambahan yang pertama tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tak payah jawab.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kerajaan sentiasa memandang serius perkara ini, sebab itu kerajaan melalui jawatankuasa kecil ini menubuhkan satu jawatankuasa yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri, Timbalan Perdana Menteri sendiri untuk merangka satu bentuk rangka bagaimanakah program yang sesuai

untuk negara kita ini. Tapi, kalau kita lihat nanti, program ini keterlaluan sudah pasti jawatankuasa ini kata berhenti, kita akan berhenti, kita akan mengambil berat segala teguran pandangan Yang Berhormat dari Kinabatangan peminat setia rancangan mencari apa, "Mencari Jodoh", [Ketawa] "Mencari Cinta" dan juga Yang Berhormat daripada Sri Gading berhubung dengan perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat dari Kinabatangan sangat marah, saya tak tahu kalau itu khas ialah lelaki cari cinta, dia ada marahkah? Ada ini untuk lelaki sahaja, for men only. Mengenai *reality* TV, *reality* show sama ada "Amazing Race", "Fear Factor", "American Idol", sekarang "Malaysian Idol", "Akademi Fantasia" dan sekarang ada orang yang mula, rakyat mula melihat Parlimen sebagai *reality show* pun mengenai etika dan moral rakyat serta adat resam budaya timur oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menjadi pengerusi jawatankuasa khas ini. Baru-baru ini pun ada kata bahawa kerajaan tidak menentang mengenai *reality show* selama ia tidak menjejaskan nilai-nilai murni khasnya, khasnya bahawa tak sampailah peluk...

Seorang Ahli: Cium

Tuan Lim Kit Siang: Tak ada, sahaja berpeluk, memeluk [Ketawa]. Ini sabar, tak sampai berpeluk-peluk lelaki dan wanita dan sini kita ada tengok *no hugging, no hugging* yang Muslim, tetapi kita tengok Yang Berhormat Menteri MITI *hugging* bekas Perdana Menteri [Ketawa], umum menentang dengan nasihat-nasihat yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan mustahak, mustahak dan ini diakui, diakui ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bekas Perdana Menteri ada berpeluk..

Tuan Yang di-Pertua: Itu situasi lain.

Tuan Lim Kit Siang: Itu *reality show* yang lain, tetapi pun semua pun ada *influence* mengenai etika dan lain-lain, bukankah mustahak bahawa adalah teladan melalui..

Datuk Bung Moktar bin Radin: 36(6) sangkaan jahat.

Tuan Lim Kit Siang: ... contoh kepimpinan melalui teladan oleh kerana perkara peluk-memeluk pun tak boleh selesai masalah dan skandal AP pun.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Baik.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua ..

Tuan Lim Kit Siang: *Leadership by example.*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebenarnya soalan itu tidak ada kena-mengena dengan personaliti TV tidak berkaitan. Saya tidak akan menjawabnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik Yang Berhormat.

[Soalan No.2 – Y.B. Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) tidak hadir]

3. Datuk Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta Perdana Menteri menyatakan bolehkah Kementerian memberitahu setakat Jun, 2005 berapa banyakkah bagi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) berada di negeri Sabah dan apakah usaha diplomatik untuk menghantar mereka yang tidak mempunyai pekerjaan untuk pulang ke negara masing-masing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak boleh memberi tahu dengan secara tepat sebenarnya. Berapa ramai lagi kah pendatang asing tanpa izin yang masih tinggal di Sabah kerana mereka - nama tanpa izin itu bermakna itu bahawa mereka masuk ke negara kita secara haram tidak sah iaitu tanpa dokumen perjalanan dan tidak melalui pintu-pintu masuk imigresen yang diwartakan. Walau bagaimanapun, secara kasar adalah dianggarkan seramai 150 ribu orang PATI yang berada di Sabah di sekitar tahun 2000 dan 2004.

Daripada jumlah ini seramai 55 ribu orang telah pulang ke negara asal mereka semasa program pengampun yang diberikan oleh kerajaan mulai November 2004 hingga Februari 2005. Dan seramai 3,710 orang PATI yang ditahan di pusat-pusat tahanan sementara di Sabah telah diusir keluar. 3,710 telah diusir keluar ke negara asal masing-masing.

Kerajaan sememangnya mengamalkan sikap berdiplomasi dalam menangani masalah PATI dari negara jiran khususnya daripada Indonesia dan Filipina. Program pengampun yang dilancarkan mulai November 2004 hingga Februari 2005 merupakan salah satu daripada usaha diplomatik dalam menangani masalah PATI. Selain itu Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP) selaku jabatan bertanggungjawab ke atas isu-isu PATI sentiasa berhubung rapat dengan Konsul Jeneral Indonesia di Tawau tempat Yang Berhormat sendiri Kalabakan sana dan pihak Kedutaan Filipina di Kuala

Lumpur bagi melancarkan proses dokumentasi dan penghantaran pulang warga mereka yang ditahan di pusat-pusat tahanan sementara.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, yang mengendalikan pendatang tanpa izin ialah *Federal Task Force* di Sabah. Saya nampak penguatkuasaan ini tidak begitu rapi kerana *Federal Task Force* ini tidak anggota yang cukup. Jadi, kita nampak Sabah apa jenayah yang dibuat kebanyakannya dibuat oleh pendatang tanpa izin termasuklah menghidu gam dan jenayah-jenayah lain. Jadi, saya fikir kerajaan mungkin dapat membentuk satu *Task Force Action Committee* termasuk polis, NGO, kebajikan dan lain-lain kerana *Federal Task Force* ini tidak ada keupayaan, tidak ada anggota dan dia pun tidak boleh menangkap orang yang berkeliaran di dalam bandar atau pun di luar-luar bandar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, angka 150 ribu itu mungkin tidak tepat seperti mana yang dikatakan oleh Menteri dan saya menjangkakan ia lebih daripada itu, banyak sehinggakan kelmarin apabila satu soalan dikemukakan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Setiausaha Parlimen menjawab dia mengatakan menghidu gam di seluruh negara beberapa banyak orang sahaja, sedangkan di Sabah beribu rakyat-rakyat asing ini yang menghidu gam.

Jadi, kita mahu satu tindakan yang begitu berkesan sekali. Saya cadangkan mungkin Yang Berhormat Menteri mungkin bersetuju atau tidak? Kita adakah satu *action committee*, *Federal Task Force*, Polis, Jabatan Kebajikan dan NGO-NGO yang lain untuk mengendalikan semua masalah pendatang tanpa izin ini supaya mungkin ia bukan dapat menghapuskan bahkan ia dapat mengurangkan pendatang tanpa izin di Sabah kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini, masalah besar bukan sahaja jenayah bahkan peniaga-peniaga pun bermasalah kerana ada pendatang-pendatang ini yang menjual rokok secara haram di tepi-tepi jalan. Yang menghidu gam ini terang-terang, takkan pihak berkuasa tidak boleh nampak dengan jelas ..

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: ...kalau rakyat jelata boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Jadi, saya minta Menteri mungkin cadangan yang saya kemukakan ini kalau Menteri bersetujukah dengan tindakan yang sebenarnya diambil. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya *Federal Task Force* ini dipengerusikan oleh seorang pegawai daripada Kerajaan Pusat. Dia duduk sebagai pengerusi di situ dan di bawah dia itu terdiri dari wakil-wakil polis, tentera dan lain-lain agensi termasuk imigresen yang ada kaitan dengan soal kemasukan warga bukan Malaysia - secara haram. Sebenarnya tidak bangkit soal sama ada kita tidak cukup.

Soal *Federal Task Force* ialah untuk menyelesaikan, memastikan keadaan orang yang sudah ada di dalam negara kita secara haram, yang kita hendak selesaikan perkara ini. Sebenarnya hal-hal lain itu diteruskan oleh imigresen, polis dan juga tentera. Sebab itu saya rasa apa yang penting di sini, ialah supaya warga Malaysia kita memberi maklumat kepada kita kerana bagaimana kita hendak bezakan di antara PATI dengan warga di Sabah. Kalau dari segi bahasa dialeknya sama "baku" dan dari segi wajah muka pun sama, dan kita tidak mempunyai bukti yang menunjukkan bahawa dia itu PATI ataupun warga kita. Sebab itu kerjasama daripada orang ramai adalah perlu untuk membantu kerajaan bagi memastikan supaya mereka yang tidak berhak berada. Memang kerajaan tahu bahawa kita tidak akan memberikan apa-apa keistimewaan kepada orang bukan warga Malaysia untuk datang ke negara kita. Jadi untuk kita mengatasi masalah ini, kita minta supaya masyarakat memberikan kerjasama supaya kita boleh mengambil tindakan terhadap orang-orang ini.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kita memerlukan kerjasama daripada rakyat untuk memberi maklumat tentang kewujudan pendatang tanpa izin, tetapi sebenarnya kerajaan telah melancarkan apa yang dipanggil Ops Tegas. Di Semenanjung dia begitu berjaya sekali, tetapi di negeri Sabah tidak dijalankan pun Ops Tegas, tidak dijalankan di negeri Sabah di mana ia melibatkan RT, ahli-ahli Rukun Tetangga, pegawai RELA dan sebagainya. Tidak pernah dijalankan di negeri Sabah. Sampai hari ini rakyat Sabah masih tertanya-tanya kenapa Ops Tegas tidak dilaksanakan di Sabah untuk mengenal pasti sesiapa pendatang tanpa izin ini.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, pendatang tanpa izin di Sabah ini ada juga kaitan dengan perwujudan 6 penempatan pelarian Filipina berada di Sabah. Mereka

berselindung di sana dan keenam-enam penempatan pelarian Filipina ini juga di bawah kawal selia petugas khas Persekutuan, dan sehingga pada hari ini tidak ada jawapan yang memuaskan tentang masa depan penempatan ini. Apakah sebenarnya pihak kerajaan akan membuat penempatan ini sebab mereka boleh memasuki di sini? Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya sebenarnya gembira dengan maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Tuaran. Yang Berhormat Tuaran mendakwa bahawa tidak ada operasi Ops Tegas di Sabah. Jadi saya ingat kalau tidak ada operasi Ops Tegas 55,000 telah balik dan 3,000 akan diusir. Kalau kita ada Ops Tegas sudah habislah semuanya tu, ya!

Saya rasa pertamanya, saya sebut tadi saya tidak dapat maklumat tetapi kepada saya apa yang dilaksanakan, semua dilaksanakan di Semenanjung dan juga di Sabah. Tidak ada soal kata, iaitu bahawa kita cuba hendak mempunyai *double standard* – buat di Semenanjung. Di Semenanjung mungkin nampak lebih berkesan kerana kita tidak mempunyai sempadan darat dengan Indonesia, tetapi di Sabah kita mempunyai sempadan darat, yang mana dia boleh masuk melalui jalan-jalan tikus ke negara kita. Kita hantar pulang kemudian dia masuk balik. Seolah-olah nampak macam kita tidak ada tindakan, tetapi kalau tidak ada tindakan bagaimana 55,000 kita boleh hantar pulang. Bermakna tidak berbangkit soal *double standard* dalam melaksanakan Ops Tegas ini, memang kita buat.

Kemudian soal selatan Filipina, dia juga merupakan kita ada masalah di sini. Selatan Filipina ini masalahnya ialah kita dengan Filipina tidak ada sempadan darat dan laut. Mereka mengamalkan sikap di mana dia macam *sea gypsies*, kepada dia pulau ini dia terlebih awal daripada sempadan Malaysia-Filipina, dia sudah ada di situ. Mana dia tahu dahulu sebelum merdeka, dia bukan tahu dia di Filipinakah atau dia di Sabahkah. Pada dia kepulauan itu adalah merupakan tempat yang dia pergi berpindah randah. Sebab itu kita ada masalah daripada Selatan Filipina dan sekarang pula ada masalah di Selatan Mindanao, jadi ramai yang lari datang ke Malaysia. Tetapi insya-Allah kita boleh selesaikan perkara ini.

Saya hendak beritahu bahawa saya duduk dalam Jawatankuasa Kabinet bagi menyelesaikan masalah pelarian Selatan Filipina. Insya-Allah kita akan dapat selesaikan perkara ini dalam pertengahan tahun depan dengan memberikan *identification* kepada mereka yang ada di sini supaya mereka tidak berkeliaran di jalan, supaya anak-anak

mereka boleh bersekolah dan bekerja sehingga satu masa di mana kalau masalah di Mindanao selesai kita akan hantar mereka pulang. Tetapi macam hari ini dia tidak ada pengenalan yang legal sebab itu dia bersembunyi, lari dan mencuri. Tetapi kalau dia diberikan *identification* daripada kerajaan kita maka dia boleh muncul, timbul dan dia boleh bekerja dan tidak akan diburu oleh polis. Sekurang-kurangnya ini akan meredakan masalah yang mana hidu gam, mencuri dan merompak. Ini dilakukan oleh mereka yang tidak ada kewarganegaraan dalam negara kita.

4. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin [Parit] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah ancaman keselamatan negara yang disebabkan kumpulan ajaran sesat Ayah Pin.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kegiatan kumpulan Ariffin bin Mohamad ataupun Ayah Pin tidak mengancam keselamatan negara. Walau bagaimanapun, kegiatan ajaran ini boleh menjejaskan akidah dan kesucian agama Islam. Sehubungan dengan itu kerajaan telah pun mengambil tindakan terhadap kumpulan ini berdasarkan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001, kerana kegiatan mereka bertentangan dengan ajaran agama termasuk fatwa yang telah dikeluarkan. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang yang lain sekiranya kegiatan mereka boleh menjejaskan keselamatan negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Buntar.

Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Timbalan Menteri. Saya ingin menarik perhatian bahawa soal akidah amat kukuh dan amat *basic* dalam Islam, malah titik tolak hidup insan Muslim itu bermula daripada akidahnya sendiri. Apabila kita memutuskan ataupun membuat keputusan sama ada ajaran itu salah atau tidak adalah merenung kepada akidah terlebih dahulu, kemudian barulah kepada syariahnya dan yang lain-lain yang merupakan aktiviti pada akidah itu.

Saya merasakan bahawa ukuran keselamatan yang ditetapkan setakat ini tidak begitu menepati kehendak, betapa bahayanya ancaman akidah ini kepada umat. Jadi, kita kena renung keseluruhan, sebab apabila berlakunya penyelewengan akidah padahnya adalah amat berat sekali, kerana pengikut-pengikut (*followers*) sesuatu ajaran sesat ini adalah amat taksub dan fanatik kepada dia punya "*sifu*" atau pemimpin yang tak terkata lagi, apa sahaja yang diarahkan oleh pemimpin atau ketuanya mereka akan melakukan sesuatu tindakan yang di luar dugaan kita, malah melewati batas undang-undang.

Pengalaman kita tentang Arqam harus kita jadikan pengajaran dalam perkara ini. Kita telah memakan masa 26 tahun lamanya untuk berhadapan dengan Arqam, barulah reda, itu pun masih lagi dalam keadaan yang cuba hendak menghidupkan balik ajaran ini. Jadi saya merasakan sebelum kita terlambat, sebelum kita terlajak seperti pengalaman kita dengan Arqam terlampau lama.

Saya berhadapan dengan Sheikh Arqam setelah 26 tahun Arqam berjalan, maka dengan itu saya mengharapkan bahawa ukuran keselamatan ini harus direnung lebih serius lagi definisinya. Ini soal akidah, titik tolak hidup insan Muslim, masyarakat umat di negara kita ini. Jadi, saya merasakan sebelum kita terlambat, sebelum kita terlajak seperti yang telah berlaku, pengalaman kita dengan Arqam terlampau lama. Saya berhadapan dengan Syeikh Arqam setelah 26 tahun Arqam berjalan, maka sebab itulah saya mengharapkan bahawa ukuran keselamatannya harus direnung lebih serius lagi definisinya. Ini soal akidah, titik tolak hidup insan Muslim, masyarakat umat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin: Justeru itu, soalan saya, apakah kerajaan tidak memikirkan, bercadang untuk mengambil tindakan yang tegas kepada Ayah Pin. Dua hari sudah Ayah Pin kononnya di dalam surat khabar dia datang ke Kelantan, minum dan sebagainya. Semalam surat khabar pula kata dia sudah pergi lepas ke seberang sana, mengikut lubang tikus. Macam mana ini boleh terjadi, ini satu benda yang macam kita terlepas pandang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya susah hendak jawab dengan bekas *boss* saya ini. [*Ketawa*] Dahulu Yang Berhormat

Menteri, saya jadi Setiausaha Parlimen. Sekarang ini Yang Berhormat Datuk sedia maklum bahawa kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh ajaran-ajaran sesat ini ialah bidang kuasa kerajaan negeri. Ini kita semua sedia maklum.

Jadi, sebab itu kita dapati bahawa ajaran Ayah Pin ini masih boleh dan mampu kita menangani dengan menggunakan enakmen Jenayah Syariah Negeri Terengganu. Oleh itu, kita lihat tindakan telah pun diambil kepada kumpulan ajaran Ayah Pin dan kita juga sedia maklum bahawa pihak polis, kita tidak ada kuasa untuk kita hendak menangkap Ayah Pin dengan begitu mudah kerana ia tidak melakukan sebarang jenayah.

Hanya yang boleh menangkap Ayah Pin ini ialah Pegawai Penguat Kuasa Agama Negeri yang mewartakan ajaran Ayah Pin ini sebagai ajaran sesat. Walau bagaimanapun, pihak polis akan sentiasa memberikan kerjasama, memberikan maklumat kepada pihak berkuasa agama di negeri berkenaan dan pihak polis akan bersama-sama dengan pihak berkuasa agama negeri tersebut untuk mengambil tindakan kepada Ayah Pin ataupun mana-mana ajaran sesat.

Pihak polis hanya boleh campur tangan jika mereka yang hendak ditangkap itu cuba membuat kecoh, melawan pihak berkuasa kerajaan negeri, baru polis boleh tangkap dia di bawah Akta Polis. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana Ayah Pin ini mengancam keselamatan negara ataupun tidak, kita memang telah pun mengadakan banyak kali mesyuarat sama ada bagaimana tindakan yang akan diambil.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin memaklumkan bahawa kalau mengikut laporan yang saya dapat daripada JAKIM, hanya tiga negeri sahaja yang mewartakan ajaran Ayah Pin ini sebagai ajaran sesat, iaitu negeri Terengganu, Selangor dan Melaka. Negeri-negeri lain nampaknya belum lagi mewartakan bahawa kumpulan ajaran Ayah Pin ini merupakan kumpulan ajaran sesat. Jadi, kalau negeri itu tidak mewartakan alangkah sukar kita hendak ambil tindakan kepada kumpulan Ayah Pin jika ia berlaku di negeri yang belum mewartakan ajaran Ayah Pin. Kita juga dapati kumpulan ajaran Ayah Pin setakat ini, kita tidak tahu yang tepat tetapi kita anggarkan lebih kurang 600 orang pengikut Ayah Pin. Walaupun bagaimanapun, kita sedar dan sentiasa memantau kegiatan kumpulan ini. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana mengatakan bahawa AP ini tidak mengancam, walaupun kita merasai ia mengancam kerana ramai,

mengikut laporan pengikut-pengikut AP ini. Cuma saya ingin bertanya kepada pihak Timbalan Menteri apakah pihak Yang Berhormat menjadikan AP ini sebagai satu contoh terbaik untuk mengenal pasti, mungkin ada ajaran-ajaran sesat yang lain.

Oleh kerana ajaran sesat ini, AP ini berlaku di kawasan, boleh dikatakan kawasan elit, kawasan Menteri, sudah agak lama, baru sekarang terbongkar. Apakah pihak berkuasa akan menjadikan AP ini sebagai satu landasan untuk mengenal pasti, mungkin ada ajaran-ajaran sesat yang lain yang berkembang, oleh kerana mungkin mereka tidak merasai takut ke atas JAKIM, undang-undang yang ada, menyebabkan mereka masih lagi bergerak bebas? Ataupun pendekatan bawah yang tidak begitu kukuh yang dilaksanakan pada hari ini? Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kita telah banyak, pihak berkuasa kerajaan negeri telah pun mengambil tindakan kepada kumpulan-kumpulan ajaran sesat. Sekarang ini, kalau mengikut laporan JAKIM daripada 98 kumpulan ajaran sesat yang kita kenal, ada lebih kurang 25 yang sedang bergerak aktif, yang mana mereka ini boleh diambil tindakan oleh pihak penguasa kerajaan negeri. Mereka ini juga, kumpulan ajaran sesat ini, mereka cuba membuat pelbagai helah, seperti Ayah Pin sebagai contoh, dia pernah kita tangkap dan kita dakwa di negeri Terengganu tetapi apabila kita tangkap, dia kata dia murtad.

Jadi, bila dia murtad dia cuba mengatakan bahawa Mahkamah Syariah tidak ada kuasa mendengar kesnya tetapi kes ini telah dibawa ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Rayuan memutuskan Mahkamah Syariah Terengganu ada kuasa untuk mengambil tindakan kepada ajaran Ayah Pin walaupun dia kata dia sudah keluar daripada Islam.

Jadi, persoalan yang Yang Berhormat hendak bangkitkan tadi ialah kita hendak menunjukkan dan meyakinkan masyarakat bahawa kumpulan ajaran sesat ini sebenarnya boleh dan mampu kita mengawalinya dengan menggunakan enakmen Jenayah Syariah negeri yang sedia ada. Tinggal lagi sejauh mana keberanian, kebijaksanaan pegawai-pegawai penguat kuasa negeri masing-masing untuk mengambil tindakan kepada pengikut-pengikut ini.

Oleh itu, Bahagian Keselamatan akan menggunakan undang-undang yang biasa, yang terakhir dan kita tidak semudahnya hendak menggunakan ISA ini. Melainkan macam Arqam sahaja Yang Berhormat bagi Parit Buntar nyatakan, itu

apabila seluruh negara, kita dapat mengancam keselamatan, kita akan mengambil tindakan. Jadi, selagi kita lihat boleh gunakan undang-undang yang sedia ada, kita akan menggunakan undang-undang yang sedia ada untuk membasmi ajaran sesat ini. terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah binti Haji Haron: Terima kasih. Hasil daripada jawapan Menteri tadi menyatakan kedudukan Ayah Pin ini tidak sampai ke peringkat yang agak tegang, yang memerlukan tindakan yang lebih daripada itu. Adakah Yang Berhormat masih ingat bagaimana tindakan kerajaan terhadap Hassan anak Harimau dan akhirnya tindakan-tindakan ISA selama 2 tahun? Apakah pengajian ataupun amalan Ayah Pin ini menyerupai apa yang diajar oleh Hassan anak Harimau dan keadaan itu pun lebih kurang sama juga, situasi, rumah lebih kurang sama dan anak-anak muridnya lebih kurang yang sama, pengajaran pun lebih kurang yang sama tetapi tindakan terakhir apabila kita gagal, walaupun ditangkap, disaman di bawah enakmen yang ada di negeri masing-masing tetapi ia masih meneruskan dengan usaha dan ajaran mereka itu akhirnya digunakan kuasa ISA ke atas Hassan anak Harimau. Kenapa Ayah Pin ini tidak digunakan seperti ini?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Kita tidak nafikan bahawa ajaran Ayah Pin ini adalah diwarisi daripada ajaran Hassan anak Harimau ini. Dan, kita dapat memang Ariffin ini juga pernah kita dakwa tetapi daripada laporan-laporan yang kita dapat bahawa kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh Ayah Pin walaupun kita dapat ada di Johor, ada di Pahang, ada di Perak tetapi yang terlibat tidaklah seramai seperti mana pengikut Hassan Harimau dahulu.

Tetapi saya telah nyatakan tadi bahawa kita akan bertindak menggunakan ISA jika kita dapat ia benar-benar mengancam keselamatan negara. Kalau kita begitu mudah menggunakan ISA sedangkan kita selalu menyatakan pada peringkat antarabangsa bahawa ISA hanya kita guna sekiranya undang-undang yang sedia ada tidak dapat dan tidak mampu lagi untuk mengambil tindakan kepada seseorang, baru kita gunakan ISA ini.

Jadi, kita dapat pada hari ini bila tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri Terengganu, tempatnya pun telah diroboh dan kita pun sedia maklum mereka juga ada peguam, tidak semudah itu kita hendak ambil tindakan. Kita roboh, dia saman balik Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi, setakat yang kita dapat laporan, kegiatannya di Terengganu dan di tempat-tempat lain setakat ini telah pun dapat kita kurangkan. Jadi,

walau bagaimanapun, jika kita dapat laporan yang baru saya yakin tindakan tegas kita akan ambil. Terima kasih.

5. Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian] minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perubahan dan perbezaan yang dihadapi oleh negara apabila hubungan dengan Amerika, Australia dan Singapura bertambah baik di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pontian kerana membawa pertanyaan ini. Memandangkan soalan ini merangkumi hubungan Malaysia dengan tiga negara iaitu Amerika, Australia dan Singapura, izinkan saya menjawab soalan tersebut satu persatu mengikut negara.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Pertamanya hubungan Malaysia dengan Amerika di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dasar luar Malaysia sebenarnya tidak mengalami sebarang perubahan. Ini jelas terutamanya berkaitan isu-isu penting seperti Iraq, Palestin dan lain-lain.

Apa yang mungkin berbeza adalah pendekatan yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menengahkan isu-isu tersebut. Dalam konteks ini, negara-negara maju seperti Amerika Syarikat amat menghormati *the principles*, dengan izin, yang didukung oleh Malaysia berhubung dengan isu-isu sejagat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melakukan lawatan kerja ke Washington dan hasil pertemuan beliau dengan Presiden Bush telah berjaya mengukuhkan lagi hubungan dua hala, di mana persefahaman dan kerjasama yang lebih erat telah dapat diwujudkan.

Malaysia juga sering bertukar-tukar pandangan dan pendapat dengan Amerika Syarikat dalam hal-hal antarabangsa dan isu-isu serantau yang kita mempunyai kepentingan bersama. Perbezaan pendapat yang ada di antara kedua-dua negara tidak pernah dibiarkan menjadi penghalang kepada kemajuan dan hubungan dua hala. Kesediaan untuk duduk semeja meskipun untuk membincangkan isu-isu di mana kedua-dua negara jelas mempunyai percanggahan pendapat mencerminkan kematangan dalam hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks hubungan Malaysia/Australia pula, lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Australia pada bulan April yang lalu

telah berjaya memperkasa dan menganjukkan kerjasama dua hala ke tahap yang lebih bermakna di peringkat politik dari dalam semua bidang seperti perdagangan, pelaburan, pelajaran, pertanian, sains dan teknologi, pembangunan sumber manusia, pertahanan dan juga pelancongan. Kenyataan ini nyata dari kesediaan kedua-dua negara memeterai enam memorandum persefahaman *the statement of intent*, dengan izin, berhubung dengan Perjanjian Perdagangan Bebas (FDA), kerjasama teknologi maklumat dan komunikasi ICT, pendidikan, pertanian dan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia melihat FDA ini sebagai pembuka jalan kepada keseluruhan kerjasama ekonomi di antara Malaysia dan Australia seperti pembangunan infrastruktur pertanian terutama di bidang bioteknologi, *knowledge workers*, dengan izin dan pengeluaran produk-produk halal.

Hubungan antara Malaysia dengan Singapura pula, memang tidak dapat dinafikan semenjak perubahan kepimpinan di antara Malaysia dan Singapura ternampak perubahan ketara dalam hubungan dua hala di antara kedua-dua negara. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, hubungan menjadi lebih mesra dan kerjasama dua hala di dalam pelbagai bidang semakin meningkat. Pada tahun 2004, Malaysia dan Singapura telah memulakan semula perbincangan yang telah tertangguh dan terhenti sejak tahun 2002 untuk menyelesaikan isu-isu dua hala yang tertunggak berdasarkan semangat kejiranan dan setia kawan.

Setakat ini sebanyak dua rundingan telah diadakan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kanan Singapura dan perbincangan di peringkat pegawai tinggi kedua-dua negara sedang giat diteruskan. Hubungan yang baik dan mantap di antara Malaysia dan Singapura telah mendorong ke arah penyelesaian salah satu isu tertunggak, iaitu isu penambakan laut oleh Singapura di Selat Johor. Pada 26 April 2005 kedua-dua negara telah menandatangani perjanjian penyelesaian yang mengakhiri pertikaian selama lebih dua tahun mengenai isu ini.

Kerjasama dan persefahaman yang lebih erat terus terjalin semenjak akhir-akhir ini dalam pelbagai bidang seperti pertahanan, pendidikan, pertanian, pengangkutan dan kebudayaan di antara kedua-dua negara. Terima kasih.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Pada pandangan umum nampaknya seolah-olah seperti, "indah khabar dari rupa" Yang Berhormat. Alhamdulillah Yang Berhormat mengakui bahawa khususnya Amerika ini tiada perubahan, tiada banyak

perbezaan daripada dasar luar yang diamalkan oleh pucuk pimpinan yang lepas dengan pucuk pimpinan yang ada pada hari ini.

Yang kita nampak Yang Berhormat ialah jambatan seperti hubungan kita dengan Singapura, jambatan yang sepatutnya lurus menjadi bengkuk dan itu telah menjadikan negara kita berbelanja dua kali ganda daripada hasrat asal. Itu setelah usaha-usaha seperti Yang Berhormat katakan tadi, hubungan baik kita yang telah kita pertingkatkan. FDA tadi dengan Australia, *round* pertama pada bulan Mei, Australia-Malaysia diadakan di Kuala Lumpur. Ogos begitu juga diadakan di Kuala Lumpur sekali lagi.

Yang Berhormat memberi jaminan bahawa FDA ini akan diselesaikan. Katanya lawatan perdagangan akan dibuat ke Canberra pada bulan November tahun 2005 ini. Itu pun kita tidak tahu lagi Yang Berhormat sama ada perubahan yang kita tunjukkan, sikap kepimpinan kita terhadap Australia-Amerika dan juga Singapura ini, apa agaknya pada pandangan Yang Berhormat yang paling ketara setelah usaha-usaha yang kita buat ini hasil yang kita perolehi terhadap ketiga-tiga negara. Yang paling ketara, apakah yang negara kita terima pada waktu ini? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Kalau saya dapat mengukur hasil yang lebih bermakna di antara hubungan kedua-dua negara ini adalah dapat dilihat daripada segi nilai jumlah perdagangan antara kedua-dua negara, iaitu antara Malaysia dengan Amerika Syarikat pada tahun 2003 jumlah perdagangan adalah RM126.7 bilion dan pada tahun 2004 meningkat kepada RM147.9 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 15%.

Dengan Singapura pula dalam tahun 2003, perdagangannya RM99.6 bilion meningkat kepada RM116.6 bilion pada tahun 2004. Peningkatan juga sebanyak 15%. Jumlah dagangan antara Malaysia dengan Australia pula pada tahun 2003 berjumlah RM14.4 bilion dan meningkat kepada RM22.5 bilion pada tahun 2004, peningkatan sejumlah 20%. Dengan kata lain, kita melihat perkembangan daripada *figures* yang cukup positif dan juga menyentuh sedikit tentang isu jambatan Yang Berhormat Pontian bangkitkan tadi. Kita telah mengadakan rundingan pada 7 September 2005 yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar di pihak Malaysia dan Tuan Yang Terutama Peter Ho, Setiausaha Tetap Kementerian Luar Singapura.

Mesyuarat yang kedua ini seterusnya akan dilangsungkan pada bulan Oktober ini juga dan kita lihat mesyuarat-mesyuarat ini sebagai suatu permulaan baru dalam proses merapatkan jurang perbezaan di antara kedua pihak dan mendapat persetujuan

prinsip dalam semua perkara tertangguh. Kita melihat perbincangan mengenai isu jambatan ini Yang Berhormat dalam perspektif yang positif sama ada jambatan lurus atau jambatan bengkok kita tetap berhasrat membinanya. Mana mungkin kita bina jambatan tergantung yang tiada tujuannya? *We can't build a hanging bridge which leads to nowhere.*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak beri tumpuan kepada jambatan yang bengkok ini kerana mengikut satu laporan yang saya baca baru-baru ini, pihak Singapura berkata ada dua faktor mengapa mereka masih tidak boleh memberikan keputusan terhadap pihak kerajaan kerana kos dan juga jawapan kepada rakyat mereka. Ini menunjukkan mereka ini hanya mementingkan kepentingan negara mereka.

Soalan saya ialah bolehkah kerajaan kita Malaysia ini walaupun saya telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat tadi, yang menyatakan bahawa hubungan kita semakin hari semakin bertambah baik. Tetapi apabila dalam proses perundingan, bolehkah kita masukkan syarat-syarat lain ataupun memberi sedikit tekanan atau *pressure* mereka supaya mereka ini juga mengaku ataupun *respect*, dengan izin, terhadap keputusan kedua-dua kerajaan terutama mengenai isu ini untuk mereka yang sangat-sangat mementingkan kepentingan negara ataupun rakyat mereka sendiri. Adakah kita ini tidak mementingkan kepimpinan kita sendiri? Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat Puchong kerana telah mengemukakan soalan. Saya ingin memberi jaminan bahawa kepentingan negara kita sentiasa kita pentingkan, martabat dan maruah negara kita sering kita pentingkan dan perbincangan yang dilakukan sekarang ini pada saya menunjukkan satu reaksi ataupun perkembangan yang positif dalam isu-isu yang tertangguh terutama sekali dari segi jambatan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa perbincangan yang dilakukan sejak akhir-akhir ini adalah perbincangan yang rumit dan perbincangan itu menyulitkan, dan ada beberapa perkara dalam *aspect* perbincangan itu yang tidak dapat saya terangkan secara terperinci, tetapi yakinlah Yang Berhormat kita akan lakukan yang terbaik dan kita akan pastikan sama ada jambatan itu lurus atau jambatan itu bengkok, jambatan itu tetap kita berhasrat bina. Terima kasih.

6. **Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan bagaimanakah usaha dan langkah-langkah dan persediaan yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal dan menyelia pusat-pusat pengajian tinggi swasta yang tumbuh secara mendadak di Malaysia dan banyak menawarkan pelbagai kursus kepada para pelajar sehingga berlaku lebih permintaan dalam pasaran pekerjaan di negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan peluang pendidikan kepada rakyat jelata sehingga ke peringkat tertinggi selaras dengan dasar pendemokrasian pendidikan tinggi di mana kerajaan menyasarkan 40% rakyat dalam *cohort* umur 17 sehingga 23 tahun mendapat pendidikan tinggi menjelang tahun 2010. Sehingga kini 30% dalam *cohort* tersebut telah mendapat pendidikan ke peringkat tertinggi. Bagi memenuhi tanggungjawab dan mencapai matlamat tersebut, maka kerajaan telah membenarkan penubuhan institusi pengajian tinggi swasta bagi menampung kekurangan tempat pengajian tinggi di IPT awam.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah untuk mengawal dan menyelia perkembangan IPTS di negara ini supaya IPTS tersebut akan tetap cemerlang dan berkualiti tinggi. Ianya dilaksanakan berdasarkan peruntukan perundangan yang termaktub di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Akta 555 Tahun 1956 di mana jika terdapat IPTS yang beroperasi tanpa kelulusan, maka tindakan undang-undang akan diambil.

Langkah-langkah lain yang diambil oleh kementerian untuk mengawal selia perkembangan IPTS di negara ini ialah seperti:

- (i) semua IPTS baru diwajibkan mendaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi;
- (ii) setiap kursus pengajian perlu melalui proses jaminan kualiti secara berterusan yang dilakukan oleh Lembaga Akreditasi Negara di Kementerian Pengajian Tinggi. Kursus-kursus yang telah diluluskan adalah diwajibkan mendapat standard minimum sebelum sijil kursus diberikan kepada pelajar;
- (iii) penguatkuasaan dilakukan ke atas institusi dilaksanakan melalui beberapa program seperti Program Gempur dan Hebah pada tahun 2002 hingga 2004, Program Ops Tutup pada tahun 2004

dan program yang terbaru, Audit Institusi yang dilaksanakan mulai tahun 2003;

Mengikut rekod kementerian pada tahun ini terdapat 564 buah IPTS yang berdaftar berbanding dengan 706 buah pada tahun 2001. Ini menunjukkan langkah-langkah pengawalan dan penyeliaan yang dilaksanakan oleh kementerian adalah telus dan menjurus kepada peningkatan kualiti. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Setiausaha Parlimen dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cita-cita utama pelajar ialah biasanya mesti berakhir di menara gading. Daripada jawapan Setiausaha Parlimen tadi mengatakan sekarang terdapat sebanyak 564 IPTS yang ada di negara ini. Sepanjang yang saya tahu pelajar-pelajar SPM ini ada lebih kurang 200,000 orang. Mengambil kira 30% daripada pelajar SPM ini yang berjaya masuk ke IPTA dan IPTS, maknanya dia kurang daripada 100,000. Dalam 60,000 kalau kita bahagikan dengan 564, pelajar ini tidak sampai 200 orang bagi sebuah universiti, tidak munasabah.

Soalan tambahan saya, apakah kementerian tidak berfikir sebelum hendak menubuhkan sebuah universiti IPTS ini kena tengoklah inputnya berapa. Kita bagi permit kepada teksi dan penumpangnya hanya tiga orang bagi seribu buah teksi, akhirnya teksi-teksi ini berebut sesama sendiri. Inilah yang berlaku di negara kita sekarang, IPTS mula berebut-rebut pelajar.

Saya hendak sebut sebuah IPTS yang tidak tahu bagaimana dia boleh mendapat nama pelajar yang gagal pergi ke IPTA kemudian ditawarkan pelajar ini dapat tempat. Nama IPTS ini Cybernatic International College of Technology. Apabila orang kampung tengok "Cybernatic International College of Technology" dan mendapat tempat, dia seronok sebab dapat tempat di universiti ini, cepat-cepat terima. Cari wakil rakyat hendak minta bantuan sedikit dengan harapan dapat biasiswa.

Bila sudah masuk, PTPTN pun tidak bagi, MARA pun tidak bagi, JPA lagi tidak bagi. Akhirnya ke mana mereka ini hendak pergi? Dan bukannya seorang. Jual tanah, jual lembu, jual kerbau dan akhirnya menyerbu ke rumah wakil rakyat. Tidak apalah, wakil rakyat bolehlah bantu sikit-sikit yang ada, yang tidak ada? Persoalan yang timbul di sini ialah kenapa kita tidak jaga perkara seperti ini sebab menara gading ini adalah sesuatu yang berharga.

Itu satu, banyak lagi. Ada satu lagi Kolej Legenda, macam itu juga. Yang saya hairannya, bagaimana mereka ini boleh dapat nama pelajar yang tidak berjaya di UPU

ditawarkan kepada universiti ini. Nama baik, hendak masuk universiti, masuk sahajalah orang kampung. Akhirnya sudahlah kerja tidak dapat, universiti pula tidak sesuai. Saya minta supaya kerajaan mengambil perhatian dan saya minta jawapan yang menarik.

Akhir sekali, sudah banyak sangat ini, tidak bolehkah digabungkan macam bank? *Mergertah*, sudah 500 buah. 100 buah cukuplah. Ada 70,000 orang sahaja pelajar yang layak masuk universiti, 100 buah universiti cukuplah. Ini 500 buah mengalahkan India yang penduduknya 300 juta, mengalahkan Indonesia yang penduduknya 220 juta? *I think something must be wrong somewhere.* [Disorak] Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Sebelum sesebuah IPTS ditubuhkan memang kita memberikan penekanan terhadap rasional penubuhan, wawasan organisasi, siapa ketua eksekutifnya, pengalamannya dan pembangunan sumber manusia seperti tenaga pengajar, staf pentadbiran, sumber kewangan dan juga pembangunan fizikal.

Kita maklum apa yang Yang Berhormat Ketereh maksudkan tadi tentang perbuatan sesetengah IPTS yang menggunakan taktik pemasaran yang keterlaluan yang disebutkan sebentar tadi terhadap lepasan SPM dan STPM ini seolah-olah mendapat restu daripada Unit Processing University (UPU) ini ataupun sekarang ini ditukar kepada bahagian kemasukan pelajar ke universiti. Sebenarnya UPU tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan senarai nama kepada mana-mana IPTS untuk tujuan membenarkan data digunakan oleh IPTS membuat pemasaran kerana kawalan selia keselamatan terhadap data amat tinggi dan sulit.

Justeru itulah pelbagai cara lain yang kita lihat di sini, IPTS boleh mendapatkan maklumat pelajar lepasan SPM/STPM yang tidak mendapat tempat di IPTA, di antaranya kita lihat seperti majalah sekolah yang ditaja oleh IPTS itu sendiri. Keduanya melalui ekspo-ekspo pendidikan di mana pelajar-pelajar datang di antaranya seperti *The Star - Education Fair*, mereka dapat maklumat. Kemudian IPTS menganjurkan bengkel/seminar yang dianjurkan oleh IPTS sendiri dan juga ekspo kaunseling dan kerjaya. Malahan kita dapati data yang digunakan oleh IPTS tidak asli dan tidak sama dengan data UPU.

Walau bagaimanapun, kita akur dengan kebijaksanaan IPTS yang beroperasi pada hari ini yang disebut oleh Yang Berhormat tadi - 564 buah sebenarnya, ya? Sebanyak 564 buah yang telah pun ada pada hari ini menawarkan tempat kepada

pelajar. Tetapi sekiranya pihak kami menerima aduan yang mana pelajar diminta untuk membayar wang yang tidak diperlukan untuk kemasukan ataupun secara paksaan, maka pihak kami melalui JPS akan bertindak secara pentadbiran melalui unit penguatkuasaan JPS dan kita akan memanggil ataupun pergi ke IPTS tersebut untuk mengambil tindakan yang selanjutnya. Sekiranya ada terdapat pemalsuan iklan ataupun data, maka kita akan menggunakan notis arahan pengiklanan dan mereka terpaksa menjawab untuk mengambil tindakan kenapa tindakan tidak boleh diambil terhadap mereka.

Akhir sekali Yang Berhormat, pihak kementerian sentiasa menasihati pelajar supaya merujuk kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) terhadap IPTS yang diiktiraf kerana kita khawatir mereka tersalah pilih IPTS dan yang iktiraf kita boleh rujukkan kepada JPS dan juga LAN pada hari ini yang menguasai.

Soalan kedua Yang Berhormat, mengenai penggabungan yang memang bukan sahaja kita melihat banyak penutupan IPTS tetapi juga kita melihat kepada bagaimana sinergi dan juga kerjasama di antara IPTS-IPTS boleh digabungkan. Pada hari ini kita telah dapat melaksanakan dua kaedah, satu ialah *Malaysian university system* yang telah pun membuat kerjasama seperti kaedah meningkatkan *resources* ataupun mengoptimumkan *resources* seperti tenaga pengajar, perpustakaan dan mereka ini ialah Twin Tech Kolej Universiti, Kolej Shah Putera, Kolej Yayasan Melaka dan Kolej Negeri Sembilan, mereka bergabung dalam bentuk kerjasama.

Sebelum ini kumpulan UiTM dengan kolej-kolej IPTS sebanyak 19 buah pun mengadakan kerjasama. Dengan langkah penggabungan ini saya yakin kualiti akan meningkat dan pelajar-pelajar tidak terkeliru dengan jumlah yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya diminta oleh Ahli Parlimen Dungun mengalu-alukan RELA daripada Dungun. RELA, ya? Itu semua anggota RELA termasuk wanita sekalilah. RELAWATI.

Soalan tambahan saya, saya bersetuju dengan Ketereh, *merger* - kalau terlampau banyak *merge* jadikan satu, jadikan satu *big, strong and well-educated university*. Keduanya kita sekarang hendak *students from overseas*, pelajar-pelajar dari universiti masuk ke Malaysia. Yang masuk, Tuan Yang di-Pertua, Pakistan. Pakistan dia ambil visa pelajar, dia masuk kampung jual *carpet*, tak boleh bayar duit *carpet* dia

“carpet” orang kampung. Ini pun pihak Kementerian Pengajian Tinggi kena ambil kira. Boleh atau tidak boleh universiti-universiti yang wujud pada hari ini apabila universiti-universiti yang besar ini digabungkan jadikan universiti-universiti ini setaraf dengan universiti awam maka universiti awam ini seolah-olah difrancaiskan universiti swasta ini kepada UiTM? Francaiskan. Ataupun Universiti Sains francaiskan. Jadi dengan secara demikian, ia akan mengurangkan beban kerajaan untuk membuka universiti-universiti lagi.

Di samping itu kita juga akan dapat menarik pelajar-pelajar asing untuk belajar dengan kita Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini UIA satu universiti yang mengambil pelajar-pelajar luar dan universiti lain pun ambil juga, jadi bila pelajar luar masuk ke universiti kerajaan kita, ini akan mengurangkan peluang pelajar-pelajar tempatan untuk belajar ke universiti tersebut. Jadi apakah perancangan kerajaan untuk membantu universiti swasta yang baru ini kita dengar hendak gulung tikar, supaya mereka survive. Minta tolonglah syarikat-syarikat besar gergasi ini *back-up* mereka. Macam TNB dia ada universiti dia, macam la ni, Proton boleh buat universiti, Petronas ada universiti.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat, menteri jawab

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat dari Jerai. Untuk maksud penggabungan dan membantu IPTS-IPTS supaya menjadi lebih kuat, lebih menarik di peringkat domestik dan international kita memang sangat menggalakkan penubuhan konsortium dan penggabungan IPTS yang kurang berdaya saing. Dengan insentif Bajet 2005 yang ada mengeluarkan insentif. Selain dari itu, sebenarnya pihak IPTA negara yang established ataupun yang telah pun terkenal memang ada mengadakan program francais iaitu dipanggil program kerjasama di mana keseluruhan syllabus dan peperiksaan dikawal oleh IPTA. Yang kedua menggunakan skim kawal selia di mana pihak IPTA membangunkan bersama-sama IPTS.

Pada hari ini pelajar luar negara dalam negara kita lebih kurang 40,000 orang yang telah menuntut dan yang disebut UIA tadi kita ada seramai 1,902 orang pelajar luar negara yang belajar di UIA. Sebenarnya banyak lagi pelajar luar negara yang belajar di IPTA, dan banyak sebenarnya belajar di IPTS dalam negara ini. Sebab itulah kita juga mempelawa IPTS ini yang boleh menyertai promosi melalui meeting, insentif dengan izin konvensyen dan exhibition pendidikan dan buat *road-show* ke luar negara dan kita ada empat pusat promosi di luar negara pada hari ini iaitu di Dubai, Ho Chin-Min, Beijing dan Jakarta yang bertujuan untuk memastikan daya saing IPTS-IPTS kita sama ada di

dalam francais program IPTA atau kawal selia ataupun mereka buat francais dengan IPTA luar negara, IPTS luar negara supaya mereka mendapatkan pelajar-pelajar dan mereka dengan sendirinya akan meningkatkan keupayaan untuk bersaing di peringkat dunia.

7. Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kementerian tersebut peka terhadap masalah dan bebanan yang ditanggung oleh sekolah-sekolah di luar bandar di negeri Sarawak yang tidak menikmati bekalan elektrik yang sempurna. Sekolah-sekolah yang daif itu bergantung sangat kepada jana kuasa yang sentiasa tergendala operasinya sama ada akibat kerosakan atau terputusnya bekalan minyak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah bekalan elektrik terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar di negeri Sarawak. Dalam usaha tersebut, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk memperbaiki kemudahan bekalan elektrik. Dalam Rancangan Malaysia Ke-8, sebanyak RM22 juta telah dibelanjakan untuk membangun kemudahan bekalan elektrik khususnya di sekolah-sekolah luar bandar Sarawak.

Pembekalan elektrik ini dijalankan melalui dua fasa. Fasa I meliputi pembekalan elektrik ke 117 buah sekolah dan menelan kos sebanyak RM4.9 juta. Sementara itu dalam fasa II ia meliputi 297 sekolah dan menelan kos sebanyak RM19.1 juta yang meliputi pewujudan 297 buah rumah jana kuasa, 297 bekalan jana kuasa dan 296 pendawaian semula. Kesemua projek yang dirancang dalam RMK-8 telah siap sepenuhnya.

Pada masa kini terdapat 1,230 buah sekolah luar bandar di Sarawak. Daripada jumlah tersebut 703 sekolah mendapat bekalan elektrik melalui SESCO iaitu *phase one* penggunaan dua kabel, 87 buah sekolah melalui SESCO *phase three* melalui empat kabel, 421 buah sekolah mendapat bekalan elektrik daripada jana kuasa 3 buah sekolah melalui bekalan elektrik swasta 12 jam, 2 buah sekolah melalui bekalan elektrik swasta 24 jam, 8 buah sekolah melalui tenaga elektrik kerajaan negeri, iaitu *phase one* penggunaan dua kabel, sebuah sekolah melalui tenaga elektrik negeri, iaitu *phase three* penggunaan empat kabel, 2 buah sekolah melalui SESCO 12 jam dan 3 sekolah belum mendapat elektrik dan bergantung pada tenaga solar.

Perbelanjaan yang besar dalam Rancangan Malaysia Ke-8 jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan untuk mengatasi masalah bekalan elektrik di sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak dan usaha ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun, untuk mengadakan bekalan elektrik yang sempurna perancangan dan kerjasama dengan kementerian lain adalah diharapkan. Sekian terima kasih.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jelas dalam jawapan itu kerajaan telah begitu prihatin kepada tenaga pengajar dan murid-murid sekolah. Terima kasih kepada kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional. Tetapi bolehkah Kementerian Pelajaran memberi jaminan agar tidak ada lagi kejadian jana kuasa elektrik yang tidak ada kualiti dibekalkan kepada sekolah-sekolah luar bandar yang masih bergantung pada generator set itu. Sebab Tuan Yang di-Pertua, pada saya memang ada sesuatu yang mungkin tidak betul dalam pemilihan atau penganugerahan kontrak pembekalan generator set yang telah dihantar ke sekolah-sekolah itu. Sebab mutu generator set itu memanglah rendah sekali. Adalah selalu rosak dan akhirnya sangat membebankan dan menyukarkan tenaga pengajar dan murid-murid sekolah di luar bandar.

Kedua, sila nyatakan long-term solution daripada kementerian untuk memastikan sekolah-sekolah yang kini bergantung pada pembekalan elektrik daripada generator set kepada jana kuasa kepada sistem yang berkekalan dan stabil. Ketiga Tuan Yang di Pertua, memandangkan harga diesel ini akan terus naik mendadak di masa akan datang adakah kerajaan atau kementerian sudah membuat peruntukan yang mencukupi untuk menjamin bekalan diesel tidak menjadi masalah kepada sekolah-sekolah ini. Kementerian mesti juga mengambil kira juga kos pengangkutan, iaitu kos pengangkutan diesel dari pekan ke sekolah-sekolah di luar bandar yang agak jauhnya di pedalaman negeri Sarawak itu supaya tidak menjejaskan bekalan diesel itu. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan yang bernas itu. Memang kementerian berhasrat untuk membekalkan satu sistem elektrik yang lebih stabil tetapi memandangkan kebanyakan sekolah di luar bandar ini dalam kawasan pedalaman, malangnya sekolah-sekolah ini tidak disambungkan dengan bekalan elektrik awam kerana sekolah-sekolah ini berada dalam grid bekalan awam. Walau bagaimanapun, kementerian memang sedar bahawa semua sekolah dari segi akses dan kualiti pendidikan harus mengadakan jaminan dari

segi kualiti bekalan elektrik dan peruntukan yang diberi untuk sekolah-sekolah termasuk khususnya peruntukan untuk pembelian minyak dan juga peruntukan untuk penyelenggaraan dan pembaikan jana kuasa.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat bagi Kapit, bilangan sekolah yang menggunakan jana kuasa ialah sebanyak 57 buah sekolah rendah dan dua buah sekolah menengah. Manakala peruntukan pembelian minyak untuk jana kuasa tersebut adalah sebanyak 731,000 untuk sekolah rendah dan 479,000 untuk sekolah menengah. Bagi peruntukan penyelenggaraan dan pembaikan jana kuasa pula, ialah sebanyak 127,000 untuk sekolah rendah dan 236,000 untuk sekolah menengah. Terima kasih.

Tuan Alexander Nanta Linggi: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Petrajaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salah satu soalan daripada Yang Berhormat bagi Kapit tadi ialah perancangan jangka panjang terutamanya dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Apakah perancangan yang dilakukan oleh pihak kementerian. Sebagaimana yang kita tahu jana kuasa membekalkan elektrik, tetapi tidak secara stabil. Sekolah-sekolah sekarang kita menuju ke era IT. Jadi apabila bekalan elektrik tidak stabil, jadi kita mengetahui maknanya pelajar-pelajar kita di luar bandar dan juga pesisir bandar akan terjejas dalam konteks pembelajaran secara IT. Kalau kita lihat daripada jawapan tadi, saya rasa beberapa fakta yang bercanggah daripada apa yang saya dapat lihat daripada fakta yang saya ada.

Kalau kita lihat jana kuasa, di kawasan Kuching sahaja, maknanya kawasan Kuching masih persisiran bandar, masih ada 20 sekolah yang menggunakan jana kuasa, Sri Aman 29, Sibu 33, dan ini semuanya kawasan-kawasan masih dalam kawasan bandar, pesisir bandar masih menggunakan jana kuasa. Jadi apakah perancangan sebenarnya kita supaya rakyat kita ini, baiknya luar bandar, pesisir bandar dan bandar dapat dibekalkan dengan kesaksamaan untuk mereka bersaing. Sebab itu kalau kita lihat dari segi keputusan terbukti bahawa di Sarawak, keputusan di luar-luar bandar jauh di bawah paras pencapaian nasional. Ini salah satu penyumbang. Jadi apa perancangan kita dalam Rancangan Malaysia Ke-9 ini untuk memastikan mereka ini dapat dibekalkan dengan aliran gred. Terima kasih.

Yang di-Pertua: Baik.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disarankan oleh ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran juga ingin mengadakan satu sistem bekalan elektrik yang stabil. Tetapi, saya rasa dari segi pembekalan elektrik ini bukanlah, hanya di bawah kuasa Kementerian Pelajaran, tetapi memerlukan kerjasama daripada kementerian dan juga agensi-agensi yang lain, khususnya Kementerian Tenaga Air dan komunikasi dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kami juga sedang membuat kajian rapi mengenai isu ini untuk ditangani dalam Rancangan Malaysia ke-9, tetapi saya rasa masa ini adalah masih awal lagi untuk membuat pengumuman, tetapi sekiranya ada masalah khusus dari segi pembekalan elektrik untuk sekolah-sekolah pedalaman, saya mempelawa ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan maklumat kepada Kementerian Pelajaran, sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun sambil menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akhiri sesi soal jawab....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Habis dah? Saya baru hendak bagi dia cadangan. Ada cadangan, kita bagi cadangan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Lisan telah tamat]

11.14 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) mengenai satu usul yang boleh dikemukakan tanpa notis mengenai hak keistimewaan - 26(1)(p) hak keistimewaan, hak dan kebebasan semasa kejadian ini berlaku dan kejadian ini berlaku ialah semasa yang terawal yang dapat tahu ada berlaku adalah interpretasi dalam "Erskine May" ini dan saya mahu kemukakan satu usul di bawah itu, 26(1)(p) dan usul itu ialah berbunyi:

"Power di bawah Peraturan Mesyuarat 26 (1)(p): Dewan ini merujuk Yang Berhormat Ahli Parlimen Kuala Kangsar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Yang Berhormat Rafidah Aziz, kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk menyiasat sama ada terdapat *breach of privilege* dalam jawapan bertulis beliau kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen Ipoh Timor pada 20 September 2005, apabila menjawab soalan berkenaan dengan penyelewengan dalam pengeluaran AP untuk mengimport kereta. Sebab-sebab peningkatan bilangan AP

secara mendadak pada tahun 2004 dan 2005 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya dan pengumuman senarai AP yang penuh sejak tahun 1987 termasuk AP untuk individu untuk sebab-sebab di bawah;

- i) sebab pilihan sebelah atau *selectivity* iaitu *selectivity* dengan hanya memberi senarai AP untuk Ahli-ahli Parlimen dan bekas Ahli-ahli Parlimen yang diberi AP dari tahun 2000 hingga September 2005 apabila saya ada meminta dua senarai penuh pemegang AP iaitu AP individu, AP terbuka dan AP francais yang dikeluarkan setiap tahun bermula tahun 1978;
- ii) mengapa senarai Ahli-ahli Parlimen yang diberi AP diumumkan hanya bermula dari tahun 2000 dan bukan bermula dari tahun 1997 apabila setiap Ahli Parlimen mula diberi satu AP tahun itu;
- iii) mengapa senarai AP individu yang dikeluarkan dari tahun 2000 hingga September 2005 hanya dihadkan kepada Ahli-ahli Parlimen yang mana ianya hanya merupakan 8% daripada sejumlah 4,500 AP individu yang dikeluarkan pada masa itu;
- iv) mengapakah senarai itu mengandungi maklumat palsu, misalnya Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique yang tersenarai di nombor 158 sebagai telah diberi satu AP pada 2002, tetapi ini tidak diakui dan beliau ada menafikan pada Utusan Malaysia hari ini dengan menyatakan bahawa beliau tidak pernah memohon dan menerima surat mengatakan beliau menerima AP sejak menjadi Ahli Parlimen dan Timbalan Menteri;
- v) mengapakah enam Ahli Parlimen dalam senarai itu mempunyai dua AP sedangkan setiap orang Ahli Parlimen hanya dibenarkan satu AP seumur hidupnya iaitu;
 - a) Tuan Yew Teong Look Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan No. 89 dan No. 94 untuk tahun 2001,
 - b) bekas Senator Udam @ George Adam Palik, No.146 dan No. 175 untuk tahun 2002,
 - c) bekas Senator Nosimah Binti Hassim No. 29 dan No. 258 untuk tahun 2000 dan 2004,

- d) Senator Safinah binti Jusoh No.76 dan 274 untuk tahun 2001 dan 2005,
- e) Senator Siti Zailah binti Mohd Yusof No.79 dan 238 untuk tahun 2001 dan 2004, dan
- f) Senator Abdul Karim bin Abdul Ghani No. 44 dan 243 untuk 2000 dan 2004

Akhirnya sama ada pengumuman secara selektif pemegang AP yang hanya dihadkan kepada ahli-ahli Parlimen dari tahun 2000 ke September 2005 adalah untuk bermaksud mengalih perhatian terhadap skandal AP atau malahan lebih serius sebagaimana yang dirasai oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang dilaporkan dalam satu laporan "The Star" hari ini dalam satu artikel, "*MPs want Rafidah to Personally Address AP Issue*" oleh Jocelin Tan yang melaporkan bahawa sesetengah Ahli-ahli Parlimen BN berpendapat bahawa pengumuman senarai AP bermaksud untuk menampar muka mereka sebagai satu peringatan bahawa mereka turut mendapat manfaat daripada sistem ini dan mereka perlu berfikir terlebih dahulu sebelum menuding jari ke MITI yang mana ini adalah satu *breach of Parliamentary privilege* yang serius dalam *arm-twisting* dan mengugut Ahli-ahli Parlimen dalam menunaikan tanggungjawab Parlimen mereka untuk memastikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengikut prinsip *accountability* khususnya apabila beliau sudah menjadi seorang menteri yang sudah *infamous* kerana tidak rela untuk menghadiri sidang Parlimen untuk menghormati prinsip tanggungjawab eksekutif kepada Parlimen, itulah mustahak untuk menjaga maruah Parlimen.

Sebenarnya angka-angka itu untuk makluman Dewan Yang Mulia ini mengenai *double AP*, senarai itu didapati daripada *blocking* dan ini menunjuk *blocking in Malaysia has some of age*. Mereka daripada blok boleh buat satu siasatan dan menyampaikan maklumat ini. *Blocking has come of age* dan inilah satu *advance* untuk Malaysia.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Ipoh Timur iaitu untuk merujuk perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan mengikut Peraturan Mesyuarat 26(1)(p). Tetapi sebenarnya mengikut pendapat saya 26

(1)(p) adalah mengenai perkara-perkara iaitu usul berkenaan dengan hak dan kebebasan semasa perkara itu berlaku. Jadi sekarang ini perkara-perkara yang dirujuk itu telah berlaku lama sebelum ini. Dan jikalau... [Disampuk] Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak disebut, ini ada satu interpretasi dalam *Erskine May*. Yang pertama, *at the time breach* berlaku, masa itu berlaku. Kedua, oleh kerana apa itu berlaku, apabila satu laporan dibuat atau satu ucapan dibuat belum diketahui bahawa adalah mengandungi fitnah atau perkara yang tidak benar. Selepas itulah *at the first available opportunity* apabila tahu bahawa perkara itu tidak benar, itulah termasuk *at the first available opportunity*. Itulah dalam "*Erskine May*" itulah semua yang ada diterima sebagai para menteri *tradition and convention*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, "*at the first available opportunity*" pada pendapat saya bermakna dalam jangka masa dua, tiga, empat jam sahaja selepas perkara itu berlaku. Sekarang masa itu sudah berlarutan. Lagipun Yang Berhormat boleh membawa perkara ini di bawah Peraturan Mesyuarat 27 iaitu usul biasa. Oleh itu saya menolak unsur Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [21 September 2005]

11.23 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon membentangkan Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2005. Tuan Yang di-Pertua susulan daripada kelulusan Dewan Yang Mulia ini ke atas Akta Perbadanan Deposit Insurans Malaysia 2005 Akta PIDM dan Rang Undang-undang Bank Islam dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2005. Rang Undang-undang ini juga dicadang sebagai pindaan berbangkit bagi melicinkan

pelaksanaan Sistem Insurans Deposit di Malaysia dan memastikan Akta PIDM yang diluluskan oleh Parlimen pada sesi yang lepas dapat beroperasi dengan berkesan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Sistem Insurans Deposit yang akan dilaksanakan juga memperuntukkan perlindungan insurans yang berasingan untuk deposit yang disimpan di bank-bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983. Pindaan kepada Akta Bank Islam 1983 akan dapat memperkukuhkan lagi rangka kerja yang sedia ada bagi mempertingkatkan keyakinan orang ramai terhadap Sistem Kewangan Negara melalui perlindungan *explicit* yang disediakan untuk pendeposit.

Dalam hal ini adalah dicadangkan supaya Akta Bank Islam 1983 ataupun ABI dipinda dan dikemaskinikan sewajarnya dengan memasukkan peruntukan baru yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Kemasukan suatu peruntukan yang menyifatkan suatu Bank Islam yang berlesen sebagai suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM.
- (ii) Memperuntukkan suatu alasan yang baru bagi Menteri Kewangan untuk membatalkan lesen suatu Bank Islam yang berlesen yang telah terhenti menjadi ahli suatu institusi anggota di bawah akta PIDM.
- (iii) Mengadakan suatu peruntukan yang merujuk kepada suatu peratusan yang mana aset ditetapkan mengandungi deposit setiap Bank Islam.
- (iv) Mengecualikan PIDM daripada pemakaian Seksyen 22 ABI ataupun Akta Bank Islam ke atas mana-mana orang yang mengadakan suatu perjanjian atau perkiraan di bawah Akta PIDM.
- (v) Membenarkan apa-apa pendedahan akaun dan Hal Ehwal Pelanggan oleh suatu Bank Islam yang berlesen kepada mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau ejen Perbadanan Insurans Deposit Malaysia di bawah Akta PIDM dan
- (vi) Memperuntukkan keutamaan bagi deposit Islam bila suatu Bank Islam digolongkan di bawah perenggan 37(2)(F) dan untuk

menyatakan bahawa apa-apa kos, caj dan perbelanjaan yang patut oleh seorang yang dilantik di bawah perenggan 37(2)(D)(E)(F) hendaklah menjadi kena dibayar daripada aset Bank Islam diutamakan daripada tuntutan-tuntutan yang lain.

Secara terperinci Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengandungi lapan fasal seperti berikut:

Fasal 1 - Mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan akta dicadangkan.

Fasal 2 - Bertujuan untuk memasukkan tafsiran baru di dalam Akta Bank Islam 1983 untuk memudahkan pelaksanaan Akta PIDM ke atas Bank Islam

Fasal 3 - Bertujuan untuk meminda Seksyen 3 Akta Bank Islam 1983 untuk masukkan suatu *subseksyen* 5(a) untuk menyifatkan mana-mana Bank Islam berlesen sebagai suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM

Fasal 4 - Bertujuan untuk meminda Seksyen 11 Akta Bank Islam 1983 untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menamatkan lesen suatu Bank Islam jika Bank Islam telah terhenti menjadi suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM

Fasal 5 - Bertujuan untuk meminda Seksyen 16 Akta Bank Islam 1983 dengan menggantikan subseksyen (2) dengan suatu peruntukan yang merujuk kepada suatu peratusan aset yang ditetapkan mengandungi deposit setiap Bank Islam atau apa-apa liabiliti selain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara atau sebagai suatu peratusan sebagaimana yang diubah oleh Bank Negara

Fasal 6 - Bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta Bank Islam 1983 untuk masukkan suatu peruntukan untuk mengecualikan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ataupun PIDM daripada mendapatkan kebenaran Menteri bagi apa-apa perkiraan, perjanjian atau skim yang dicadangkan.

Fasal 7 - Bertujuan untuk meminda Seksyen 34 dengan menggantikan Seksyen 4 dengan subseksyen baru bagi memperuntukkan keperluan kerahsiaan perbankan tidak terpakai kepada maklumat yang diberi kepada mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau ejen Perbadanan Deposit Malaysia di bawah Akta PIDM

Fasal 8 - Bertujuan untuk menggantikan seksyen 45 dengan suatu seksyen baru untuk memperuntukkan pemeringkatan bagi deposit Islam bila suatu Bank Islam digulungkan di bawah perenggan 37(2)(F) dan untuk menyatakan bahawa apa-apa kos, caj dan perbelanjaan yang patut oleh seorang yang dilantik di bawah perenggan 37

(2)(D)(E) dan (F) hendaklah kena dibayar daripada aset bank Islam melalui segala tuntutan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad [Mersing]: Sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang Bernama Suatu Akta untuk Meminda Akta Bank Islam 1983 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Tumpat.

11.29 pg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terlibat untuk perbahasan cadangan Pindaan Rang Undan-undang Akta Bank Islam 1983. Saya fikir kita telah secara umumnya membahaskan Rang Undang-undang yang hampir sama dengan ini untuk Bank-bank Konvensional dan kali ini pula khusus untuk Bank Islam.

Oleh sebab ia khusus untuk Bank Islam, saya amat terperanjat Tuan Yang di-Pertua, bahawa untuk Bank Islam ini, pindaan ini ialah untuk disesuaikan dengan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ataupun PIDM itu. Saya fikir semua orang tahu bahawa dalam sistem kewangan Islam kita telah - kerajaan ini, kerajaan Barisan Nasional ini telah pun meluluskan kaedahnya yang dinamakan Takaful. Bekas Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Parit Buntar pun ada.

Oleh sebab itu, saya sangkakan apabila apa-apa dasar, apa-apa perancangan yang melibatkan kewangan Islam, Bank Islam khususnya kali ini berkenaan dengan pendeposit, berkenaan dengan insurans, maka sepatutnya ianya diletakkan di bawah siri undang-undang yang selaras dengan Islam. Tetapi kali ini entah apa sebabnya ianya berada di bawah takluk Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Oleh itu bantahan utama yang saya ingin nyatakan ialah bahawa kerajaan tidak sepatutnya meletakkan pindaan kepada Akta Bank Islam ini untuk diselaraskan dengan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

Saya ingin mencadangkan supaya yang diwujudkan terlebih dahulu ialah Akta Perbadanan Takaful Deposit Malaysia ataupun nama-nama yang sesuai dan sealiran dengan itu supaya sistem kewangan Islam ini, melalui Bank Islam, melalui Takaful Islam

dan lain-lain sistem-sistem kewangan Islam - *financial* - instrumen Islam yang lainnya sepatutnya tidak dicemarkan dengan apa yang cuba dilakukan pada hari ini iaitu meletakkan pindaan kepada Akta Bank Islam ini ke bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia Berhad. Saya amat menyeru dan mengharapkan supaya kerajaan tidak mengulangi kelalaian, kesilapan ini dengan cuba meletakkan pindaan terhadap Akta Bank Islam ini di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

Sebaliknya merangka Rang Undang-undang lain, Rang Undang-undang baru yang selaras dengan Islam yang ada prinsip Takafulnya yang sepatutnya dijadikan Rang Undang-undang yang dikaitkan dengan pindaan kepada Akta Bank Islam yang cuba diluluskan dalam perbahasan kita pada kali ini.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan Bank-bank Islam itu sendiri. Saya sekali lagi menyokong usaha-usaha Kementerian dan Bank Negara untuk memperbanyakkan, untuk memperluaskan lagi Bank Islam yang ada dalam negara ini. Baru-baru ini Bank Negara mempunyai suatu dasar untuk menambahkan 4 lesen-lesen baru untuk bank-bank Islam yang baru.

Saya secara keseluruhannya menyokong usaha tersebut dan mengharapkan bahawa ianya akan mencapai kejayaan yang dikehendaki tersebut, tetapi yang agak sekali lagi membimbangkan ialah bahawa di antara bank-bank tempatan yang diberikan lesen-lesen baru untuk membuka Bank Islam ini ialah kumpulan RHB. Ianya diberikan salah satu daripada lesen untuk mengoperasikan sebuah Bank Islam dan ia pun memang sudah pun dilancarkan. Untuk pengetahuan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, mengikut laporan keadaan RHB Bank, RHB *Capital* dan Kumpulan RHB adalah amat menyedihkan.

Satu laporan dalam *Wall Street Journal* melaporkan bahawa misalnya, KWSP yang mempunyai saham dalam RHB Group ini yang pelaburan asalnya bernilai RM2.3 bilion (nilai tersebut mengikut laporan *Wall Street Journal*) *is currently*, dengan izin, *valued at about RM115*, makna kejatuhan berpuluh-puluh peratus pelaburan oleh KWSP yang mewakili semua wang-wang simpanan rakyat Malaysia yang bekerja, yang pernah bekerja, yang sudah pun berhenti kerja daripada mana harapannya, pulangan daripada KWSP itu dapat membantu kehidupan mereka, tetapi faktanya hari ini ialah KWSP yang menabung sebanyak RM2.3 bilion dalam kumpulan RHB itu nilainya pada pasaran harga nilai saham RHB Group hari ini daripada RM2.3 bilion sudah menurun hanya kepada RM115 juta.

Kalau inilah keadaan RHB Group, dengan pelaburannya memberikan kesan yang amat negatif kepada pelabur-pelabur daripada RM2.3 bilion untuk kes KWSP sahaja menurun hanya kepada RM115 juta maknanya keadaan bank itu adalah amat tenat sekali. Tidak hairanlah mengapa Bank Negara tidak sanggup lagi meneruskan khidmat Pengerusi Eksekutifnya yang bernama Datuk Seri Sulaiman bin Taib itu yang dahulunya untuk beberapa tahun menjadi Pengerusi Eksekutif kumpulan itu tidak dibenarkan oleh Bank Negara untuk meneruskan dalam jawatan dan kedudukan tersebut sehingga Bank Negara menolak cadangan daripada bank tersebut sendiri untuk mengekalkan beliau di jawatan itu dan akhirnya hanyalah mengizinkan beliau itu memegang jawatan sekadar sebagai Pengerusi bukan Eksekutif kepada bank tersebut.

Ini pun sesudah beberapa minggu permohonan daripada bank tersebut menunggu barulah mendapat jawapan daripada Bank Negara. Ini kebimbangan kita terhadap keadaan sistem kewangan yang berlaku dan wujud dalam negara kita ini, keadaan sebuah bank yang wujud dalam negara ini, keadaan di mana pimpinan sebuah bank telah berkeadaan yang tidak menentu yang menimbulkan keadaan waswas dan kebimbangan di kalangan pelabur-pelabur asing dalam negara ini, di kalangan pengurus-pengurus dana asing dalam negara ini bahawa terdapat suasana di dalam negara kita ini di mana Bank Negara baik, Kabinet baik, tidak mampu membuat keputusan-keputusan yang jelas dan tegas.

Hari ini misalnya kita terbaca laporan bahawa Kabinet terpaksa buat keputusan untuk meminta Ketua Pengarah Kastam yang akan bersara ini memohon maaf kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Perkara yang begitu Kabinet kah kena buat keputusan? Sepatutnya Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, sepatutnya Menteri Kewangan pertama atau kedua mengarahkan pegawai tersebut tetapi Kabinet membuat keputusan tersebut. Maknanya Kabinet yang kecil-kecil ini sanggup membuat keputusan yang jelas, terbuka dan nyata tetapi hal-hal besar seperti siapa menjadi peneraju bank-bank yang besar nampaknya lambat untuk membuat keputusan.

Lagi lambat keputusan tentang Menteri-menteri yang tidak hadir ke mesyuarat kita di Parlimen, Menteri-menteri yang tidak hadir mesyuarat Kabinet sendiri untuk melaporkan tentang masalah AP dan sebagainya, lagilah kita tidak dapat mengharapkan Kabinet untuk membuat keputusan yang tegas. Kebimbangan kita ialah tentang sistem kewangan ini, tentang bank ini, tentang dasar Bank Negara yang nampaknya hari ini

mempunyai sikap yang tidak begitu sealiran dengan RHB Group tetapi pada ketika ini juga telah membenarkan, telah melancarkan sebuah lagi cawangan kepada bank tersebut atas nama Bank Islam.

Walhal jelas sekali bahawa pelaburan oleh KWSP sendiri dalam bank ini telah pun mengalami kerugian yang amat besar, yang mempunyai kesan yang amat besar terhadap rakyat jelata yang kesemuanya menjadi penabung kepada sistem KWSP kita ini. Saya bimbang di satu pihak menyokong dasar untuk memperbanyakkan, melebarkan, meluaskan sistem kewangan kita tetapi bimbang tentang pengurusan perkembangan sistem kewangan kita berlandaskan kepada keadaan yang kita lihat berlaku dengan salah satu bank yang terbesar dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua sebaliknya kita mengharapkan bahawa kerajaan meningkatkan lagi kempenya untuk menarik pelabur-pelabur asing untuk memberi dan membeli saham-saham dalam sistem kewangan kita termasuk Bank Islam. Kerajaan nampaknya agak longgar jelasnya ialah tentang sebagai mana soalan di bahagian awal Parlimen tadi untuk negara-negara asing membeli dan melabur dalam sistem kewangan, sistem bank kita sebagai contohnya Singapura misalnya. Nampaknya dengan mudah dibenarkan untuk membeli saham-saham yang *substantial*, dengan izin, dalam sistem kewangan kita.

Walhal, kita dengan jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Luar Negeri tadi, bahawa Singapura dari pihak mereka, untuk membina jabatan pertama pun, jambatan bersama pun mereka masih tidak dapat bersetuju tetapi di pihak kita membenarkan dengan mudah syarikat-syarikat pelabur yang dipunyai oleh Kerajaan Republik Singapura untuk membeli saham-saham secara kadar yang *substantial* dalam sistem kewangan dalam bank-bank kita.

Jadi, saya menyeru kepada Kementerian Kewangan supaya mempunyai sikap yang lebih mementingkan negara kita. Kalaupun kita nak membenarkan misalnya Singapura, membeli saham dalam syarikat-syarikat besar kita, Telekom Malaysia dan syarikat-syarikat kewangan kita, kita patut mengikat Singapura itu. Bahawa mereka boleh membeli saham-saham yang menarik, yang menguntungkan dalam negara ini. Tetapi Singapura kenalah kita ikat supaya bersetuju untuk misalnya dengan cadangan Malaysia untuk membina jambatan baru dan tidak seperti keadaan sekarang ini.

Jadi ini, saya nampak bahawa kerajaan kita tidak dapat mengendalikan sama ada dari segi sudut hubungan dengan luar negara ataupun untuk mempertahankan

kepentingan negara ataupun untuk mempertahankan syarikat-syarikat penting negara seperti bank-bank dan syarikat Telekom kita ini dan mengendalikan kepentingan-kepentingan negara ini supaya tidak menguntungkan negara-negara dan pelabur-pelabur asing sahaja.

Khusus untuk sistem kewangan Islam dan Bank Islam, saya fikir oleh kerana kita masih lagi Pengerusi Persidangan Negara-Negara Islam atau OIC, dengan izin, maka sepatutnya kerajaan kita, patutnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang juga Menteri Kewangan pertama, Yang Berhormat Menteri Luar kita dalam lawatan mereka yang amat kerap ke negara-negara asing selain ke Amerika, Timur Tengah juga, untuk menarik sepatutnya pelabur-pelabur daripada negara-negara Timur Tengah untuk masuk ke Malaysia walaupun saya tahu ada satu dua gergasi Timur Tengah sudah pun masuk, tetapi kita sepatutnya boleh menarik lebih banyak lagi dari mereka ini untuk datang ke Malaysia, dan melabur dalam sistem kewangan Islam kita.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, setakat manakah kejayaan kita itu, setakat manakah sekali lagi kita menggunakan kedudukan kita sebagai kononnya, sebagai sebuah negara yang terkemuka dalam kalangan dunia negara Islam ini mampu untuk menarik pelabur-pelabur daripada Timur Tengah ini.

Satu pergolakan yang saya baca dalam akhbar hari ini atau semalam yang menarik berkaitan dengan sistem kewangan Islam atau bank-bank Islam ialah satu laporan bahawa terdapat cadangan untuk mewujudkan - dengan izin - *internationally recognized capital standards and improved risk management system* yang mengikut laporan ini akan diterima pada tahun 2007 nanti rancangannya oleh lebih kurang 270 bank-bank Islam di seluruh dunia. Pengumuman ini dibuat semalam oleh Setiausaha Agung, dengan izin, *Secretary-General of the Islamic Financial Services Board*, yang mana nama beliau ialah Professor Rifaat Ahmad Abdel Karim, yang menyatakan bahawa draf *standard* ini *internationally recognized capital standards and improved risk management system* ini, telah ada persetujuan pada prinsipnya untuk mengguna pakai *standard* yang *internationally recognized* ini.

Dan ini katanya, mengikut laporan ini adalah satu perkara yang dimaklumkan dalam, dengan izin, *Second Annual Asian Islamic Banking And Finance Summit* yang diadakan saya fikir di Kuala Lumpur beberapa hari yang lalu ini. Cadangan ini ialah kerana mengikut laporan ini sekali lagi, dengan izin, *Islamic banks around the world*

each carries a different set of banking rules and does not have a unified standard or a common benchmark. Maknanya, sudah diakui bahawa yang di sekitar 270 bank-bank Islam di seluruh dunia ini, mereka ini tidak mempunyai suatu sistem kewangan atau *banking rules* yang sama, yang *standard*. Oleh sebab itu, perlu kepada ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini sekali lagi baik dan saya pun beberapa kali menyebut dalam Dewan yang mulia ini, bahawa satu daripada punca yang saya dimaklumkan sudah beberapa lama yang lalu, walaupun Malaysia sudah ada sistem bank Islamnya, tetapi tidak dapat menarik pelaburan ataupun dana-dana yang besar daripada Timur Tengah, yang akan dan sedang menjadi makin bertambah besar dengan kenaikan harga minyak mentah yang begitu mendadak setahun dua ini yang mana wang tersebut secara besarnya tidak sebelum-sebelumnya, hanya ke Barat, ke Amerika Syarikat sahaja. Tetapi oleh kerana selepas peristiwa 11 September 2001 itu, dana tersebut kurang mudah atau kurang suka dilaburkan di barat di Amerika, tetapi mencari-cari tempat-tempat yang sesuai untuk dilaburkan.

Saya sudah sebutkan beberapa tahun yang lalu dalam Dewan yang mulia ini, kemungkinan besar mengapa dana-dana tersebut tidak datang ke Malaysia secara yang besarnya ialah kerana *standards*, dengan izin, yang diguna pakai di Timur Tengah untuk kewangan Islam atau untuk Perbankan Islam, *Islamic banking standards*, tidak sama dengan *standard* yang kita ada di sini dan sebaliknya pengamal-pengamal *Islamic banking*, dengan izin, Timur Tengah menganggap bahawa *standard Islamic banking* kita dengan izin, di Malaysia ini tidak dapat mereka terima, tetapi saya menyambut baik dengan apa yang kita baca dalam laporan semalam ini atau hari ini yang ada dengan saya ini, bahawa akan ada usaha dan sudah ada tarikhnya dalam tahun 2007, untuk mewujudkan apa yang dinamakan dengan izin, *Internationally Recognized Capital Standards And Improved Risk Management System*.

Saya ingin, dalam konteks ini menyeru kepada Kerajaan untuk mengambil berat akan cadangan ini untuk sekali lagi menunjukkan suatu pendirian yang tegas oleh Kementerian, oleh Kabinet untuk menerima pakai dengan secepat mungkin malah saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan mengambil daya usaha untuk menjadi pemimpin dan pelopor kepada cadangan untuk mewujudkan suatu *standard* yang sama untuk seluruh sistem kewangan Islam di seluruh dunia. Kalau boleh, lebih awal daripada tahun 2007 ini lagi.

Dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mempelopori perwujudan suatu institusi penyelidikan malah suatu kolej atau universiti antarabangsa khusus tentang sistem kewangan Islam. Kalau Telekom ada Universiti Telekomnya, TNB ada Universiti TNBnya dan sebagainya, kalau parti-parti politik pun bebas dibenarkan mewujudkan universiti-universiti dan sebagainya untuk diri masing-masing. Kalau kebebasan yang sudah menjadi begitu tidak terkawal sehinggakan bagaimana kita dengar tadi ada 564 buah universiti-universiti swasta yang mana ianya menjadi lebih berkecamuk dengan keadaan pengendalian di mana Kementerian Pengajian Tinggi tidak menumpukan sangat tentang hal-hal akademik nampaknya tetapi lebih menumpukan kepada menekan mahasiswa-mahasiswa kita jangan bertanding dalam pilihan raya kampus, menyekat kumpulan-kumpulan tertentu daripada bertanding dalam pilihan raya kampus, begitu sekali jadinya sekarang ini.

Kusutnya pengendalian sistem pendidikan negara kita sehingga Kerajaan lebih berminat untuk mengawal kebebasan mahasiswa daripada memupuk sebenarnya kebebasan dan kreativiti mahasiswa. Walaupun Perdana Menteri menyebut tentang *we must think outside the box*, tetapi yang *inside the campus* itu ditekan sedemikian rupa, maka saya ingin dalam nada yang lain, dalam semangat yang baru menyarankan kepada Bank Negara supaya mewujudkan suatu pusat penyelidikan, suatu universiti atau kolej yang mana seluruh pengamal-pengamal, peminat-peminat sistem kewangan di seluruh dunia, boleh mempunyai suatu tempat yang mana mereka dapat meneruskan proses untuk mencari penemuan-penemuan yang baru, kaedah-kaedah yang baru, untuk mengembangkan sistem kewangan, bukan sahaja dalam negara ini tetapi juga di seluruh dunia.

Saya tahu bahawa Bank Islam di Malaysia ini mempunyai institut penyelidikannya yang tersendiri, saya tahu bahawa *Islamic Development Bank* (IDB) mempunyai institusi penyelidikannya yang tersendiri. Tetapi jelas sekali bahawa jika hari ini baru kita membaca daripada satu lagi kumpulan yang menamakan diri mereka *Islamic Financial Services Board*, dengan izin, baru mencadangkan untuk tahun 2007 dilaksanakan sesuatu yang boleh diterima oleh seluruh sistem kewangan Islam bermaknalah fungsi-fungsi yang ada di institusi penyelidikan IDB dan juga institusi penyelidikan Bank Islam yang di bawah Bank Negara itu, fungsi-fungsi tersebut tidak mencapai tahap yang kita harapkan.

Mungkin kalau Bank Negara memikir semula dan mengambil inisiatif yang baru maka saya mengharapkan bahawa ia akan lebih berkesan untuk meletakkan kita sebagai salah sebuah negara di dunia ini yang mempunyai sumbangan yang lebih berkesan dalam pengembangan sistem kewangan Islam ini. Jadi saya mengharapkan bahawa pindaan-pindaan, cadangan-cadangan dan kebimbangan saya tentang akta ini tertakluk kepada Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia diberi perhatian oleh pihak Kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga dengan rakan-rakan untuk bersama-sama dalam membahaskan Rang Undang-undang Bank Islam Pindaan 2005 yang mana banyak telah diperkatakan kerana kita dah tiga hari berbincang tentang Rang Undang-undang Bank dan hari ini Islam hanya mengubah sahaja daripada bank *conventional* kepada bank Islam. Dan kita juga minta supaya apa yang disarankan oleh Tumpat tadi bukan kata saya nak menyokong tapi memang benar. Selama ini Bank Islam kita berkisar insurans cara kita sendiri, Takaful, berapa pula kita nak ikut? Yang ini sunat, yang ini belum sunat lagi ni.

Jadi saya minta Kementerian pandang balik soal ini dan hari ini kita lihat pada hari ini perkembangan institusi kewangan Islam yang mana Malaysia pada hari ini menjadi contoh sebagai teraju institusi kewangan Islam. Dan saya minta Bank Negara dalam usaha mengeluarkan lesen-lesen kepada institusi-institusi kewangan tentang *Islamic* bank punya *license* ini, saya minta satu kontrol. Hari ini kita lihat bank perdagangan yang lain yang bukan dikontrol oleh masyarakat Islam ataupun Bumiputera diberi lesen. Dan kita kena pastikan bahawa lesen *Islamic banking* ini hanya diberi kepada syarikat-syarikat atau bank-bank yang dikontrol oleh orang Islam di mana kita lihat bahawa pengurusan dia, struktur pengurusannya daripada atas sehingga ke peringkat pertengahan dikontrol oleh orang Islam maka dengan tidak langsung bersesuaian dengan lesen yang kita keluarkan, *Islamic Banking License* dikendalikan oleh orang Islam.

Kalau kita lihat pada hari ini *bank conventional* bagaimana yang disebut tadi banyak bank yang wujud di dalam negara, kita tengok CEO nya adakah dia orang Islam? Pengurusan dia adakah daripada orang Islam? Tetapi oleh kerana pada hari ini masyarakat dah mula berminat kepada institusi perbankan Islam, kita lihat bahawa

institusi-institusi kewangan yang bukan milik ataupun dikontrol oleh orang Islam hari ini telah mengeluarkan produk-produk cara Islam.

Dan mereka keluarkan produk-produk *services* ini hanya yang menguntungkan sahaja walhal dalam sistem perbankan Islam ada banyak produk. Dia tidak ambil produk yang sebagai *service-oriented*, tidak ambil. Dan kita berharap juga Bank Islam sebagai institusi kewangan Islam yang unggul dalam negara. Kita juga harus berhati-hati, jangan terikut-ikut, dengan cara-cara *conventional banking*. Bank Islam juga terikut-ikut hanya menumpukan kepada tiga perkara iaitu pinjaman perumahan cara Islam, *hire-purchase* kereta cara Islam, dan satu lagi *credit card*, ini pun tak hilang. Bagaimana yang *dipraktikkan* oleh bank-bank *conventional* diikuti 100% oleh bank Islam. Kenapa jadi macam ini? Ya, Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Floor* dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa dia Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tengah hari.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Selamat tengah hari Tuan Yang di-Pertua, saya pun keliru mana satu pagi, mana satu tengah hari. Kita tak berhenti-henti Tuan Yang di-Pertua, mendengar macam-macam rungutan ada. Terima kasihlah Jasin kerana bagi saya laluan. Dan fikiran-fikiran yang membina yang dilontarkan dalam masyarakat untuk pembaikan, untuk kebaikan, macam Jasin lah, bank, dan semalam kita bahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tadi apa yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Jasin, sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak bersetuju ataupun Yang Berhormat nak minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya memang menyokong apa yang dikeluarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hujah-hujah yang lain tidak perlu dikeluarkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya akan masuk hujah yang lain ini. Ini soalan yang bijaksana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan masa untuk Yang Berhormat mengemukakan hujah, yang nak berucap Jasin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya nak bertanya Jasin lah Tuan Yang di-Pertua, hujah saya ini hujan nak bertanya, bukan hujah saya, hujah nak bertanya dan saya rasa dia boleh jawab, dia boleh jawab. Jadi banyak cadangan kerana nak membuat pembaikan. Cuma saya nak tanya Jasin, sama ada Jasin boleh mengulas sedikit sebanyak dan apa pandangan Jasin kerana ramai orang dah berkata dua, tiga hari ini, mungkin Kubang Kerian pun boleh campurlah dalam perbahasan ini agaknya, 'Peringat' ke, Kubang Kerian ke, boleh campur

Seorang Ahli: Ketereh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ketereh boleh campur. Ini tentang persaraan Tan Sri Khalil ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekejap Tuan Yang di-Pertua, sabarlah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini perkara tidak dibangkitkan oleh Jasin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini saya nak minta tanya fikiran dia Tuan Yang di-Pertua dan ada kaitan juga dengan soal kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lepas ini saya minta Yang Berhormat balik, ambil baca buku inilah. Lepas inilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Baca Tuan Yang di-Pertua, saya baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagi sedikit masa, baca buku ini, Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya nak bertanya dia Tuan Yang di-Pertua dan ini ada kaitan dengan kepentingan negara, ada kaitan dengan kepentingan negara kerana soal kewangan. Kecoh tentang dia nak bersara konon belanja RM5 juta tu satu fasal, benar tak benar tu soal lainlah, itu pihak-pihak yang tertentu boleh mengesahkannya. Itu bukan perkara yang kita nak bahaskan di sini, itu ada pihak-pihak lain.

Yang nak saya bahaskan ini yang ada kaitan dengan bank, dengan kewangan ini. Tiba-tiba kerana kurang tumpuan pegawai-pegawai kastam katanya, maka kita telah

kehilangan RM7 juta kutipan cukai. Maknanya isu Tan Sri Khalil ini menimbulkan kemarahan kakitangan kastam di mana peringkat saya tak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekejap Tuan Yang di-Pertua, biar lepas. Jadi maknanya kita kerugian wang dan kalau ini benar apa yang dikatakan, dilaporkan dalam akhbar, seolah-olah beberapa atau pihak-pihak tertentu dan kastam marah kerana isu Ketua Pengarahnya dipertikaikan maka kita hilang, hilang cukai begitu banyak maknanya pegawai-pegawai kastam ini tidak boleh nak usik lah, dia menggugat kepentingan negara. Ini bukan satu perkara yang kecil yang tidak boleh dibiarkan.

Polis kena maki Tuan Yang di-Pertua, polis kena maki, kena tuduh macam-macam tapi polis tetap jalankan kerja. Askar kena maki tetapi askar jalankan kerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Guru kena tampar Tuan Yang di-Pertua, guru ada kena tampar tapi anak-anak murid tetap diajar oleh guru-guru, tak boikot, tak boikot. Saya nak ambil ini isu negara Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah mengelirukan Dewan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kastam boleh menggugat kepentingan negara, negara kita sebenarnya dalam keadaan yang lemah dan kucar-kacir, tidak boleh nak diurus dengan baik. Ketua Setiausaha Negara apa kerja? Kalau kita hendak pertikaikan banyak perkara ini. Saya tidak boleh terima sebagai rakyat Malaysia, ada jabatan kerajaan yang tidak menunaikan tanggungjawab hanya kerana orang-orang tertentu dalam jabatannya diusik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Wah! Macam ini tidak ada guna sistem perundangan dalam negara kita, tidak ada gunanya sistem-sistem macam mana yang kita tadbirkan negara kita ini. Kalau bagi saya Tuan Yang di-Pertua, kalau betul ini ulasan semua pengarah kastam negeri suruh dia berhenti, semua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Atau diletakkan di tempat lain supaya perjalanan kastam dapat diurus dengan baik, minta pandangan Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, Sri Gading.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya, Sri Gading. Saya tidak berani ulas Tuan Yang di-Pertua, sebab kita asyik bercerita tentang banking Islam ini. Jadi sahabat saya ini dia kalau saya tidak beri peluang takut malam karang dia tidak sampai balik ke Johor. Punya geram dia pada kastam, kalau hendak ikutkan geram Tuan Yang di-Pertua, saya lagi geram, kerana saya seorang ejen kastam, saya berniaga dengan kastam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masalah kastam boleh kita bangkitkan lain kali bukan sekarang.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi cerita....ya lain kali, ya Tuan Yang di-Pertua, saya tahu. Tetapi kita kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masa, pasal benda ini berlaku hari ini kita pun sudah naik angin Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kakitangan kerajaan yang begitu tinggi boleh begitu angkuh, ini *Islamickah?* Ini yang kita hendak marah Tuan Yang di-Pertua, angkuh. Apabila disebut tentang main golf, dia sebut pula Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, siapa dia? *Who is he, man?* Dengan izin? Tetapi tidak apa Tuan Yang di-Pertua, kita akan bincang esok atau minggu hadapan tentang ini. Tetapi masalah bank Islam ini pun kita minta supaya kerajaan berhati-hati kerana pada akhir-akhir ini kita lihat.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat Jasin, saya tidak mahu tunggu minggu hadapan, kalau tiap-tiap hari hasil cukai kita hilang kerana kakitangan tertentu, kastam hilang fokus tentang kerja, rugi negara Yang Berhormat, kita bukan boleh tangguh, sebab itu saya bangun walaupun saya faham Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak faham undang-undang ini, apa benda susah hendak fahamkan benda ini? Alahai, sudah 9 tahun saya dalam ini sudah macam hendak hafal peraturan ini, tetapi saya tahu isu ini kalau kita biarkan dia akan berlalu begitu sahaja, rakyat akan kata Ahli Parlimen pun 'bengap' dan tidak peka tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat dan negara. Ini sebab saya bangkitkan, jadi kalau Jasin kata minggu hadapan, sudah terlambat, *it is too late!*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Sri Gading, saya setuju seratus peratus, ini yang kita hendak tegur Kementerian Kewangan kerana kastam duduk di bawah Kementerian Kewangan, Kementerian Kewangan harus tegas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, di bawah bank mana itu Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Pasal Sri Gading sudah panaskan saya Tuan Yang di-Pertua, kalau hal Ketua Pengarah Kastam dan jabatan kastam pun Kementerian Kewangan tidak boleh tangani, bagaimana hendak menangani masalah bank yang kita bincang tiga hari? Hari ini Bank Islam....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Jasin beri peluang. Kita cakap tentang deposit Islam dan kita cakap tentang pelaburan Islam, kita cakap tentang liabiliti, ini liabilitilah ini. Walaupun yang dikatakan ini adalah liabiliti mengenai pendeposit Islam, tetapi perangai Ketua Pengarah Kastam ini liabiliti kepada negara. *You put* negara dalam keadaan tertekan. Bagaimana boleh kerana kita ditegur oleh Ketua Setiausaha Negara, kemudian kita biarkan anak buah kita tidak kutip cukai. *This is a total defiance of the rules of this country!* Dengan izin. *[Tepuk]* Kemudian membandingkan dirinya pula, "Kalau Timbalan Perdana Menteri boleh main golf, kenapa saya tidak boleh main golf?" Amboi!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya tidak mahu guna perkataan kasar-kasar sebab ini fasal Islam, tetapi *this is totally unislamic*. Maka saya hendak cadangkan kepada Jasin bersetuju atau tidak dengan saya, kita kena minta Kementerian Kewangan ambil tindakan serta-merta kepada mereka dan kunci-kuncunya yang membiarkan negara rugi, tujuh juta dalam masa satu hari. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya bagi, bagi, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan Yang Berhormat? Ya, sila Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jasin. Memang kita terpanggil untuk menyuarakan isu seumpama ini, sebab saya bersetuju dengan Ketereh yang melibatkan liabiliti hutang kerajaan, yang seharusnya pegawai-pegawai kastam ini tidak melibatkan diri, sebab bos mereka bukan Ketua Pengarah Kastam, bos mereka adalah kerajaan, hasil kita telah hilang satu juta satu hari sehingga hari ini tidak tahu sama ada mereka sudah bekerja atau tidak. Justeru itu kita mahu minta Jasin menyuarakan kepada Kementerian Kewangan, sehingga hari ini diaudit, adakah mereka sudah bekerja, kalau tidak ambil tindakan serta-merta sebab ini amat memalukan, bagaimana kalau penguat kuasa yang lain berbuat begini, polis, tentera, JPJ dan sebagainya. Apa keadaan negara kita, kita akan lingkup oleh sebab perbuatan mereka, kerajaan kena ambil tindakan tegas ini bukan main-main, ini serius bukan macam pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya...*[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]* sempat juga mengusik rakan kita itu, kalau hendak ikutkan hati Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, apabila tengok peristiwa yang berlaku, saya minta kalau saya yang menjadi salah seorang dekat Kementerian Kewangan saya akan gantung kerja dia 24 jam hari ini....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Tepuk]* Oh! Sokong!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: ...sehingga persaraan dia, gaji kita bayar, tetapi tidak ada lagi dan kita gantung tugas dia, begitu, begini, dia sudah habis sudah, kerana kita tidak boleh terima, kerana masalah kita kalau kita tengok dan siasat, soal AP macam mana disebut oleh Ketua Pembangkang, hasil daripada siasatan saya yang berhubung dengan kastam ini, kita malas cerita kastam juga terlibat dalam usaha ini. Bagaimana boleh berlaku? Orang boleh ikrarkan sebuah kereta berharga RM11,000. Kalau tidak kastam meluluskan, bagaimana? Kerana dia ditugaskan untuk mengutip cukai dan juga menilai, kerana penilaian kereta dibuat dua cara satu cara doket dan satu cara sedia ada. Eh, kita pun tahu juga....

Seorang Ahli: Betul, betul, betul.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tetapi kita tidak hendak soal itu, hanya yang penting pada kita pada hari ini Kementerian Kewangan sayang, janganlah biarlah

benda ini berlarutan sehinggakan Kabinet terpaksa menegur, walhal Jabatan Kastam duduk di bawah Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan sudah bertanggungjawab untuk mengatasi masalah ini.

Begitu juga dengan bank-bank ini. Yang saya takut, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada hari ini dunia korporat yang sedang berlaku sekarang ini – *merger* lah, *takingover* lah, kita takut akhirnya esok, institusi perbankan Islam yang dimiliki oleh orang Islam, yang dimiliki oleh orang Melayu sebagai pengurusannya, oleh sebab berlakunya *merger* dan *takeover*, akhirnya pengurusan ataupun penguasaan Bank Islam yang kita lesen ini pergi kepada bangsa lain ataupun kepada pemodal-pemodal yang datang, sebagai contoh Alliance Bank pada hari ini, sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan kita tadi, diambil alih oleh Singapura. Kalau kita tersilap hari itu memberi Alliance Bank lesen perbankan Islam, hari ini pengurusan bank kewangan Islam yang dimiliki oleh Alliance Bank mungkin dikendalikan oleh Singapura, ini kita kena jaga, kita sudah banyak berlaku ini, begitu juga dengan sistem penswastan Sri Gading.

Ketika dahulu hospital Tuan Yang di-Pertua, kita hendak cerita ini, pengurusan hospital, dobi, dapur, *supply* yang di *supply* oleh kontraktor-kontraktor bumiputera, diambil alih oleh satu syarikat tertentu. Dalam dasar penswastan, kawasan selatan di *control* habis. Maka menangislah peniaga-peniaga bumiputera yang kecil-kecil, yang *supply* dan juga yang membuat lori. Kita sejuk sedikit kononnya syarikat yang ambil alih ini adalah kepentingan bumiputera, tetapi akhir-akhir ini kita lihat bahawa syarikat ini diambil alih oleh Syarikat Parkway daripada Singapura. Di mana dia? Di mana kepentingan bumiputera lagi? Apa sudah jadi? Jadi, kita berharap Kementerian Kewangan berkenaan dengan Bank Islam ini jangan tolak ansur kalau hendak bagi lesen pun kita kena bagikan kepada badan yang mempunyai *dicontrol* oleh orang Islam ataupun bumiputera, macam KWSP, Kumpulan Guru-guru, Socso ataupun PNB yang mana kepentingan orang Melayu itu ada, orang Islam itu ada. Itu sahaja yang kita bagikan lesen perbankan Islam kerana kita lihat, saya minta ini penting....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:: Ya! Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Hendak mengamuk Kastam lagi ke?
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Datuk, menjadi Ahli Parlimen Datuk, faham saya, faham saya maknanya masalah bangsa ini Datuk, begitu dahsyat, masalah bangsa begitu dahsyat dan kalau tidak dibawa dalam Dewan yang mulia seperti ini dan kalau dibawa pun tidak ada kesan, jangan mimpi. Jangan mimpi hendak memperbetulkan, yang daif tetap daif, yang cicir tetap cicir, yang tinggal tetap tinggal, yang miskin tetap miskin. Kalau di Dewan yang mulia ini tempat kita mencanai fikiran,....

Seorang Ahli: Inilah tempatnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ... tempat kita mencurahkan perasaan, tempat di sini kita bagi pihak rakyat mengemukakan masalah tidak berkesan, ...

Seorang Ahli: Mana lagi mahu pergi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak berkesan, di mana, di mana? Sebab itu apa yang diucapkan oleh Ahli Parlimen dan keputusan Parlimen jangan diremehkan oleh semua pihak. *[Tepuk]* Jangan diremehkan oleh semua pihak, siapa sahaja! Sama ada kamu Menteri, Ketua Setiausaha, siapa sahaja! Kerana aku datang daripada rakyat, berjuang untuk rakyat dan kepentingan rakyat. Tidak ada yang lebih mulia daripada rakyat, rakyatlah yang berkuasa. Dalam sistem demokrasi yang paling mutlak ialah rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini suara rakyat, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya! Dahulu makcik saya boleh kumpul telur jual hospital, sepupu saya boleh potong ayam jual hospital, makcik saya boleh buat kuih jual hospital, *[Disampuk]* jual kepada hospital, kantin hospital dapat RM3, RM4, cukup! Kerana makcik saya bukan ada Mercedes, bukan ada banglo, hanya hendak hidup, sepupu saya bukan ada banglo, bukan ada Mercedes, hanya hendak hidup.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak tanya atau tidak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: RM4, RM5, untung, soalan? *[Ketawa]* Dalam perjalanan saya hendak menyoal *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi jangan panjang sangat, Yang Berhormat. Yang Berhormat kena berucap nanti.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, geram, Tuan Yang di-Pertua. Tidak apa demi bangsa dan negara, nyawa kan ku korbankan. Cakap di Parlimen ini, you catat, you catat, pasal datuk nenek saya panglima dahulu, panglima perang. *[Ketawa]* Memang darahnya untuk negara bukan perkara yang susah sangat. Kalau saya anak cucu, ini Kinabatangan ini anak cucu panglima itu, betul ini bukan gurau. Kalau datuk nenek kita boleh berkorban nyawa dan darah untuk kepentingan bangsa dan negara, kenapa tidak kita. Sekadar bercakap apa ada. Rasulullah dalam perang Badar bawa 313 dalam bulan puasa berperang dengan pedang, menghadapi musuh, bertumpah darah, mereka berani berkorban. Kita siap cakap dalam *air-con* di Parlimen yang begini indah hendak bercakap pun takut. Huh! Dan, ada orang hendak tahan saya bercakap, siapa dia? Oh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Speaker boleh tahan Yang Berhormat, speaker boleh tahan, bagilah peluang kepada Jasin berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini *Parkway* dia ambil *[Ketawa]*. Telur ayam makcik saya, *Parkway* diambil konon bagi pada orang Melayu yang jadi swasta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup dahulu Yang Berhormat, beri Jasin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kerana ada kuasa politik sedangkan kadang-kadang bukan berjasa sangat pada UMNO. Banyak korporat yang dapat peluang-peluang besar ratus juta-ratus juta ini berjuang dalam UMNO pun tidak ada senarainya, Tuan Yang di-Pertua,.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan macam Tuan Yang di-Pertua. Dari peringkat prebet sampailah jadi Timbalan Speaker ini kita tahu rekod Tuan Yang di-Pertua berjuang dalam UMNO, patut pun dapat apa-apa.

Seorang Ahli: [Menyampuk] [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup dahulu, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sekejap, sekejap Tuan Yang di-Pertua, sekejap lagi Tuan Yang di-Pertua. Biar saya habiskanlah sampai pukul satu, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Dapat penswastaan kalaulah ku lihat kalau kau dapat penswastaan bagi kepada orang-orang Melayu yang lain, aku lihatlah, kita

redhalah, Tuan Yang di-Pertua tetapi akhirnya Parkway Singapura - gila babi apa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya! Cukup Yang Berhormat beri Jasin dahulu. Ya! Jasin, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Sri Gading. *[Ketawa]* Ini masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, ini yang sedang berlaku realiti. Apa yang dicakap oleh rakan-rakan saya Sri Gading tadi memang betul. Kadang-kadang kita sedih hak orang ramai yang hari ini orang kita ramai-ramai, peniaga-peniaga kecil yang melibatkan orang-orang Melayu diambil macam itu sahaja. Dengan cara penswastaan, *privatization*. Wah! Nama pun orang kampung hendak sebut pun susah ini, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Lepas itu *at the expense of the poor people*, dengan izin,....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Baru hendak mulalah, Cameron Highlands. Duduklah dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Bagi jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berucap sedikit-sedikit hendak minta penjelasan daripada Jasin, nanti ilham itu hilang. Tadi saya nampak Yang Berhormat Sri Gading dengan luahan perasaan yang begitu dahsyat sekali. Bukan sekadar mengindahkan bibir, bahasa nubari, betul-betul bahasa nubari, sampai Tuan Yang di-Pertua pun hendak halang pun tidak boleh. Bererti ini bukan suatu indah khabar dari rupa, bukan.

Yang Berhormat Jasin, kita telah berbahasa, beremosi, banyak kali kita sudah cerita ini, banyak kali, tetapi balik-balik pi mai pi mai tang tu, pi mai pi mai tang tu. Jabatan-jabatan Kerajaan, pihak eksekutif tidak boleh dikawal dan mereka boleh lakukan sewenang-wenang sebarang apa dan kita pula kerana dapat satu AP kena hentam. Persepsi masyarakat sampai telefon tidak berhenti-henti bunyi.

Seorang Ahli: Betul ke itu?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Betul! Inilah keadaannya. Maka, kalau kita ada *political will* di Dewan yang mulia ini, kita pohon semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya membawa perubahan dan pengislahan kepada undang-undang kita

sendiri. Kita membentuk *select committees*, dengan izin, bagi setiap Kementerian di mana kita boleh memohon supaya Menteri atau pegawainya datang berdepan dengan *select committee* ini untuk memberi penjelasan kepada tohmahan dan tuduhan-tuduhan ini. Dan, lepas itu kita boleh juga meminta Menteri datang untuk berbincang dasar dan juga *budget* yang ada. Dan kita sebagai Ahli Parlimen memberi *feedback*, maklum balas daripada akar umbi, adakah projek-projek yang dirancang itu....

Seorang Ahli: Termasuk JKR?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Hah! Ini orang kacau saya ini. *[Ketawa]* Bila kita ada ilham, Tuan Yang di-Pertua, diganggu oleh orang - saya minta penjelasan Jasin. *[Disampuk]* Inilah masalah, rakan seperjuangan tidak memahami perjuangan. Yang Berhormat Sri Gading, bagaimana ini? Saya cerita habis, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan Jasin, adakah kita berani membentuk jawatankuasa ini supaya kita mohon kepada Perdana Menteri kita, kita merayu pada beliau supaya membenarkan kementerian-kementerian sensitif mesti ada *permanent select committee*, di mana kita boleh mohon mereka datang bincang datang setiap tiga bulan.

Supaya bila benda itu sudah terjadi maka nasi menjadi bubur, meludah ke langit timpa hidung sendiri, buat apa? Sudah lambat, kita berteriak, bertempiak di sini, tidak guna. Lembing yang tidak bertenaga tidak ada sakti. *[Disorak]* Betul atau tidak? Pahlawan apa, muflis. Di Dewan yang mulia ini, saya minta penjelasan, adakah kita mempunyai kekuatan dalaman supaya perubahan ini mesti dilakukan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, pandangan daripada sahabat saya Cameron Highlands. Saya kira pendapat saudara itu adalah satu pendapat yang cukup bijak, hanya saya hendak minta saudara menerajunya dengan membuat usul tergepar. *[Disampuk]* Ada berani tidak berani?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Dengan izin, insya-Allah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita sambung balik. Kita hanya hendak mengingatkan Kementerian Kewangan kerana soal ini tentang Bank Islam ini, Akta Bank Islam ini tidak boleh digadai dengan begitu sahaja. Kalau adanya berlaku *merger* ataupun pengambilalihan oleh syarikat-syarikat walaupun dalam negeri ataupun luar negara tetapi kita kena pastikan bahawa syarikat-syarikat itu *dicontrol* oleh orang Islam ataupun orang bumiputera. Ini prasyarat yang harus kita pertahankan.

Kita tidak hendak yang berlaku apa yang berlaku baru-baru ini, syarikat-syarikat yang disebutkan tadi kerana kita kena lihat inilah satu peluang Kementerian Kewangan untuk kita membangunkan usaha untuk memastikan pemilikan ekuiti bumiputera 30% sebagaimana yang diidamkan. Melalui Bank Islam yang kita *control* inilah baru kita lihat CEOnya orang Islam, pengurusannya orang Islam.

Kalau bank-bank swasta lain, adakah mereka hendak meletakkan Melayu ataupun orang Islam sebagai CEOnya? Hanya ada ini. Yang ini kita kena jaga. Dan pada hari ini kita lihat oleh kerana keengganan kerjasama bank-bank swasta yang lain untuk membantu pedagang-pedagang kecil, SMI dan SME membuatkan kerajaan pada hari ini terpaksa mewujudkan satu bank yang khas untuk SME-SME ini. Mengapa tidak kita gunakan bank-bank Islam yang kita *control* ini dan kita perkenalkan ini untuk membantu SME-SME, lebih-lebih lagi masyarakat Islam dan bumiputera.

Janganlah macam saya sebut tadi, bank yang kita lesenkan, Bank Islam Malaysia pada hari ini terikut-ikut dengan bank-bank konvensional yang lain yang bertumpu kepada tiga perkara sahaja tanpa membantu peniaga-peniaga bumiputera. Ini pun kalau dari segi hukum, mereka sudah salah. Jadi oleh yang demikian kita harap dengan adanya kumpulan-kumpulan yang saya sebutkan tadi supaya lesen Bank Islam ini hendaklah dibagi kepada bumiputera-*controlled companies* ataupun kumpulan-kumpulan seperti PNB, SOCSO, KWSP yang *dicontrol* oleh orang-orang bumiputera ataupun Islam, mereka inilah yang kita dapat bagikan lesen untuk institusi kewangan Islam ini dan dia akan menjadi *champion* kepada apa yang kita hajatkan untuk mendapatkan penyertaan bumiputera 30%, kita boleh gunakan Bank Islam. Dengan itu saya berharap kerajaan berhati-hati dalam usaha ini...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jasin tadi yang mengatakan bahawa SME itu patut dibantu menggunakan sistem perbankan Islam atau Bank Islam. Jadi saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, bagaimanakah dari tafsiran ataupun boleh tidak Yang Berhormat bagi satu gambaran yang jelas kerana kita sedar bahawa bank

perdagangan konvensional yang ada sekarang mementingkan ataupun mewajibkan *collateral* atau cagaran.

Saya tidak pasti kalau mengikut perbankan Islam, kalau kita hendak minta SME juga bekalkan ataupun gunakan *collateral*, nampaknya memang tidak praktikallah sebab mereka ini pengusaha IKS, tidak banyak modal dan kalau mereka ada harta, mereka tidak payah pinjam. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat huraikan bagaimana ia dapat membantu pengusaha IKS.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kerana cara perbankan Islam ini berlainan dengan konvensional. Kalau misalan kata industri ataupun SME ini berdaya maju, ia boleh menjualkan kepada bank, perniagaan dia. Tidak semestinya *collateral*, perniagaan yang mempunyai daya maju. Boleh jual kepada bank dan seolah-olah *joint venture* dengan bank ataupun dia bekerja untuk bank. Apabila sudah selesai bayar hutang dia, ia akan menjadi milik dia. Inilah cara yang dipraktikkan perbankan Islam.

Ini agak berlainan daripada konvensional. Tetapi malangnya benda ini tidak berlaku. Bank Islam sudah mengikut macam bank konvensional, tiga perkara – pinjaman perumahan, pinjaman kereta dan *credit card*. Kerana *credit card* 18%, saya tidak tahu macam mana, dia sunat macam mana hendak mengislamkan cara *interest credit card* ini, wallahualam bissawab, saya tidak arif tentang itu. Tetapi 1.5% itu tetap ada. Ini yang sedang berlaku sekarang.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jasin. Penawaran perkhidmatan yang tiga perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin ini saya ingat mungkin bukan had itu sahaja sebab baru-baru ini kita pun baca dalam surat khabar di mana perbankan Islam juga memberikan perkhidmatan bon, *treasury* dan sebagainya.

Sebagai contoh, saya ingat dua hari yang lalu di mana Syarikat Perkhidmatan Air Selangor dan SYABAS telah mendapatkan bon lebih daripada RM3 bilion perbankan Islam, itu satu. Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat.

Yang kedua mengenai perbankan Islam yang menyatakan bahawa pemilikan ekuiti itu mesti diberikan kepada kaum Melayu dan juga bumiputera yang di negara kita ini, memang itu sesuai dan juga berpatutan bagi saya secara peribadi tetapi pada masa yang sama dengan kuasa-kuasa globalisasi, dengan kita mementingkan pencapaian dan juga mementingkan meritokrasi dan sebagainya, bagaimana atau apakah pendapat Yang Berhormat kalaulah sistem perbankan ini ada pelabur-pelabur, *let's say* dari Asia Tengah, sebagai contoh di Saudi Arabia ataupun Qatar. UEA dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pelabur-pelabur daripada negara-negara ini juga diberi peluang untuk memiliki ekuiti dalam sistem perbankan di negara ini supaya mereka mungkin akan memberikan lebih banyak lagi perniagaan daripada negara mereka.

Ini selaras dengan dasar kerajaan untuk menjadikan negara Malaysia ini sebagai sebuah negara yang tumpuan ataupun yang unggul dari segi perbankan Islam. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Puchong. Saya setuju. Memang pada hari ini macam apa yang dibuat oleh SYABAS baru-baru ini dengan *Islamic bonds*, yang ini sekali-sekala, bukan perniagaan hakiki. Tetapi *consumer banking* ini harian. Yang ini yang kurang dititik beratkan. Ini yang maksud saya. Memang benar dia ada yang lain-lain, *Islamic bonds* dan sebagainya, tetapi mengapa Bank Islam harus mengikut bank-bank konvensional yang hanya mementingkan tiga perkara sebagai *consumer banking* dia. Banyak benda lain yang boleh kita buat berasaskan dunia perniagaan yang begitu luas.

Tentang kemasukan pelabur-pelabur asing daripada Asia Barat untuk memegang ekuiti, memang kita alu-alukan. Tetapi, biarlah majoriti-majoriti pegangan saham daripada bank-bank Islam di negara kita ini dipegang oleh orang tempatan. Kalau dia datang ini, walaupun cara dia cara Islam, dia datang cara daripada itu, dia hendak pegang ekuiti sendiri, kita menganggapkan dia sebagai *foreign bank*. Yang bank tempatan, *Islamic Bank* tempatan mesti dipegang majoriti daripada saham-sahamnya, ialah daripada orang Islam, lebih-lebih lagi bumiputera di dalam negara kita.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa lagi hendak diperbincangkan. Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini dengan sedikit pindaan, sebagaimana yang disebut oleh rakan saya tadi, bahawa kementerian terpaksa memandangkan balik berkenaan dengan seksyen 3 iaitu bahawa, "Mana-mana Bank

Islam yang dilesenkan di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai satu institusi anggota di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia tahun 2005 ini”, kita kena perhatikan balik supaya ia bersesuaian dengan Akta Takaful yang telah kita adakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila beri jawapan. Hendak berucap lagi, ya? Kubang Kerian. Selepas ini kementerian menjawab.

12.32 tgh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan untuk berucap pada pagi ini di atas Rang Undang-undang Bank Islam DR18/2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagaimana Yang Berhormat bagi Tumpat sebentar tadi telah mencadangkan bahawa pihak kementerian mestilah memandang dengan serius tentang akta ini iaitu Akta Bank Islam 1983 adalah lanjutan daripada pengenalan Akta Perbadanan Insurans Deposit 2005, yang telah dibentangkan di Parlimen ini pada 26 Julai 2005 dan diwartakan pada 11 Ogos tahun 2005.

Akta ini Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk melindungi wang deposit yang disimpan oleh orang ramai di bank tempatan termasuk bank-bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 seperti Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat. Wang deposit yang disimpan ini akan dilindungi oleh insurans iaitu syarikat perbadanan insurans yang diwartakan di dalam akta ini. Apa yang menjadi persoalannya Tuan Yang di-Pertua adalah, kenapa akta ini yang melibatkan tentang Bank Islam secara khusus, secara spesifik, yang sebelum ini kita bincang tentang Akta Bank konvensional tetapi hari ini kita bincang, kita berdiri di sini untuk bincang tentang Bank Islam secara khusus. Yang pertama sekali, saya yakin dan percaya bahawa tujuan kerajaan adalah untuk meningkatkan keyakinan rakyat Malaysia, khususnya umat Islam supaya lebih yakin tentang keupayaan Bank Islam.

Yang kedua, pada saya matlamat yang paling penting ialah kalau Bank Islam berjaya untuk mengangkat paradigmanya, ia akan memimpin, menjadi sebuah bank yang akan memimpin bank-bank lain ke arah, kepada satu kesempurnaan, perbankan Islam yang bukan sekadar diyakini oleh umat Islam, tetapi yang lebih di sini ialah diyakini oleh manusia keseluruhannya terhadap perbankan Islam ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya tertarik dengan saranan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh yang mencelah ucapan Yang Berhormat bagi Pasir Mas tentang bagaimana yang disebut bahawa, semacam parti Islam seperti PAS ini tidak begitu menyokong ataupun tidak bersetuju dengan projek-projek ataupun sistem yang dikemukakan oleh kerajaan. Sebagai contoh, tentang Bank Islam ini. Suka saya mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya sendiri sebagai Ketua Pemuda PAS, kalau ditanya tentang khususnya bila kita bincang tentang Bank Islam, saya sendiri sebagai contoh, keluarga saya dan kalau saya ditanya oleh ahli-ahli Pemuda, kami ada ahli hari ini hampir 1.3 juta.

Sudah tentu kita mengatakan bank yang paling selamat, bank yang paling tepat untuk kita simpan wang kita ialah Bank Islam. Jadi pada saya, tidak timbul masalah kita meragui ataupun kita tidak menyokong apa juga sistem yang kita anggap baik, yang perlu kita berikan sokongan. Yang penting pada saya adalah, *at the end of day*, bahawa Bank Islam ini, bukan sekadar diyakini oleh orang Islam, oleh orang bukan Islam, bukan sekadar di peringkat nasional, tetapi kalau boleh di peringkat internasional, Malaysia boleh meyakinkan dunia tentang Bank Islam adalah merupakan bank yang paling selamat, yang paling berupaya dalam segi perbankan Islam ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bila sebagai contoh kita memerintah negeri....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading, Sri Gading bangun.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Kubang Kerian ini, dia satu imej yang lain. Imej yang lain daripada yang lain. Imej inilah yang sedang hendak ditonjolkan oleh PAS untuk hendak mengubah persepsi masyarakat bahawa PAS sebenarnya paradigma dia sudah bertukarlah seperti inilah, seperti yang digambarkan oleh Kubang Kerian. So, tahniahlah Kubang Kerian, satu pemimpin yang mengikuti peredaran zamanlah. Ini mungkin agaknya akan mengubah masa depan PASlah dan perjuangannya. Ini kerana saya tengok, perjuangan PAS pun sudah mula berubah jauh daripada landasan asallah.

Mawi akan dibawa ke Kota Bharulah, sudah barang tentu Kubang Kerian Ketua Pemuda PAS menjadi tenaga pendorong yang terpenting selepas Yang Amat Berhormat

Menteri Besar dialah, sehingga Majlis Fatwa pun dilanggarlah. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, apakah ini bahawa PAS sedang mengikut jejak-jejak UMNOlah maknanya. *[Ketawa]* Dahulu, PAS memang anti pertunjukan-pertunjukan pentas, hiburan dan sebagainya. Hari ini, telah pun ada fatwa, bolehlah mengharuskannya. Jadi, apakah agaknya? Akhirnya, kita ada satu titik pertemuan agaknya di hujung jalan, nun di hujung terowong ada cahaya yang akan dinikmati bersama. Tidak tahulah. Tetapi kalau orang macam Kubang Kerian memimpin. Tetapi, kalau orang yang, tidak usah sebutlah orangnya. Itu makin gelap agaknya di hujung terowong. Tetapi tidak tahulah macam mana Kubang Kerian. Apakah PAS agaknya sudah berubah? Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau hendak jawab itu, saya perlu forum yang lain, yang lebih luas. Tetapi sebenarnya tentang isu hiburan ini, ayahanda saya Yang Berhormat bagi Sri Gading, kita mesti menjuarai satu konsep hiburan daripada perspektif Islam yang sihat untuk kita mengatasi hiburan melampau, apa yang kita sebut hiburan realiti yang ada pada hari ini. Sebab, pada saya, masalah gejala sosial, kalau PAS yang bercakap, orang tidak percaya.

Tetapi, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, Timbalan Perdana Menteri sendiri bercakap tentang kebimbangan anak muda yang terlibat dengan gejala sosial, ini masalah nasional. Sebab itu, saya telah mencadangkan supaya Pemuda PAS dan Pemuda UMNO, kita duduk bersama. Kita *put aside* kita punya *political interests* untuk kita bincang apakah yang perlu kita lakukan supaya anak muda kita, generasi muda kita ini selamat dan mereka benar-benar menjadi barisan pelapis untuk pembinaan negara. Ini sebenarnya yang paling penting bukan masalah yang kita hendak sebut bukan PAS hendak meninggalkan dasar perjuangan. Saya adalah produk kepada sebuah parti Islam yang saya akan cuba buat yang terbaik untuk kita gambarkan Islam itu adalah satu perkara yang indah dan boleh diterima oleh masyarakat keseluruhannya. Yang lain kita sembang di luarlah ayahanda Sri Gading.

Saya balik kepada masalah Bank Islam ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita percaya kepada sistem perbankan Islam sebenarnya dan bila PAS diizinkan oleh Allah S.W.T. memerintah Kelantan tahun 1990 kita buat. Kerajaan menukar akaunnya kepada Bank Islam dan ini sebagai satu tanda sokongan kita. Jadi saya juga mengharapkan kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab nanti saya juga ingin tahu adakah kerajaan-kerajaan negeri yang lain mengambil sikap yang sama.

Tentang keyakinan kita kepada Bank Islam ini, pada awal hari pertama Bank Islam ini diisytiharkan, saya yakin dan percaya ramai orang tidak percaya tentang keupayaan Bank Islam ini adakah boleh untuk menandingi bank-bank konvensional yang lain, tetapi alhamdulillah, keberkatan itu akan datang sebagai mana yang dinyatakan oleh Allah S.W.T. [*Menyebut sepotong ayat al-Quran*] – Kepada sebuah negara yang mengamalkan Islam itu akan diberikan rahmat oleh Allah S.W.T.

Keyakinan manusia kepada Bank Islam adalah keyakinan fitrah. Manusia mahu yang terbaik, manusia mahu makan benda yang suci, manusia mahukan produk yang dijamin akan keselamatan diri, keselamatan jasmani dan keselamatan rohani. Bila kita buat Bank Islam sebagai contoh dan bila kerajaan Kelantan tukar akaun daripada bank konvensional kepada Bank Islam, maka kita dikunjungi oleh pengurus-pengurus bank konvensional sebenarnya dan diadakan satu diskusi intelektual (*intellectual discussion*) di antara kerajaan negeri dengan bank-bank yang lain yang akhirnya melahirkan satu idea di mana persetujuan bank-bank yang lain untuk membuka apa yang dikatakan *Islamic Window*. Pada saya ini satu kejayaan.

Kalau orang melihat Bank Islam ini dengan satu sistemnya mempraktikkan yang terbaik, saya rasa bank konvensional secara beransur-ansur akan mengikut jejak langkah ini. Jadi kenapa kita ragu sebenarnya dan kenapa dalam perbahasan ini kenapa mesti lagi Bank Islam ini terikat dengan Akta Perbadanan Insurans Deposit 2005? Adakah kita tidak yakin dengan Takaful Bank Islam sebagai contoh. Adakah kita tidak yakin dengan Takaful Ikhlas? Inilah persoalannya, bila kita bincang cara spesifik tentang akta ini yang kita tahu bila kita bincang tentang Bank Islam sudah tentu kita mahu kesempurnaannya dari segi syariatnya supaya kita selamat dalam kehidupan dunia dan akhirat. Tetapi kenapa kita masih terikat dengan Akta Perbadanan Insurans Deposit 2005

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, saya huraikan (*elaborate*) dengan lebih luas tentang perbadanan ini. Bank Negara telah mengumumkan pelantikan anggota Perbadanan Insurans ini iaitu yang mempunyai tujuh orang anggota yang diketuai oleh Tan Sri Abdul Aziz Taha, bekas Gabenor Bank Negara. Tiga orang pengarah daripada sektor swasta iaitu Dato' Dr. Abdul Samad Alias, Pengerusi Firma Akauntan Ernst & Young, Dato' Dr. Sulaiman Mahbob, Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang merangkap Presiden *Malaysia Institute of Integrity* dan Michael Wong Gian Kui iaitu Pengongsi Utama Firma Guaman Shook Lin & Bok, dan tiga orang daripada sektor

awam iaitu Tan Sri Zeti Akhtar Aziz sendiri, kemudian Datuk Izuddin Dali dan Tan Sri Mohd. Azmi Kamarudin. Apa yang menariknya ialah perbadanan ini dipengerusikan oleh Jean Pierre Sabourin yang menjadi pengerusi dan presiden kepada *International Association of Deposits* semenjak tahun 2002. Beliau juga adalah seorang Ketua Pengarah Eksekutif *Canada Deposit Insurance Corporation*.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempertikaikan kredibiliti mereka. Profesional mereka dalam bidang kewangan dan dalam bidang *banking* saya tidak pernah mempertikaikan keupayaan mereka, mereka adalah *economist*, orang yang pakar dalam bidang ekonomi. Tetapi apabila kita berbincang tentang Bank Islam yang mengaitkan dengan insurans kepada para pendeposit, apa yang boleh kita harapkan kalau pengurusinya seorang yang bukan Islam? Di sini saya rasa yang kita perlu cermat sebab pertikaian antara Bank Islam dengan bank konvensional ini yang melibatkan syarat ini antara dua jari. Kalau tersalah ia boleh jadi halal dan ia boleh jadi haram. Kita kena ingat satu konsep yang jelas dalam Islam iaitu [*Menyebut sepotong ayat al-Quran*] yang bermaksud bahawa "Islam menggalakkan perniagaan jual beli tetapi sangat mengharamkan riba." Dan apa yang saya hendak persoalkan pada hari ini tentang Perbadanan Insurans ini ialah adakah ia melepasi tiga syarat penting dalam sistem perbankan Islam ini di mana yang pertama dalam konsep *al-gharar*, yang kedua konsep *al-maisir* dan yang ketiga konsep *al-riba*. Ini persoalan pokoknya.

Apabila kita bincang spesifik kita berdiri pada hari ini untuk bincang Bank Islam, adakah kita terlepas dari tiga perkara ini. *Al-gharar* maksudnya segala bentuk keraguan, adakah kita boleh melepasi segala bentuk keraguan hati khususnya umat Islam terhadap perbankan ini. Yang kedua *al-maisir*, ini tentang unsur judi dalam pelaburan ini, dan yang ketiga ialah unsur riba yang saya rasa semua kita *concerned* pada hari ini tentang, kalau kita sebut hendak menyimpan dalam sebuah Bank Islam, pendepositnya diinsuranskan yang produknya adalah halal, maka tiga unsur ini mestilah di ambil kira. Jadi itu persoalannya ialah kenapa Kementerian Kewangan masih memilih perbadanan insurans ini yang masih diragui *Islamic* atau tidak dengan kita tidak memilih suatu syarikat yang kita telah yakin tentang produknya, tentang perjalanan perniagaannya, tentang *businessnya* iaitulah Takaful Malaysia ataupun syarikat Takaful Ikhlas. Ini persoalan pokok yang mesti dijawab oleh pihak kementerian. Kenapa kita ragu sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyebut tentang produk Islam, tentang keupayaan Islam ini, saya suka membaca beberapa pandangan yang saya cuba nukilkan dalam Dewan ini hasil daripada pembacaan saya tentang beberapa penulisan mutakhir dalam abad ini tentang bagaimana dunia

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Menyebut tentang ketidakpercayaan terhadap produk atau Takaful Islam ataupun Takaful Ikhlas ini kemungkinan disebabkan oleh kebanyakan syarikat yang menjual kenderaan sama ada *first hand* atau *second hand* apabila kita membeli kereta dia tidak memberikan satu komitmen untuk melaksanakan Takaful Malaysia, Takaful Ikhlas ataupun jenis-jenis takaful yang Islam ini tetapi mereka memberikan pilihan yang pertama kepada kita adalah syarikat-syarikat insurans yang lain. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawasanya kita perlu memberikan *first choice* ataupun *priority* kepada insurans ini ataupun Takaful ini adalah kepada syarikat-syarikat yang berlandaskan Islam terutama kepada pembeli-pembeli yang beragama Islam. Itu minta pandangan daripada Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih sahabat dari Pendang. Di sini ada dua aspek yang perlu kita lihat dengan begitu teliti persoalan yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Pendang. Yang pertama tentang promosi kerajaan itu sendiri. Sudah tentu kerajaan yang memiliki segala bentuk kemudahan (*facilities*) yang ada kita boleh *encourage* kita boleh mempromosikan tentang produk-produk Islam ini dengan keluasan dan *space* yang diberikan oleh media yang ada pada hari ini. Itu sangat penting. Sebuah kerajaan yang yakin tentang sistem yang dibina mestilah bersungguh memperlihatkan kesungguhan mereka untuk mempromosikan produk-produk ini. Ini sangat penting dan segala fasiliti ini mesti digunakan untuk meyakinkan rakyat.

Kedua, dalam aspek ini sahabat saya dari Pendang menyentuh tentang pembinaan insan itu sendiri, keyakinan terhadap produk kita, dan ini mungkin tidak boleh dibina dalam masa satu hari dan saya memetik satu kata-kata, satu peribahasa Inggeris "*Rome was not built in one day*". Keyakinan ini mesti dibina, mesti dibina hari demi hari, minggu demi minggu, bulan demi bulan, tahun demi tahun, akhirnya kalau sistem ini benar-benar dapat diterjemahkan dalam masyarakat yang kelihatan, kita dapat melahirkan bentuk masyarakat yakin dengan produk ini, saya sangat yakin dan

percaya apa yang saya katakan tadi bukan sekadar orang Islam akan yakin dengan Sistem Perbankan Islam, orang bukan Islam juga yakin dengan sendirinya, mereka dengan reda akan bersama dan bersetuju dengan perbankan Islam ini.

Saya balik kepada persoalan tadi Tuan Yang di-Pertua. Jangan kita ragu, sebab pada saya dunia pada hari ini sedang melihat dan sedang mencari, apakah yang terbaik untuk kehidupan mereka pada hari ini. Saya sudah sebut tadi kenapa bank-bank konvensional, Malayan Banking, RHB dan termasuklah hari ini bank-bank asing yang diberikan lesen untuk mereka berniaga di negara ini. HSBC kenapa hari ini mereka membuka "*Islamic window*"? Kenapa? Persoalannya kenapa? Jawapannya yang paling tepat ialah mereka juga mahu melihat, sejauh mana keberkesanan tentang "*Islamic window*" ataupun keberkesanan bagaimana yang dikatakan perbankan Islam ini. Sebab pada saya Tuan Yang di-Pertua, barat juga, barat yang ada pada hari ini juga yang walaupun kemajuan mereka dan kecanggihan mereka sudah sampai ke tahap yang mengagumkan, namun mereka juga masih mencari apa yang dikatakan satu bentuk kebenaran yang hakiki.

Pada saya Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting ialah, bagaimana kita mesti meyakinkan mereka dan kita mesti serius dalam kita menterjemahkan dan mempromosikan produk-produk khususnya produk-produk perbankan Islam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Sila Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan dari Yang Berhormat, ataupun minta persetujuan dari Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan, sepatutnya kerajaan kita mesti membuktikan kesungguhan kerajaan untuk melihat Bank Islam ini berjalan dengan lancar dan mempunyai keupayaan pada pandangan masyarakat. Maka perlu ada satu arahan bertulis daripada pihak kerajaan atau mana-mana agensi yang mempunyai kuasa pada hari ini supaya mana-mana agensi kerajaan ini mengubah deposit mereka itu daripada bank-bank konvensional kepada Bank Islam khususnya kita di Parlimen, kalau dilihat barangkali tidak sampai 50% Ahli-ahli Parlimen yang beragama Islam, yang mempunyai simpanan atau membuka *current account* di Bank Islam, kerana kononnya melalui simpanan di Bank Islam ini, akaun kita di Bank Islam ini apabila elaun ataupun gaji kita daripada Parlimen

ini lambat masuk, maka lambat *clear* atas alasan pentadbiran Bank Islam ini tidak begitu cekap sehingga memakan masa dua tiga empat hari, malah berminggu-minggu barulah sesuatu cek sama ada elaun atau gaji Ahli-ahli Parlimen ini *clear*.

Bagi mengelakkan pandangan rakyat begitu rendah terhadap pentadbiran atau pengurusan Bank Islam ini, maka pihak kerajaan sepatutnya mengarahkan semua agensi kerajaan ini menunjukkan keupayaan serta menunjukkan kepercayaan mereka itu kepada Bank Islam ini khususnya kepada agensi-agensi, jabatan-jabatan termasuklah Parlimen ini sendiri mengarahkan semua Ahli Parlimen hendaklah membuka akaun di Bank Islam, barulah cek mereka itu dimasukkan ke Bank Islam. Yang Berhormat setuju atau tidak?

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan pandangan itu dan terpulanglah kepada pihak kerajaan sendiri sama ada untuk mempraktikkan perkara yang dicadangkan itu. Tetapi bagi saya Tuan Yang di-Pertua, saya tetap berpegang dengan dua prinsip tadi, bahawa kerajaan mesti serius, mesti proaktif, menunjukkan contoh yang baik, kepimpinan melalui teladan, dan yang keduanya dalam masa yang sama pembinaan keyakinan mesti dibina dalam hati manusia, sebab tidak guna juga kita membuat satu bentuk pemaksaan, tetapi kerelaan mereka untuk datang kepada kita, yakin kepada perbankan Islam ini dan juga dua perkara pada saya yang mesti diutamakan. Serampang dua mata ini mestilah dilakukan dengan serius oleh pihak kerajaan. Terima kasih sahabat saya dari Rantau Panjang.

Sebagai akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ketereh..

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih sahabat saya dari Kubang Kerian. Saya tertarik soalan sahabat saya tadi mengenai kenapa bank-bank lain ini membuka Sistem Perbankan Islam. Terlintas kepada saya HSBC, Maybank dan bank-bank lain. Apakah tidak mungkin, sebenarnya mereka buka ini, sebenarnya mereka bukan percaya kepada sistem pun. Sebenarnya dia nak *tap the market*, sebab dia tahu negara ini pegawai kerajaannya hampir 90% adalah orang Islam, begitulah juga pekerja-pekerja lain. Kalau begitulah niat mereka, maka saya mencadangkan supaya Kubang Kerian mencadangkan juga kepada kerajaan, kalau itulah niat mereka, sebenarnya dia bukan hendak sistem Islam, dia hendak duit kita tu dan kepada orang

bukan Islam, minta maaf saya sebut dalam ini, *the system is not important*. Yang *important* kepada mereka ialah duit yang masuk atau tidak. Jadi kalau kita perkukuhkan lagi sistem itu lebih baik, akhirnya dia masuk kerana sistem bukan masuk hendak duit. Minta penjelasan.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ya, sahabat saya dari Ketereh, memang sebenarnya mereka juga melihat secara objektif tentang kenapa mereka membuat *Islamic window* ini dan saya telah katakan tadi, kalau kita bincang usul dakwah sendiri, kita harus berjiwa besar. Mungkin hari ini mereka datang kerana untuk mereka dapatkan, kerana mereka hendak *tap* pelanggan daripada orang Islam, orang Melayu, tetapi kalau kita berjaya untuk membuktikan bank ini atau perbankan yang terbaik, yang mereka yakin, satu hari nanti mereka akan datang dengan rela kepada kita, ini lebih penting dan Islam melihat di situ lebih penting, lebih murninya kalau kita lihat pada ajaran Islam itu cara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, jangan kita ragu tentang apa juga sistem yang kita hendak namakan atau yang kita hendak labelkan berdasarkan kepada Islam ini. Jangan kita rasa rendah diri sebenarnya. Pada saya pada hari ini kita harus "*stand tall*", kita harus berdiri dengan megah bahawa memang sistem ini sistem yang bakal menerajui dunia, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya membaca beberapa penulisan mutakhir abad ini, sebagai contoh. Sebuah buku bertajuk *the "Making of Humanity"* oleh Dr. Robert Briffault, kemudian Dr. A.M. Lothrop Stoddard dengan buku yang bertajuk "*The New World of Islam*", yang ketiga Dr. Mamajuk Victor yang bertajuk "*Culture of Islam*". Apa yang menarik Tuan Yang di-Pertua, dan kenapa saya datang ke Dewan ini membawa buku-buku ini, penulisan buku-buku ini? Merekalah penulis yang bukan Islam. Merekalah sarjana-sarjana yang bukan Islam, tapi mereka menulis buku-buku karya agong ini, di mana dalam tiga buku yang saya buat sinopsis ini, ketiga-tiga penulis besar ini mengatakan kalau tidak ada manusia yang bernama Muhammad datang untuk membawa Islam ini, sudah tentu Eropah hari ini masih duduk dalam dunia yang gelap.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat betapa akhirnya manusia ini mengakui tentang kewujudan akan peranan yang telah dimainkan oleh para-para cendekiawan, ilmu-ilmu yang lahir dari tamadun Islam ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih, secara objektifnya ya, secara objektif saya mengucapkan terima kasih kepada TV3 yang telah menyiarkan satu

program Ilmuan Islam sebagai contoh. “Al-Jabir” minggu lepas yang mengupas secara ilmiah tentang peranan Al-Jabir dalam bidang chemistry, bidang kimia, yang memang buku itu disadurkan, diterjemahkan di barat di zaman *Renaissance* dan akhirnya barat mempelopori ilmu itu, yang ini semuanya tidak termasuk lagi ilmu algibra, yang semuanya berasal dari sumber tamadun Islam.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya Kementerian Kewangan yang ada pada hari ini, dengan seriusnya melihat akta ini dan dengan seriusnya berani untuk mengubah, untuk menerima Syarikat Insurans Islam yang benar-benar diyakini, dan tidak meragukan walau pun sebesar zarah pun tentang segala elemen yang kita sebut, yang kita perbahaskan dalam Sistem Perbankan Islam ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak cakap lagi Yang Berhormat? Sila, berapa lama?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Lima belas minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, Yang Berhormat boleh bercakap lepas pukul dua, lepas itu kementerian menjawab.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: 2.30 petanglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, 2.30 petang.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Santubong, sila sambung ucapan.

2.32 petang

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkit hanya menyentuh sedikit sahaja perkara, mengkhususkan kepada tiga perkara berhubung dengan pindaan ini. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh kawan-kawan tadi, Tuan Yang di-Pertua bahawa pindaan dibuat kepada Akta Bank Islam 1983 ini adalah *consequential* kepada penubuhan badan

penginsuranaan deposit Malaysia yang telah diluluskan undang-undangnya pada sesi yang lalu. Saya telah bercakap sedikit sebanyak soalannya pengurusan bank dalam pindaan kepada BAFIA, jadi saya tidak bercadang untuk menyebutnya semula di perbahasan ini. Saya melihat bahawa dalam segi prasarana perundangan, ini adalah satu perundangan yang melengkapkan, tetapi dalam masa yang sama mengaitkan perhubungan undang-undang Bank Islam ini kepada undang-undang deposit insurans Malaysia.

Dalam masa yang sama ada sedikit perkara keraguan yang ingin saya sebutkan, yang saya ingin bertanya kepada pihak kementerian untuk penjelasan yang khusus. Dalam pandangan saya adalah tidak wajar bagi saya memikirkan perkara ini kerana ada hubung kait dengan masyarakat Islam, ada hubung kait dengan agama Islam, yang saya sedikit sebanyak mengetahui dari segi implikasi undang-undangnya kalau saya tidak bertanya daripada kerajaan. Inilah pendekatan yang amat bawah sekali daripada perhubungan dengan memberi bantahan ataupun memberi *constructive criticism* kepada pihak kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh perhubungan yang saya sebutkan tadi, biarlah saya menyentuh perkara lain dahulu bahawa Bank Islam, saya berpendapat secara peribadi lebih aktif dan lebih berkemampuan dan berkemahuan lagi membantu masyarakat menjalankan perniagaan mereka.

Jadi, saya berterima kasihlah kepada pengurus dan pentadbir Bank Islam ini kerana secara peribadi telah banyak membantu saya dalam usaha saya membangunkan perniagaan dan sebagainya, bukanlah oleh kerana sebab menolong saya kata baik, yang tidak tolong itu tidak baik. Tetapi sebagai hakikatnya kalau di antara yang 10 kita jumpa, satu sahaja yang mahu nescaya kita kena puji yang mahu itu, khususnya kepada Bank Islam. Apabila seorang itu terkena hujan, dia bersedia memberi payung ataupun melihat hujan yang sampai dia memberi payung, jadi saya ucapkan syabas dan tahniah terima kasih kepada pihak Bank Islam. Tetapi apa yang tinggal, Tuan Yang di-Pertua, ialah perhubungan Bank Islam ini dengan badan-badan lain umpamanya Takaful. Apabila seseorang itu meminjam sumber daripada bank Islam, kalau pihak insurans perlu dibuat. Dia mesti membuat Insurans menerusi Takaful. Tetapi masalahnya pengurusan bukan Bank Islam, pengurusan Takaful telah melambatkan proses.

Apabila pihak Takaful dikehendaki memberi insurans kepada pinjaman sebagai jaminan kepada pinjaman itu nanti, bahawa Takaful ini bertindak macam acuh tidak

acuh. Jadi, selama konteks perniagaan, dia tidak boleh dibuat sedemikian, ia kena bergerak cepat, ia kena bertindak seberapa cepat yang boleh membantu masyarakat yang meminjam. Kerana masyarakat perniagaan tidak ada masa hendak menunggu Takaful kerana dia mendapat *captive market*, dengan izin, iaitu *market* yang disediakan kepada mereka. Dia tidak payah *follow, marketing* dia tidak buat, tidak payah menunjukkan produk, dia tidak payah tunjuk apa, kerajaan sudah tunjuk dia, kerajaan sudah buat *marketing*, kerajaan bahkan *insistent*, dengan izin, produk-produk daripada Bank Islam dapat penginsuranaan dari pihak Takaful. Tetapi pihak takaful oleh kerana dia *captive market* ini, dia berperangai macam tidak kisah sahaja.

Ini telah membebankan ataupun membuat persepsi yang tidak baik kepada pihak Bank Islam. Jadi, dalam keadaan sedemikian Bank Islamlah akan dibebankan dengan tohmahan, Bank Islamlah dibebankan dengan tuduhan, mengatakan tidak *efficient*, tidak cekap dan tidak membantu. Tetapi sebenarnya ialah Takaful yang tidak bersifat cekap dan tidak memberi perkhidmatan yang bermutu tinggi. Saya bermohon kepada pihak Bank Islam, menerusi mereka dan pihak Kementerian Kewangan yang *over seeing* dua-dua, dengan izin, Bank Islam dan Takaful ini bagi tahu kepada pihak Takaful, jangan bersifat sebagai sedemikian. Ini adalah perhubungan *business. Business relations* ini kalau Bank Islam boleh bertindak cepat, Takaful sepatutnya boleh bertindak cepat. Saya juga menyentuh soalan *over centric administration* pihak bank dan Takaful ini.

Sepatutnya di negeri Sarawak, Sabah, negeri yang jauh-jauh macam Johor, Kelantan, Pulau Pinang dan sebagainya bagilah *autonomy* sedikit kepada pentadbiran untuk kelulusan apa-apa benda pun dari segi pinjaman dan sebagainya kerana sedikit sahaja pinjaman itu sudah perlu minta kebenaran daripada ibu pejabat Kuala Lumpur. Tetapi di pejabat Kuala Lumpur itu semua dari setiap negeri semua *dicenterkan* di Kuala Lumpur untuk keputusan, dengan sendirinya keputusan itu tidak melihat, tidak cara peribadi.

So a personal touch dalam mana-mana pengurusan itu tidak berbangkit, jadi dilihat semua orang itu, semua sama rata sahaja tetapi tiap-tiap *dealing* di dalam *business* ini dia ada banyak perhubungan peribadi yang menunjukkan yang ini boleh terlambat sedikit, yang ini mesti dipercepatkan berlandaskan *agreement* ataupun surat janji yang dibuat oleh pemohon daripada pihak bank.

Saya berharap pihak Bank Islam melihat semula perhubungan mereka dengan Takaful dan memberi nasihat kepada pihak Takaful ini supaya cekap dan mereka sendiri

cubalah sedikit, jangan *over centric* sangat daripada segi *authority* untuk memberi sokongan kepada sesiapa sahaja tidak kisah sama ada beli rumah ataupun beli pinjam duit untuk *international business* ataupun *local business*.

Tuan Yang di-Pertua saya sudah berjanji hanya 15 minit, Insya-Allah saya akan tunaikan kalau terlebih itu saya minta maaf.

Yang kedua saya hendak sebutkan soalan perinsuransnya ini yang *direct* dengan persoalan insurans ini. Kalau kita lihat dalam undang-undang ini mungkin dalam keadaan yang samar-samar dalam Seksyen 45 ada pindaan baru yang dibuat. Insurans pendeposit kepada Bank Islam ini juga akan dipertanggungjawabkan oleh pihak Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Maknanya apabila seseorang mendepositkan wangnya di Bank Islam dengan harapan bahawa apabila pendeposit itu mendapat balik pulangan daripada depositnya sama ada dari segi *capital* ataupun daripada keuntungan ialah dianggap benda ataupun perkara sumber yang halal, daripada semua sumber yang halal.

Tetapi jaminan daripada perbadanan ini di mana sumber kewangannya ialah daripada semua pihak, semua bank-bank lain, semua bank komersial lain yang mana dia punya sumber kewangan yang memberi jaminan ini belum tentu mendapat kepastian yang halal. Apabila berlaku sesuatu kepada Bank Islam ini nanti sebagaimana yang dijangkakan di bawah Seksyen 45 ini menunjukkan bahawa dia akan mengganti sumber deposit ini nanti menerusi sumber yang ada pada perbadanan ini. Tetapi sumber kewangan yang untuk diganti itu adalah tidak bersih sebagaimana yang didepositkan di Bank Islam itu.

Ini patut diambil kira oleh pihak bank ini walaupun sedikit sebanyak ada disebut di bawah pindaan ini tetapi saya hendak penjelasan yang khusus, bagaimanakah dana yang disimpan dalam perbadanan ini nanti adakah dibahagi dua? Satu jaminan untuk semua komersial bank lain, dan satu lagi dana perinsuranaan memang dikhaskan kepada semua sumber-sumber kewangan dan deposit-deposit Islam yang mana gantiannya kepada insurans itu nanti adalah daripada sumber yang khusus bukan daripada sumber yang di *diluted*, di campur aduk dengan sumber yang boleh dipertikaikan daripada bank-bank *merchant banks* lain.

Kalau ini boleh dibuat jaminan, jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Kubang Kerian ini boleh kita atasi bersama dan kita juga sebagai umat Islam dan pendeposit Bank Islam tidak akan berasa ragu-ragu bahawa

sumber kewangan deposit kita adalah daripada sumber yang halal dan gantian daripada perbadanan ini nanti apabila berlaku sesuatu juga mendapat sumber gantian yang halal. Ini amat penting sekali sebagai umat Islam di negara ini Tuan Yang di-Pertua, ia berlainan daripada keadaan bank-bank di negara lain.

Yang kedua ialah soalan deposit-deposit yang disimpan dalam bank-bank lain iaitu bank-bank komersial lain. Sebagaimana yang disebut juga ada jendela-jendela terbuka di bank-bank lain yang mana dia punya penyimpanan itu adalah berdasarkan pendeposit Islam. Deposit ini juga mestilah mendapat jaminan, bukan sahaja Bank Islam, bukan deposit daripada Bank Islam sahaja tetapi deposit daripada bank-bank komersial lain itu juga yang dijamin oleh perbadanan ini apabila diganti nanti mestilah daripada sumber yang telah dikhususkan untuk menggantikan sumber simpanan Islam. Ini dua jaminan yang saya minta daripada pihak kementerian dan saya hendak tanya macam mana pengurusan dana yang berasingan ini dan tidakkah ia mendatangkan satu perkara yang menjadi persoalan kepada semua masyarakat Islam di negara ini nanti.

Di samping kita memberi satu prasarana ataupun infrastruktur kewangan yang baik, tujuan yang elok untuk nama negara ini di masyarakat antarabangsa dan kita tidak mahu bahawa prasarana itu masih ada kepincangannya daripada segi keislaman yang kita telah jaminkan menerusi Bank Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua saya betul-betul 15 minit, jadi itu sahaja pertanyaan daripada saya dan saya menyokong undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta....

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini Menteri Kewangan akan menjawab.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Saya cuma hendak sentuh 3 perkara untuk perhatian Kementerian Kewangan. Yang pertama tentang *Islamic Hire-Purchase Act*, saya rasa sekarang kita membeli kenderaan biasanya menggunakan Aitab, Al-Ijarah *Sumul Bait* maknanya kita sewa dahulu kemudian baru kita beli mengikut tempoh masa yang dikenakan mengikut syarikat kewangan ataupun bank yang terbabit.

Tetapi ada kes di mana kita membeli menggunakan sistem Aitab tetapi apabila berlaku kegagalan untuk membayar *installment* setiap bulan maka syarikat terbabit telah

menggunakan *Hire-Purchase Act* biasa, maknanya kalau kita mengikut ianya tidak beberapa syarie menggunakan *Hire-Purchase Act* yang biasa. Sebab itu saya menyarankan supaya Kementerian Kewangan kalau boleh kita mencari satu kaedah sekurang-kurangnya membentuk satu kaedah yang disebut sebagai *Islamic Hire-Purchase Act* yang mereka menggunakan pinjaman secara Islam dan hendak menarik balik pun menggunakan secara *Islamic* jugalah tidak menggunakan kaedah yang bukan Islamik.

Yang keduanya adalah tentang pinjaman perniagaan modal pusingan iaitu yang disebut sebagai Murabbahah. Apabila kita meminjam mengikut kaedah ini biasanya kita terpaksa membayar dalam masa 6 bulan kadar faedah ditentukan oleh bank kebiasaannya 1% sebulan dan kita terpaksa membayar *lump sum* maknanya jumlah yang dipinjam bersama keuntungan dalam masa 6 bulan itu bayar sekali gus. Ini sudah tentu akan membebankan mereka yang menjalankan perniagaan yang tidak membawa keuntungan yang begitu besar. Apakah salahnya kalau kita *dividekan* jumlah yang *lump sum* itu kita jumlahkan menjadi 6 bulan jadinya tidak membebankan peniaga tersebut.

Yang ketiganya adalah tentang kita membuat pinjaman secara *Islamic* tetapi apabila hendak mengambil insurans kenderaan misalnya, kebiasaannya diberikan satu bentuk insurans konvensional insurans biasa. Saya rasa kalau kita pinjam dengan cara Islam saya rasa boleh ataupun sewajibnya bank ataupun syarikat kewangan tersebut hendaklah memberikan kewajipan kepada peminjam tersebut supaya dia mengambil insurans ataupun mengambil Takaful insurans yang *Islamic*. Saya rasa itulah 3 perkara yang saya hendak kemukakan Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kewangan sila, jawapan.

2.49 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan dan dengan bil yang sedang dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua bil ini sebenarnya lebih kurang sama dengan bil yang kelmarin yang telah pun diluluskan cumanya ia khusus kepada perbankan Islam. Memang timbul soal, sebelum itu kita semua tahu, kita semua faham bahawa pindaan

yang dibuat, yang telah di luluskan kelmarin dan hari ini akan diluluskan saya yakin ialah untuk membolehkan, memudahkan pengurusan PIDM itu iaitu Perbadanan Insurans Deposit yang telah pun diluluskan dalam Dewan yang lalu untuk memudahkan perjalanan, pentadbiran. Kalau tidak dipinda memang agak sukar untuk mentadbirkan PIDM itu, jadi sebab itulah kita datang untuk meluluskan, untuk membuat pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal berkenaan dengan PIDM kenapa tidak diwujudkan sebuah lagi badan PIDM yang memang khas untuk perbankan Islam. Sebenarnya apa yang telah kita luluskan di dalam mesyuarat yang lepas tentang PIDM ini, dia memang ada peruntukkan untuk diasingkan kedua-dua tabung ini, bermakna deposit daripada perbankan komersial dan deposit daripada perbankan Islam diasingkan yang ditadbir secara berasingan.

Saya kira tidak timbul masalah kekeliruan ataupun bercampur aduk deposit antara komersial bank dan juga bank Islam. Kalau kita lihat Lembaga Pengarahnya, Lembaga Pengarah – *the Board* - PIDM pun dipimpin oleh orang Islam, Tan Sri Abdul Aziz Taha dan cuma ada seorang sahaja bukan Islam iaitu Mr. Michael Wong, yang lainnya Datuk Izuddin bin Dali, Ketua Setiausaha Perbendaharaan; Gabenor Bank Negara, Datuk Dr. Sulaiman Mahbob, Tan Sri Mohd Azmi Kamaruddin dan Datuk Dr. Abdul Samad Alias. Semuanya adalah Islam. Cuma seorang saja bukan Islam dan saya yakin dengan kepimpinan mereka dan mereka akan memastikan tabung ini diuruskan seperti yang sepatutnya. Mr. Jean Pierre Sabourin ini adalah seorang Kanada. Dia hanya sebagai CEO. Dia bukan *board* member, dia CEO. maka dia menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepada beliau yang telah ditentukan oleh Lembaga. Maka saya yakin tak akan timbul masalah bercampur aduk deposit Islam dan bukan Islam ini.

Saya nak jelaskan sekali lagi, fasal saya ingat kelmarin Timbalan Menteri sudah pun jelaskan iaitu tentang *coverage*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Cuma dari segi terminologi saja ya. Sebab yang kita bincangkan bank Islam ini dia ada dia punya lunas-lunasnya dari segi tonggak, dari segi akidah, syariah dan akhlaknya itu. Tapi di sini Akta Perbadanan Insurans Deposit, dari segi terminologi itu, tadi ada dicadangkan kenapa tidak ini digunakan istilah takaful juga supaya tidak menimbulkan kekeliruan dari pihak masyarakat terutamanya masyarakat Islam sendiri. Malah sebab operasi bank

Islam di Malaysia ini sudah pun mendapat penerimaan daripada peringkat global, peringkat antarabangsa dan peringkat dunia-dunia Islam.

Tadi yang telah ditimbulkan tentang istilah ini, insurans deposit ini mengapa tidak diterjemahkan dengan menggunakan istilah yang lebih mesra dengan konsep Islam, takaful misalnya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas teguran itu. Itu seperti yang saya sebut tadi ialah terminologi, apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu adalah terminologi tapi asasnya itulah dia ada perbezaan antara pengurusan tabung Islam yang daripada perbankan Islam dan pengurusan bahagian tabung yang daripada deposit daripada perbankan komersial. Jadi ada dua perbezaan itu dan sementara waktu kita dah lulus, mungkin pada masa akan datang hendak dibuat perubahan dari segi terminologi mungkin boleh dibawa lagi ke Dewan ini kalau nak diubah.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak teruskan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyentuh tentang campur aduk di antara akaun Islam dan tidak. Saya ingin tahu dari dalam bank *conventional* iaitu kelmarin kita bincangkan bank *conventional* yang mempunyai *Islamic banking facility*. Jadi nampaknya apakah wujud campur aduk kedua-dua akaun dalam *convention banking* ini dan jika perlu menggunakan PIDM dalam kes yang tertentu di *conventional banking*, akaun mana yang akan diutamakan sama ada kemudahan ataupun akaun dalam *Islamic banking* ataupun akaun *conventional* dalam bank *conventional*?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai ke bahagian itu. Walau bagaimanapun tak apalah, Yang Berhormat bagi Tanjong dah pun bertanya, maka saya cuba menjawablah. Sebenarnya kita dalam hal mengurus perbankan Islam oleh bank *conventional* - bank komersial yang lain memang hari ini Bank Negara amat cukup *strict* dengan izin, iaitu segala urusan di bawah *window Islamic bank* ini tidak di campur di mana dia kekal sebanyak itu dan tidak di campur dengan akaun yang lain. Jadi maknanya kalau nak bayar deposit pun daripada akaun ini, dia juga terus daripada bawah sampai ke atas adalah *Islamic*, dia tak ada campur tengah-tengah.

Jadi kita amat yakinlah dengan sistem yang ada dan kita akan teruskan dengan sistem itu dan ini saya kira menimbulkan satu keyakinan kepada seluruh dunia tentang urusan perbankan kita. Tuan Yang di-Pertua, dari segi *coverage* ..

Tuan Chow Kon Yeow: Ya, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keutamaan (*priority*) apabila perlunya guna insurans deposit itu apabila sesebuah bank *conventional* memerlukan itu. Apa yang diutamakan sebab memang ada haknya jumlah yang boleh dibayarkan. Dari segi ini sama ada akaun *Islamic banking* akan diutamakan berbanding dengan akaun *conventional*.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa sudah ada dua tabung di peringkat PIDM iaitu yang *Islamic* dan bukan *Islamic*. Jadi masing-masing tak ada *priority*, bagi semua sama. Dan yang insurans *coverage* dengan izin Tuan Yang di-Pertua adalah bagi tiap-tiap maksimum, tiap-tiap akaun deposit RM60 ribu. Kita ada 32 bank dan institusi perbankan di Malaysia ini bermakna tiap-tiap orang,, katakan Yang Berhormat Tanjong ada duit banyak, dia boleh depositkan tiap-tiap bank RM60 ribu, makna dia dapat *full coverage*. Ataupun kalau dia nak tambah lagi tabung dengan isteri dia, satu lagi akaun baru, akaun deposit yang baru, maka juga dapat *coverage* RM60 ribu juga maksimum. Jadi kalau saya kira-kira Tuan Yang di-Pertua, bagi tiap-tiap orang kalau dia deposit RM60 ribu tiap-tiap, maknanya dia dapat *coverage* dengan izin RM2.64 juta, dia boleh *cover*, bermakna dia tak perlu bimbang.

Tapi saya yakin bukan semua akan buat begitu kerana kalau dia yakin dengan Maybank contohnya atau BCB, dia akan deposit duit dia banyak mana pun dalam bank itu. Jadi maknanya dia ada pilihan sama ada hendak deposit sekali gus dalam satu bank sahaja atau pun hendak *spread out* dengan izin, kepada bank-bank yang lain, bermakna *coverage* sama, tak ada *priority* bank orang Islam dulu atau kemudian *conventional* bank, tidak. Jadi, itu tidak timbul.

Tadi lain-lain perkara yang telah dibangkitkan tentang PIDM tadi, dalam masa perbahasan ditimbulkan juga beberapa isu yang lain, yang saya kira mungkin kena-mengena atau tidak kena mengena, tetapi bolehlah saya jawab bersama.

Tentang soalan daripada Yang Berhormat bagi Jasin, mengapa kad kredit dalam perbankan Islam masih terdapat pegangan caj faedah? Sebenarnya kad kredit yang dikeluarkan oleh bank Islam tidak dikenakan caj faedah tetapi caj perkhidmatan. Kita kena ingat Tuan Yang di-Pertua, bahawa kad kredit yang dikeluarkan oleh perbankan Islam, di bawah perbankan Islam risikonya hendaklah sama dengan *conventional* bank

yang lain. Katakan, saya nak bagi contohlah, contoh *extreme* katakan, bank Islam caj perkhidmatan 1% katakan, tapi bank komersial caj 1.5% sebulan perkhidmatan. Jadi berbeza yang itu makna kalau berlaku *default*, makna kalau dia tak mahu bayar, orang yang ambil dua kad kredit perbankan Islam atau kad kredit komersial bank, kalau caj yang dikenakan oleh perbankan Islam rendah, maka dia akan *default* yang bank Islam dulu, dia tak bayar yang bank Islam, dia bayar yang ini sebab dia tak mahu tanggung hutang banyak. Sebab itu dalam hal ini risikonya kena sama walaupun apa jua kaedah yang digunakan oleh bank perbankan Islam, risiko terhadap kad kredit mestilah sama, kalau tidak menjadi masalah kepada perbankan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangkitkan tentang bagaimana bank Islam ingin mengatasi dasar pinjaman kepada peniaga-peniaga industri kecil sederhana. Tuan Yang di-Pertua, bank Islam menawarkan produk pinjaman Islam, pinjaman IKS perbankan Islam yang kompetitif dengan perbankan *conventional* kerana bank-bank Islam juga terdedah kepada risiko yang sama. Jadi maknanya kaedahnya lain-lain tapi risikonya sama, oleh sebab itu bank-bank Islam kena berhati-hati dalam mereka mengeluarkan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ya, apakah yang boleh diharap daripada Pengerusi yang bukan Islam yang saya sebut tadi. Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kelulusan yang akan dibuat, yang bakal dibuat oleh PIDM Lembaga Pengarahnya tentang *Islamic* atau tidak produk mereka, maka mereka kena rujuk pada satu badan Jawatankuasa Syariah di peringkat Bank Negara, sudah pun ada dan maknanya apa juga produk yang dibuat sebagai peraturan mesti merujuk kepada Jawatankuasa Syariah, maka saya ingat tak timbul waswas sama ada produk itu halal atau tidak ya.

Jadi kita tidak perlu bimbang, kita akan buat sebaik mungkin untuk kebaikkannya kita dan kita kena jaga imej sebagai sebuah negara yang membangunkan produk Islam dan saya ingat yang *pioneer* dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal.....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Petrajaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Berkaitan dengan lembaga atau Jawatankuasa Penasihat Syariah, kita difahamkan bahawa Bank Negara mempunyai

penasihat sendiri, begitu juga bank-bank yang mempunyai produk perbankan Islam. Jadi timbul pelbagai pandangan berkaitan dengan tafsiran sama ada benda itu dibenarkan di bawah syariah ataupun tidak. Saya hendak mengambil contoh misalnya dalam Al-Baibithaman Ajil di mana kita membuat kemudahan kewangan berdasarkan konsep jual beli. Bank Islam kalau *customer* ataupun pelanggan lambat membayar tiada bayaran penalti ataupun servis dikenakan. Tetapi ada juga bank-bank yang mengamalkan produk Islam ini mengenakan penalti. Jadi apabila kita tanya ianya dikatakan bahawa ini adalah dibenarkan di bawah jawatankuasa *panel* penasihat syariah mereka, tetapi Penasihat Bank Islam kata tidak boleh, jadi ini timbul percanggahan. Jadi adakah kita dapat menyelaraskan dari segi pandangan *panel* penasihat syariah ini dan mengapa wujud perbezaan. Dan sebagaimana kita tahu kalau konsep jual beli sepatutnya tiada ada caj lain atau penalti lain yang dikenakan sebab ia berasaskan kepada harga jual dan beli. Kalau dia lambat membayar ansuran pun sepatutnya tiada penalti atau apa-apa caj lain yang dikenakan, mohon penjelasan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, silakan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang *panel* penasihat syariah ini memang ada di tiap-tiap *Islamic bank* dan di peringkat Bank Negara pun ada, jadi sepatutnya mereka berbincang dan mendapat kata putus. Jadi amat malang sekalilah kalau berlaku perbezaan pendapat dan saya katakan tadi sepatutnya mereka ada pakar rujuk yang muktamad dalam hal ini dan sepatutnya mereka merujuk kepada *panel* penasihat yang paling tinggi iaitu di peringkat Bank Negara, makna kalau ada perselisihan yang berlaku itu sepatutnya yang terpakainya ialah di bawah *Panel* Penasihat Syariah Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, tentang apakah Bank Negara bercadang untuk mewujudkan satu pusat latihan berkaitan dengan perbankan Islam di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, memang Bank Negara Malaysia dan industri perbankan Islam telah pun menubuhkan *Islamic Banking and Finance Institute* yang bertanggungjawab untuk menyediakan latihan dan pendidikan dalam bidang perbankan Islam, sudah ada Tuan Yang di-Pertua. Kemudian Yang Berhormat Jasin pula bertanya bagaimana lesen Bank Islam dikeluarkan kepada bank konvensional bagi mewujudkan suatu *Islamic window*.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua isu di sini. Jasin juga ada bangkitkan tentang mahu supaya Bank Islam ini dikendalikan atau dipunyai atau dipegang majoritinya oleh

orang Islam. Ada dua perkara di sini Tuan Yang di-Pertua, ada dua isu di sini iaitu satu Malaysia sebagai sebuah kerajaan kita hendak menggalakkan perbankan Islam. Jadi maknanya kalau bank komersial biasa yang majoritinya dipegang oleh orang bukan Islam, dia hendak buka *window* perbankan Islam yang sepenuhnya kita galakkan. Pada masa yang sama kerajaan juga hendak menggalakkan ekuiti dalam perbankan. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, dasar untuk tiga puluh peratus ekuiti itu memang kekal. Sebenarnya ekuiti dalam perbankan sebenarnya lebih daripada itu. Kita lihat PNB sahaja pun ia memegang ekuiti dalam bank-bank yang besar macam Bank Malayan Banking, BCB dan lain-lain. Bermakna dalam hal ini kerajaan memang mahu dan akan terus memastikan ekuiti dalam perbankan ini dikekalkan ataupun dipertingkatkan untuk orang Islam khasnya bumiputera di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang *international finance service*, ini memang sudah ada iaitu Malaysia iaitu kita menjadi pendorong yang utama bagi perbankan *international financial standard*, tentang perbankan Islam ini memang sudah ada. Sebenarnya sudah bermula pada tahun 2002 dan *based* di Kuala Lumpur. Memang Malaysia menjadi *leader* kepada usaha untuk mewujudkan satu *international Islamic banking system standard* dan memang sudah ada usaha ini, jadi kita akan teruskan.

Yang lain-lain Tuan Yang di-Pertua, saya ingat adalah isu-isu mungkin tidak berkaitan dengan isu yang kita bincangkan di sini. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Pendang.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya berminat dengan tentang beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ketika menjawab di dalam sesi ini iaitu tentang kesedaran dan juga tentang keupayaan pegawai-pegawai serta pengurusan di dalam perbankan Islam ini.

Yang pertama sekali Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita percaya atau kita terpaksa akui bahawa bukan sahaja pegawai-pegawai pemasaran dalam sistem perbankan Islam ini yang menjalankan tanggungjawabnya memperjelaskan tentang sistem integriti perbankan Islam ini tetapi juga tuan-tuan guru serta ustaz-ustaz di kampung yang menasihatkan anak-anak murid mereka ataupun pelajar-pelajar mereka supaya sentiasa melibatkan diri dengan pelaburan yang suci dan tidak boleh

dipertikaikan ini. Bolehkah pihak kementerian menyatakan bagaimanakah peratusan penyimpan-penyimpan ataupun pelanggan-pelanggan Bank Islam ini di dalam konteks umat Islam di negara kita yang layak membuka akaun dan yang layak mempunyai akaun sendiri dan berapa banyakkah peratusan umat Islam yang membuka akaun ataupun yang menggunakan sistem perbankan Islam ini sendiri? Itu yang pertama.

Yang kedua, dengan sistem pemantauan Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara ini adakah pihak Kementerian Kewangan dapat mengenal pasti dari segi tatacara kerja dan proses kerja yang dilaksanakan oleh pegawai dan pengurusan Bank Islam ini berbanding dengan bank-bank komersial yang lain di negara kita. Ini dua perkara yang saya minta kalau boleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan berikan sedikit penjelasan, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang telah dibangkitkan oleh kawan saya Yang Berhormat Tangga Batu saya tidak boleh jawab dengan secara spesifik kerana ini ia perlu perangkaan, dan buat masa sekarang ini saya tidak dapat hendak beri. Tetapi yang kita tahu hari ini perbankan Islam telah menarik perhatian dan telah mendapat langganan daripada yang bukan Islam. Ramai kawan-kawan yang saya kenal memang mereka berminat dengan pinjaman cara Islam. Jadi saya ingat kalau di kalangan bukan Islam pun ramai yang berminat, saya yakin di kalangan orang Islam pun begitu juga mungkin lebih ramai. Ini juga terpulang kepada kesedaran masing-masing, kalau dia sebagai seorang Islam dia tidak mahu terlibat dengan - dan kalau dia memang ada pengetahuan agama Islam dalam diri dia, dia tidak akan pergi dan buka akaun yang konvensional ini, dia akan terus buka akaun secara *Islamic*. Jadi ini juga saya kira penerangan daripada tok guru-tok guru di kampung, kalau mereka juga ada kesedaran mereka akan juga menasihatkan anak-anak buah mereka untuk menguruskan cara perbankan Islam.

Tentang sama ada kakitangan atau perbankan Bank Islam ini lebih efisien ataupun kurang efisien daripada pihak komersial bank yang lain, saya ingat semua banklah kalau dia hendak *survive* dia mesti bekerja kuatlah, mesti lebih efisien, bekerja kuat. Dan macam Yang Berhormat Santubong kata mestilah ada *centralization* dalam hal hendak menguruskan pinjaman, memang berlakulah ini, ini memang berlaku kita tahu. Pinjaman di kawasan saya Balik Pulau pun dia kena rujuk kepada Kuala Lumpur, memang susah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Larut.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana tadi Yang Berhormat ada bagi jaminan bahawa Bank Islam ini memang mendapat tarikan ya, bukan sahaja dari kalangan orang Islam bahkan orang bukan Islam. Kawan saya ini daripada Tanjung Malim pun ada simpan dalam Bank Islam. Apakah pihak Bank Islam bercadang untuk memperbanyakkan lagi cawangan-cawangannya di kawasan-kawasan luar bandar? Kadang-kadang kita lihat macam ada satu pemilihan di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Apa salahnya kalau diperluaskan lagi cawangan-cawangan Bank Islam ini, kerana bank ini selalunya bergantung kepada berapa ramai orang hendak menyimpan yang membuat keuntungan kepada mereka. Apa salahnya kalau boleh Bank Islam membuka banyak lagi cawangan-cawangannya di kawasan-kawasan luar bandar untuk meyakinkan lagi kepada masyarakat luar bandar. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli daripada Larut menimbulkan satu perkara yang sebelum ini banyak kalilah Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga bangkitkan dalam perbahasan yang lain. Contohnya ini adalah perbezaan antara bank kerajaan seperti Bank Simpanan Nasional dan Bank Islam adalah bank bukan kerajaan ya. Jadi bila bank bukan kerajaan ini dia tentulah hendak lihat dari segi keuntungan ya. Kalau macam Bank Simpanan Nasional dia buka, dia jadi cawangan sosial, maknanya dia tidak untung tetapi dipaksa buat untuk memberi khidmat kepada orang ramai. Kalau dalam hal ini, kita tidak boleh hendak paksalah bank-bank ini untuk buka di tempat-tempat atau di kawasan yang dia sudah kaji dan didapati tidak boleh buat keuntungan, kalau kita paksa juga mungkin dia akan mengalami kerugian. Dalam hal ini kita cuma boleh nasihatkan bank-bank Islam ini dibuka dan sebolehnya sebanyak mungkin, tetapi tidak boleh kita hendak paksalah, kalau kita paksa dia rugi dia salahkan kita - kerajaan. Setakat ini contoh sudah adalah macam Bank Simpanan Nasional saya difahamkan, saya tidak ingat berapa jumlah sebenarnya, tetapi dikatakan banyak di antara cawangan-cawangan adalah cawangan sosial yang sebenarnya rugi Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Tentang pembukaan cawangan-cawangan bank di tempat lain,

adakah ini menjadi halangan kepada sesuatu bank untuk tidak membenarkan sesebuah bank yang lain membuka cawangan? Sebab di Pendang ini kita tidak ada *Islamic window* di BCB dan juga tidak ada Bank Islam di Pendang. Saya pernah bertanya kepada pengurus bank dia kata, "BCB tidak benarkan Bank Islam buka di Pendang." Jadi apakah ini satu alasan yang benar? Minta jawapan daripada Kementerian.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya ingat seperti yang saya jawab tadilah. Ini adalah kiraan komersial. Kalau dia dapati ramai atau mungkin lebih ramai penyokong-penyokong Yang Berhormat Pendang ini ingin hendak buka akaun di sana dan berniaga dengan secara Islam, saya ingat mungkinlah dia akan buka cawangan. Terpulang pada Yang Berhormatlah kalau Yang Berhormat boleh *convince*, dengan izin

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh tambah sedikit Yang Berhormat? Saya rasa pihak Bank Islam perlu membuat satu *study* yang lebih menyeluruh ya, terutama apakah mereka bersedia untuk bersaing? Masalahnya kita hanya lebih mementingkan keuntungan daripada untuk kita bersaing dan memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Jadi saya rasa perkara ini perlu dikaji dengan lebih *detail*, kalau ia benar-benar untuk mencapai hasrat dan cita-cita murni kerajaan ke arah untuk memantapkan lagi nilai-nilai Islam. Jika tidak pembangkang akan berterusan menggasak kita. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat daripada Larut, iaitu bank-bank perbankan Islam ini hendaklah lebih agresif untuk pergi mengkaji dan melihat potensi (*potential*) kawasan-kawasan yang berpotensi untuk menjalankan *business* perbankan Islam ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Santubong menyentuh tentang takaful lambat, bermakna syarikat ini tidak pekalah dalam hal ini, jadi dia lambat, bila lambat ini dia hilang potensi untuk *business*. Dan kita mahu supaya mereka juga pertingkatkan lagi *efficiency* mereka dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat sila habiskan ucapan. Habis sudah?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ada lagi. Tuan Yang di-Pertua pandangan daripada Yang Berhormat Pendang dalam penglibatan beliau, tentang *Islamic Hire-Purchase Act*, mengenai pinjaman modal pusingan, jual beli dan insurans kenderaan. Yang ini adalah perkara spesifik yang saya tidak ada maklumat dan tidak apalah saya

minta pegawai Bank Negara boleh bagi sedikit maklumat kepada yang Yang Berhormat melalui bertulis ya. Dan tentang insurans kereta ini, ini pilihan masing-masinglah untuk beli kereta. Kalau dia sudah beli kereta pinjam melalui cara *islamic*, pilihan dialah sama ada dia hendak ambil insurans secara takaful ataupun cara biasa terpulang pada merekalah. Jadi kalau dia ada kesedaran dari segi pengetahuan agama dia, dia tidak mahu lagi cara faedah ini, cara bunga ini tidak mahu, jadi tentulah dia akan beli insurans takaful. Ini sebenarnya kesedaran masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Sehingga itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat dan juga terima kasih kepada pegawai yang telah membantu saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini bacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (TEMPATAN) (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.20 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pinjaman Tempatan (Pindaan) 2005.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pinjaman Tempatan 1959 (APT) membenarkan pihak kerajaan mendapatkan dana dari pasaran tempatan untuk membiayai keperluan Kumpulan Wang Pembangunan ataupun *Development Fund* yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996. Salah satu kaedah untuk kerajaan mendapatkan dana adalah dari pasaran modal tempatan dengan menerbitkan Sekuriti Kerajaan Malaysia ataupun SKM.

SKM adalah instrumen yang digunakan oleh pasaran kewangan tempatan sebagai sekuriti dana tanda aras ataupun *benchmark*. Sekuriti tanda aras adalah penting kerana ia menjadi rujukan bagi peserta-peserta di pasaran tempatan untuk menentukan harga terbitan dan perniagaan instrumen-instrumen hutang lain. Selain daripada itu, rujukan tersebut juga adalah perlu untuk membangunkan pasaran bon tempatan yang lebih efektif dan efisien.

Salah satu daripada ciri asas sekuriti tanda aras ialah sekuriti tersebut mestilah cair ataupun *liquid* dan diniaga dengan aktif. Untuk memastikan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dapat memainkan peranannya sebagai sekuriti tanda aras, kerajaan perlu meningkatkan jumlah penerbitan sekuriti tanda aras serta menerbitkan SKM dengan lebih kerap. Pada masa ini SKM dengan kematangan 3, 5 dan 10 tahun berfungsi sebagai sekuriti tanda aras.

Sehingga 15 September 2005, jumlah baki terakru SKM adalah RM181.85 bilion dengan hanya RM23 bilion ataupun 14.2% dari jumlah tersebut merupakan sekuriti tanda aras. Pindaan terhadap APT diperlukan untuk membenarkan kerajaan membeli balik stok-stok SKM yang tidak lagi cair, yang tidak lagi diniaga dengan aktif ataupun *off the run* di pasaran untuk digantikan dengan stok-stok SKM yang lebih cair dan aktif ataupun *on the run* dengan tidak melibatkan peningkatan kepada had jumlah terbitan SKM.

Langkah ini akan meningkatkan sifat mudah tunai SKM, tanda aras dan pasaran bon tempatan akan turut aktif. Kerajaan memerlukan kuasa nyata dan jelas di sisi undang-undang untuk melaksanakan pembelian, pembatalan, penebusan awal dan penukaran SKM bagi mengurangkan SKM *off the run* di pasaran. Oleh yang demikian, APT perlu dipinda dan diperkemas kini sewajarnya.

Tujuan untuk meminda APT antara lain adalah seperti berikut:

- (i) bagi membolehkan kerajaan untuk membeli SKM yang tidak lagi cair ataupun *off the run* dan membatalkan SKM tersebut bagi mengurangkan hutang yang terakru;
- (ii) bagi memperuntukkan masa pembayaran bagi SKM yang ditebus awal oleh kerajaan. Salah satu kaedah untuk mengurangkan stok SKM yang tidak aktif adalah melalui penebusan awal SKM. Ini melibatkan pembayaran balik awal jumlah pokok sebelum tarikh matang; Untuk membenarkan kerajaan melaksanakannya, SKM perlu diterbitkan berdasarkan terma di mana kerajaan mempunyai hak untuk memanggil untuk tebusan sebelum tarikh matang stok seperti di dalam prospektus; dan
- (iii) bagi membenarkan bagi kerajaan untuk menukar SKM yang tidak cair ataupun *off the run* dengan SKM yang lebih mudah tunai. Pertukaran adalah satu kaedah untuk menggantikan SKM yang tidak aktif dengan SKM yang aktif di mana SKM di dalam pasaran akan ditukar dengan SKM yang baru atau yang lain. SKM yang telah diambil oleh kerajaan sebagai tukaran dengan SKM yang baru dan aktif boleh dibatalkan untuk mengurangkan jumlah hutang terakru kerajaan.

Rang undang-undang ini mengandungi 8 fasal untuk membolehkan kerajaan melaksanakan pembelian, pembatalan, penebusan awal dan penukaran SKM. Secara terperinci, fasal-fasal yang dicadangkan di dalam cadangan Rang Undang-undang Pinjaman Tempatan (Pindaan) 2005 adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda nota marginal dan masukkan subseksyen baru 3 dalam seksyen 4 Akta 637 untuk memberi kuasa kepada menteri menggunakan wang dalam Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai sebarang perbelanjaan bagi pembelian, penukaran dan pembatalan stok.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 5(2) Akta 637 untuk meluaskan skop penggunaan jumlah wang yang dikumpul di bawah akta ini untuk membolehkan ia digunakan untuk pembelian dan penukaran pinjaman.

Fasal 4 dan 5 bertujuan untuk meminda tajuk kepada bahagian IV dan seksyen 11 Akta 637 untuk memperuntukkan penebusan awal stok oleh Menteri jika syarat-syarat untuk penebusan sebelum tempoh matang adalah dinyatakan dalam prospektus.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen-seksyen baru 11A dan 11B. Seksyen 11A bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membeli dari pasaran apa-apa stok yang diterbitkan di bawah akta. Pindaan yang dicadangkan juga membenarkan Menteri membatalkan mana-mana stok yang telah dibeli. Seksyen 11B bertujuan untuk memberi pilihan kepada Menteri untuk menukar mana-mana stok dengan menggantikan dengan stok lain termasuk stok yang baru diterbitkan, khusus untuk tujuan seksyen ini.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 637 bagi membolehkan wang dalam Kumpulan Wang Penjelas ataupun *Sinking Fund* digunakan bagi pembelian atau penukaran apa-apa stok yang dikeluarkan di bawah akta ini selepas bayaran bagi aktiviti-aktiviti lain yang diperuntukkan dalam seksyen ini telah dibuat.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 637 untuk memberi Menteri kuasa untuk menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sekiranya Kumpulan Wang Perjelas ataupun *Sinking Fund* adalah tidak mencukupi untuk digunakan bagi aktiviti pembelian atau penukaran stok.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan membolehkan kerajaan memainkan peranan yang lebih berkesan dalam memajukan pasaran bon tempatan dengan meningkatkan kecairan dalam pasaran bon tempatan melalui pembelian, pertukaran dan penebusan awal SKM yang tidak aktif dan menambah lagi terbitan SKM tanda aras. Selaras dengan matlamat kerajaan adalah tepat pada masanya jika APT dapat dipinda bagi menyumbang kepada perkembangan yang lebih pesat di pasaran bon tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan?

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta meminda Akta Pinjaman Tempatan 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.31 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila buat huraian.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju untuk menyeragamkan undang-undang Islam di seluruh Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Peguam Negara (JPN) telah menyediakan satu model undang-undang keluarga Islam yang seragam untuk diterima pakai di seluruh Malaysia.

Pada 8 Februari tahun 2000, Majlis Jemaah Menteri telah bersetuju supaya model undang-undang keluarga Islam di seragam dan dibentangkan di Mesyuarat Majlis

Raja-raja Melayu pada 22 Mac 2001. Mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu kali yang ke 188 telah memperkenankan penyeragaman Undang-Undang Keluarga Islam di seluruh Malaysia. Bagi merealisasikan penyeragaman undang-undang tersebut di Wilayah-wilayah Persekutuan, Jabatan Peguam Negara telah membuat semakan dan perbandingan antara Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 Akta 303 dengan model Undang-Undang Keluarga Islam yang telah disediakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***].

Jabatan Peguam Negara mendapati tiada banyak perbezaan antara model undang-undang seragam dengan Akta 303 tersebut. Oleh yang demikian, Jabatan Peguam Negara telah mencadangkan supaya Akta 303 diselaraskan dengan model undang-undang seragam dengan cara membuat pindaan. Adalah wajar pindaan dibuat terhadap Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984, Akta 303 bagi menyelaraskannya dengan model undang-undang seragam kerana ia tiada banyak perbezaan antara kedua-dua undang-undang tersebut. Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan 2005) adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan;

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 303 untuk memasukkan tarif baru, untuk menggantikan tarif tertentu dan untuk memotong tarif bagi istilah tertentu yang digunakan di dalam Akta 303 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang itu;

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 303 untuk menjelaskan lagi peruntukan sedia ada, berkaitan dengan pertalian yang melarang perkahwinan;

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 23 Akta 303 untuk membolehkan mahkamahengehendaki seseorang lelaki yang telah diberikan kebenaran untuk mengamalkan poligami atau telah mendaftarkan perkahwinan secara poligaminya di bawah seksyen itu untuk membayar nafkah kepada isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada atau untuk memerintahkan pembahagian aset yang diperolehi mereka semasa

perkahwinan itu melalui usaha mereka bersama. Jika terdapat apa-apa permohonan oleh mana-mana pihak kepada perkahwinan itu;

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta 303 untuk menaikkan penalti yang diperuntukkan bagi kesalahan dengan sengaja membuat ikrar ataupun pernyataan palsu. Denda maksimum dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM2,000 dan tempoh pemenjaraan maksimum dinaikkan daripada enam bulan kepada dua belas bulan;

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 52 Akta 303 untuk menjadikan seksyen itu selaras dengan Hukum Syarak melalui pemberian hak fasal kepada suami dan isteri;

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 73 Akta 303 untuk membolehkan mahkamah memerintahkan seseorang lelaki untuk membayar nafkah kepada anaknya apabila membenarkan lelaki itu mengamalkan poligami di bawah subseksyen 23 (1);

Fasal 20 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 107A ke dalam Akta 303. Seksyen baru ini bertujuan untuk membolehkan Mahkamah atas permohonan mana-mana pihak kepada sesuatu perkahwinan untuk membuat suatu perintah larangan terhadap pelupusan harta sepencarian oleh isteri atau suami jika apa-apa prosiding hal-ehwal suami isteri masih belum selesai di Mahkamah;

Fasal 22 bertujuan untuk meminda seksyen 121 Akta 303 untuk menyatakan dengan jelas bahawa rayuan terhadap mana-mana keputusan Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah dan rayuan daripada Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah;

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan suatu seksyen baru iaitu seksyen 122 ke dalam Akta 303. Seksyen baru ini memperkatakan kuasa Mahkamah untuk memerintahkan pembahagian harta sepencarian;

Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 127 Akta 303 untuk mengadakan peruntukan bahawa menganiayai suami atau isteri atau menipu suami atau isteri akan hartanya menjadi suatu kesalahan. Apabila disabitkan, hendaklah dihukum dengan denda atau pemenjaraan atau kedua-duanya. Pindaan ini juga memberi Mahkamah kuasa untuk membuat perintah tambahan untuk mengarahkan lelaki atau perempuan yang telah disabitkan kerana menipu isterinya atau suaminya akan hartanya hendaklah membayar pampasan kepada suami atau isteri yang telah ditipu itu;

Fasal 27 bertujuan untuk memasukkan suatu seksyen baru iaitu seksyen 134A ke dalam Akta 303. Seksyen baru ini memperuntukkan bahawa Hukum Syarak akan

dipakai jika terdapat apa-apa lakuna atau ketidakselarasan dalam Akta 303. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dalam huraian ini ialah pindaan yang kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan tahun 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ampang.

3.38 ptg.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 dengan (Pindaan) 2005. Saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap cadangan pindaan ini kerana saya percaya ia dibuat di atas dasar menentukan kestabilan dan kesejahteraan keluarga. Selama ini, kita lihat isteri yang diceraikan dengan susah payah berjuang untuk menuntut haknya dan juga untuk menjamin nafkah untuk anak-anak dan

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tidak, saya sikit sahaja hendak tanyanya. Sebagai mukadimah. Yang Berhormat menyokong pindaan ini kerana Yang Berhormat tidak suka poligamikah atau Yang Berhormat suka akta ini dibuat kerana jaga hak perempuan? Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Sebagai seorang Islam saya tidak boleh menafikan tentang hak berpoligami seseorang yang mampu. Jadi saya ingin menyokong kepada pindaan-pindaan yang dapat menjamin hak kepada isteri pertama. Okay, selama ini undang-undang menetapkan bahawa isteri yang diceraikan sahaja baru menuntut hak mereka bukan sahaja hak diri mereka tetapi juga nafkah anak-anak. Kita lihat isteri-isteri pertama ini bersusah payah turun naik mahkamah dan sebagainya dan ada juga pula kes di mana isteri yang tidak mahu diceraikan oleh suami, tidak tahulah mengapa tetapi dia tidak mahu diceraikan walaupun mereka ini ingin menambah koleksi isteri tetapi dia tidak hendak melepaskan isteri pertama. Ramai isteri pertama juga yang

makan hati dan menderita bukan sahaja dari segi batin malah dari segi kemampuan fizikal tetapi mereka ini sendiri yang tidak mahu diceraikan kerana demi menjaga keluarga dan hati anak-anak. Jadi mereka, atas pilihan sendiri tidak mahu bercerai. Dengan adanya pindaan ini yang memberi kuasa kepada mahkamah syariah untuk meluluskan permohonan harta sepencarian oleh isteri pertama

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Larut.

Dr. Rozaidah binti Talib: Kasilah can.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat terima kasih. Saya ingat Yang Berhormat bagi Ampang janganlah guna perkataan koleksi. Kalau guna perkataan koleksi ini bererti Yang Berhormat pun tidak serius untuk mempertahankan undang-undang Islam tetapi seolah-olah menggalakkan satu benda yang tidak serius.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat apakah dengan adanya Akta ini boleh menyekat perkara-perkara Yang Berhormat katakan tadi seolah-olah menggalakkan lebih ramai lagi orang lelaki untuk berpoligami. Apakah ia satu jaminan dengan lulusnya Akta yang dibentangkan ini, undang-undang yang hendak diseragamkan ini? Minta sikit pandangan yang telus daripada Yang Berhormat tetapi koleksi itu janganlah digunakan. Minta dibetulkan balik.

Dr. Rozaidah binti Talib: Itu terlalu subjektiflah. Bagi saya itu bukan sindiran tetapi ini satu kenyataanlah, menambahkan bilangan atas apa juga sebab hanya lelaki itu yang tahu. Tetapi saya tidak merasakan bahawa dengan pindaan Rang Undang-undang ini menggalakkan lebih berpoligami kerana mereka terpaksa melalui satu proses yang agak ketat dan telus oleh mahkamah. Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut.

Saya sambung. Dengan pindaan kepada seksyen 23 Rang Undang-undang ini, maka mahkamah syariah mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan harta sepencarian oleh isteri pertama walaupun dia tidak diceraikan sekiranya suami ingin berpoligami. Oleh itu saya merasakan bahawa peruntukan ini merupakan satu jalan tengah atau jalan yang terbaik bagi isteri-isteri yang tidak mahu bercerai tetapi bimbang akan kehilangan hak dari segi harta apabila suami berpoligami.

Saya rasa ia juga dapat mengembalikan hak isteri pertama yang sering diabaikan apabila berlaku poligami. Banyak contoh-contoh yang saya tidak mahu sebut di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Petrajaya.

Dr. Rozaidah binti Talib: Sila.

Tuan Haji Fadilah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Ampang. Saya mempunyai pandangan sedikit berbeza dengan Yang Berhormat Ampang. Kalau misal katalah ada permohonan dari segi realiti atau praktikalnya, saya melihat dari sudut praktikal. Apabila seorang suami memohon untuk berpoligami, maka si isteri akan membuat bantahan bukan dalam konteks membantah poligami tetapi akan menuntut harta sepencarian. Jadi bila adanya tuntutan pada harta sepencarian, maka dari segi realiti akan wujud ketegangan di antara suami dan isteri. Adakah keadaan ini sebenarnya akan mewujudkan suasana untuk menambahkan perceraian? Memungkinkan perceraian berlaku disebabkan tuntutan? Sebab harta sepencarian biasanya kalau kita lihat pada peruntukan biasa perundangan syariah ialah bila berlakunya perceraian baru harta sepencarian dibicarakan. Tetapi dalam kes ini suami memohon poligami isteri pertama menuntut harta sepencarian tanpa berlakunya perceraian. Tetapi disebabkan tuntutan kepada harta sepencarian tersebut akan menyebabkan berlakunya ketegangan dan boleh menyebabkan berlaku salah faham dan akan menjerumuskan kepada berlakunya perceraian. Ini mungkin menyumbang kepada kadar perceraian yang boleh meningkat di negara kita. Mohon penjelasan.

Dr. Rozaidah binti Talib: Saya kurang bersetuju. Dari sinilah memang jelas bahawa memang susah untuk berlaku adil. Kita bukan bercakap tentang dari segi fizikal iaitu dari segi pembahagian sama rata harta sepencarian tetapi dari awal-awal lagi sudah nampak tidak ada keseimbangan dari segi kasih sayang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batu Pahat.

Dr. Rozaidah binti Talib: Itu memang kita tidak dapat cari melalui mahkamah. Jadi kalau pertikaian akibat tuntutan harta sepencarian itu menyebabkan perceraian, saya rasa kita tidak boleh terus mempersalahkan peruntukan undang-undang yang menjamin hak wanita ini. Itu pandangan saya. Dipersilakan.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan juga daripada Yang Berhormat bagi Ampang. Katakanlah kita....[Disampuk] Minta penjelasan, tidak boleh? [Disampuk]

Saya hendak minta penjelasanlah. Jikalau katakana kita meluluskan Akta kita pada kali ini, kalau katakana seorang suami menyatakan harta sepencarian hendaklah dibagi, apa kata suami menyerahkan semua harta sepencarian? Nah, ambil semua. Adakah pihak isteri akan membenarkan suami itu berkahwin? Tambah lagi. Itu yang pertama.

Yang kedua, katakana ikut pada fasa 9 di sini menyatakan bahawa "...jikalau menaikkan penalti peruntukan kesalahan dengan sengaja membuat ikrar ataupun membuat pernyataan palsu daripada satu ibu kepada dua ibu" Adakah dengan membayar tadi ataupun cara maksimum - adakah dengan membayar tadi keizinan untuk berpoligami akan dapat daripada isteri pertama?

Dr. Rozaidah binti Talib: Yang Berhormat Batu Pahat, saya rasa saya hendak menjawab bab yang kedua. Keizinan itu bukan dari isteri. Bukankah dalam pindaan Rang Undang-undang ini kita membawa kepada mahkamah dan mahkamah ada kuasa untuk menentukan sama ada suami ini berkelayakan atau tidak. Ha, itu! Yang pertama tadi jika sekiranya semua harta dibagi kepada isteri, adakah isteri itu membenarkan poligami, kalau secara peribadi, tidak, bukan itu yang saya cari.

Saya menyambung, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Isteri mana? Wanita mana yang ingin dimadukan walaupun perkataan madu itu cukup manis? Saya percaya perkataan bermadu ini mungkin dicipta oleh seorang lelaki sebab macam manis sangat tetapi setahu sayalah tidak manis langsung. Namun begitu seseorang isteri itu tidak boleh menghalang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Toleh muka tu macam tidak suka aje. Tuan Yang di-Pertua terima kasih, terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya tertarik juga apabila menteri membentangkan Rang Undang-undang ini tadi dan Yang Berhormat bagi Ampang pun sedang mengulas apa yang telah disampaikan oleh menteri. Kita dapat lihat bahawa apa yang cuba dibentangkan oleh menteri tadi dan apa yang cuba dibahaskan oleh Yang Berhormat bagi Ampang ini lebih kepada penguatkuasaan undang-undang yang akan dilaksanakan di peringkat hiliran. Tetapi Yang Berhormat, saya sebenarnya walaupun kerajaan telah pun mengharamkan gerakan Al-Arqam satu ketika dahulu dan hari ini gerakan ini masih lagi diharamkan. Tetapi apa yang saya minat adalah sistem pendidikan yang telah dilaksanakan oleh

gerakan ini sehingga kita dapat lihat keharmonian kekeluargaan Islam itu berlaku apabila pemimpin-pemimpin tertingginya melakukan poligami tanpa dapat halangan daripada isteri pertama, kedua, kalau dia ada tiga ketiga, kalau dia ada empat.

Adakah Yang Berhormat bagi Ampang ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya sedikit kajian serta penganalisan dilakukan bagaimanakah gerakan Arqam tadi tu melakukan sistem pendidikan mereka sehingga terdidiknya wanita-wanita ini mengizinkan suami-suami mereka tanpa rasa ragu-ragu, tanpa rasa pahit, pedih dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak kementerian selain dari penguatkuasaan tadi pindaan Akta tadi, juga memastikan bahawa sistem pendidikan ini perlu berlaku dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam. Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Saya bersetuju untuk kerajaan melihat kepada orang-orang yang berpoligami tetapi berjaya, tetapi saya kurang bersetuju jika Yang Berhormat Tangga Batu mengatakan kita kena lihat bagaimana isteri-isteri ini sanggup menghadapi kehidupan berpoligami. Saya rasa bukan satu pihak sahaja, kita juga selain daripada pihak wanita punya peranan kita juga harus melihat bagaimana pihak lelaki mampu untuk berpoligami. Maka dengan *balance* ataupun keseimbangan kedua-dua pihak memainkan peranan maka poligami itu menjadi satu yang cukup indah, bukan satu yang menyakitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya bangun hendak sokong rakan saya, bukan soal minat poligami. Dalam Quran disebut dalam surah An-Nisa' [*Membaca sepotong ayat Quran*] "Kahwinlah kamu akan perempuan-perempuan itu dua-dua, tiga-tiga atau empat-empat, [*menyambung semula sepotong ayat Quran*] yang bermaksud, "...tetapi kalau kamu tidak sanggup berlaku adil, satu sudahlah." So, *the word here* perkataan yang harus dipegang di sini ialah "Ta'dilu," – adil, dan adil ini adalah menggambarkan keseluruhan seperti mana yang disebutkan oleh Ampang - adil dari segi pembahagian harta, adil dari segi masa, adil dari segi pembahagian bilik tidurnya, adil segala-galanya.

Tetapi tentu sebagai manusia, Yang Berhormat Ampang, kita tidak akan dapat mencapai tahap keadilan itu kerana Rasulullah sendiri mengatakan bahawa beliau pun tidak boleh berlaku adil kepada isteri-isterinya sehingga dia meminta kebenaran daripada isteri-isterinya untuk membenarkan dia berada di situ dan di sini dan diberi kebenaran. Sehingga ada setengah-setengah isterinya yang sakit dan yang tua

memberi gilirannya kepada Siti Aishah yang muda. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan adil adalah *key faktor*. Penjelasan yang saya hendak pohon di sini, apakah akta ini yang kita hendak bercakap hari ini, yang kita hendak bincang hari ini, iaitu memasukkan bahawa pencarian bersama antara isteri pertama dengan suami tidak harus dimiliki oleh isteri baru ini, adakah ianya mencapai tahap yang hendak dikatakan keadilan setakat yang manusia boleh cari? Mohon penjelasan

Dr. Rozaidah binti Talib: Saya rasa ianya satu yang adil sebab isteri kedua ini, isteri baru ini memulakan penghidupan baru dan sebelum daripada dia berkahwin dengan si suami ini dia tidak memainkan peranan langsung di dalam membangunkan keluarga ataupun dalam mencari harta sepencarian. Jadi saya rasa undang-undang ini cukup adil baik untuk suami dan juga untuk isteri pertama.

Saya ingin menyambung, saya ini bukanlah berlatarbelakangkan pendidikan Islam, tetapi memandangkan Yang Berhormat Ketereh telah menyebut surat An-Nisa' saya juga ingin memetik kata-kata daripada Mufti Johor bahawa semua pihak sewajarnya memberi sokongan kepada rang pindaan rang undang-undang ini kerana beliau berpendapat bahawa ia selaras dengan saranan yang dijelaskan oleh Al-Quran melalui ayat 32 surah An-Nisa' yang mana ayat tersebut menjelaskan bahawa "Setiap lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan bagi wanita juga ada bahagian dari apa yang mereka usahakan." Maka ketetapan ini sebenarnya menjamin keadilan dan membela wanita dan juga anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai suami yang bertanggungjawab, saya rasa mereka perlulah menjaga hak isteri pertama yang telah berkorban untuk berkeluarga dan berumah tangga sepanjang tempoh hidup bersama. Apabila bermulanya ikatan perkahwinan setiap isteri memainkan peranan dan bertanggung jawab membantu suami menentukan masa depan bersama. Tiada siapa yang boleh menafikan bahawa kejayaan seseorang suami adalah hasil sokongan yang tidak berbelah bagi dari seorang isteri. Mereka berhak dalam setiap harta yang dimiliki. Lagipun memang wajar isteri pertama mendapat bahagian mereka lebih awal sebab mungkin harta yang sedia ada akan dibelanjakan oleh suami untuk isteri yang baru.

Oleh itu kita dapati dalam pindaan rang undang-undang ini ada dimasukkan seksyen baru iaitu seksyen 122 yang mana ada menyebut jika aset yang diperolehi adalah melalui usaha satu pihak kepada perkahwinan, maka mahkamah mempunyai kuasa untuk mengambil kira sumbangan pihak yang tidak menyumbang kepada aset

tersebut tetapi ianya menyumbang terhadap kebajikan keluarga dan memelihara rumah tangga atau menjaga keluarga. Jadi ini memberi jaminan kepada isteri-isteri yang tidak bekerja, suri-suri rumah tangga kerana mereka walau pun dikatakan mereka ini tidak bekerja, hakikatnya mereka ini bekerja tanpa henti untuk suami dan anak-anak. Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan rang undang-undang ini juga, suami yang hendak berpoligami...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Putrajaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Ampang dan Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Ampang pergi jauh, saya masih di pindaan seksyen 23 tadi. Kalau kita lihat peruntukan 23(6)(g) Seksyen 9(b), bila saya bangkitkan tadi akan timbul permasalahan dari segi praktikal. Sebenarnya saya amat menyokong perundangan ini, cuma dari segi praktikal atau realitinya apa masalah yang berbangkit ialah bila timbul tuntutan tentang harta. Tujuannya di sini ialah untuk kita melindungi hak wanita, isteri pertama. Matlamatnya ialah melindungi isteri pertama yang telah banyak berkorban yang telah menyumbang kepada kejayaan suami. Jadi kalau kita lihat (b), salah satunya ialah izinkan untuk saya membaca, "Untuk memerintahkan apa-apa aset yang telah diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan itu melalui usaha bersama mereka dibahagikan akan mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagikan."

Jika kita tengok senario semasa, zaman ini ramai isteri telah bekerja, suami pun bekerja. Jadi ada harta yang diletakkan atas nama isteri di mana suami menyumbang. Kalau kita lihat dari segi hukum syaraknya, mungkin pandangan yang berbeza. Suami hanya berhak kepada berapa jumlah sumbangan. Dia tidak boleh menuntut kepada sumbangan yang telah dibuat oleh isteri. Misal kata isteri kita beli sebidang tanah dengan harga RM100 ribu, isteri mengeluarkan RM50 ribu. Jadi yang lima puluh ribu tadi isteri pertama berhak kepada setengah lagi yang disumbang oleh suami. Tetapi kalau kita lihat pada peruntukan ini mungkin boleh mengurangkan keupayaan isteri untuk mendapat keseluruhan harta sumbangannya sebab suami pun boleh bila si isteri menuntut di mahkamah untuk harta sepencarian, suami akan membuat tuntutan balas, mengatakan beliau berhak kepada harta yang ada atas nama isteri. Sebab itu saya kata dari segi realiti akan timbul permasalahan dalam konteks untuk membuktikan hak dari segi harta sepencarian itu tadi. Ini boleh mengeruhkan suasana perkahwinan yang saya

maksudkan tadi itu. Jadi, ini *practicality* yang akan timbul. Jadi, bagaimana kita hendak melindungi hak si isteri ini. Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Petrajaya. Saya rasa saya tidak dapat menjawab secara tepat tentang isu yang berbentuk teknikal macam ini, mungkin pihak menteri boleh menjawab, tetapi saya fahamkan bahawa mahkamah yang akan menentukan nilai harta, siapa punya dan sebagainya. Saya tidak tahu, mungkin kita boleh sarankan jika melalui jalan yang buntu mungkin harta itu boleh dijual dan hasil daripadanya dibahagi dua, itu terpulang kepada menteri masa menjawab nanti. Saya minta maaf Petrajaya, saya tidak dapat menjawab soalan itu dengan tepat.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan rang undang-undang ini kita juga dapati bahawa suami yang ingin berpoligami dikehendaki membawa sama isteri, bakal isteri, dan wali kepada bakal isteri untuk memberi keterangan di mahkamah. Selain daripada itu, bakal isteri kedua juga akan diberi penjelasan mengenai hak dan tanggung jawab sebagai isteri kedua. Mungkin manis saja la...fasal takut ada tarik tali di mahkamah nanti, tertarik rambut. Walau bagaimana pun, saya rasa benda ini saya harus sokong kerana berapa ramailah suami yang akan memaklumkan kepada isteri masing-masing jika mereka mahu berkahwin lain. Tanpa paksaan dari segi undang-undang rasanya benda ini memang orang tidak lakukan.

Jadi kalau dengan isteri pertama dan anak-anaknya beliau tidak menjaga nafkah dan kebajikan, bagaimanakah mahkamah hendak meluluskan permohonan untuk berpoligami? Jadi tujuan diadakan syarat-syarat ini saya rasa memang baik...

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ledang bangun.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya hendak bertanya dalam ini wanita cuma ada dua, tetapi yang seorang dia tidak boleh bercakap. Saya fikir Yang Berhormat bagi Ampang kurang menyokong. Tetapi saya hendak sokong dia walaupun saya bukan perempuan. Dalam khutbah nikah di Johor, di negeri lain saya tidak tahu, tetapi saya rasa sama sahaja. Salah satu daripada khutbah nikah itu ialah disebut, "Sesungguhnya isteri kamu itu mendatangkan rezeki pada kamu". Maknanya dalam konteks harta, harta yang dimiliki oleh kedua-dua pihak ini akan berkembang insya-Allah apabila mereka

berkahwin. Saya lihat kalau Yang Berhormat bagi Ampang bersetuju, bahawa dengan adanya seksyen ini akan dapat mengingatkan kepada bakal isteri kedua.

Kalau dia berkenan dengan suami yang berkenaan bahawa kalau dia berkahwin dengan suami orang ini, tidak semestinya dia berharta. Maknanya persoalan sekarang ialah harta. Tetapi pada masa yang sama juga kalau Yang Berhormat bagi Ampang boleh mengulas sedikit, ialah apakah itu boleh memberi satu jaminan bahawa ia akan menjadikan sesuatu poligami itu melahirkan keadaan yang sebenar-benarnya adil sebab ini soal perasaan Tuan Yang di-Pertua. Sebab kita ramai kawan, yang bercakap tentang soal poligami ini. Ada ramai juga rakan wanita yang menyatakan bahawa, "Saya tidak kisah suami saya kaki botol, kaki minum, kaki wanita, asalkan jangan saya dimadukan...". *[Ketawa]* Ini adalah persepsi yang ramai wanita begitu. Maksud saya tadi ialah adakah dengan erti ini, harta pencarian akan menjadikan keadaan adil, di mana poligami itu dibenarkan akan mewujudkan suasana yang selesa dan isteri yang dimadukan tadi terbela, terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Astaghfirullah! Kalau saya, saya tidak akan membenarkan suami saya membuat dosa macam itu. Walau bagaimanapun, apabila kita bercakap tentang adil ini, selalunya orang yang hendak kahwin itu dia akan rasa, ya memang saya adil, saya adil. Itu adalah dia punya interpretasi. Maka dengan adanya peruntukan undang-undang ini, benda ini, mahkamah yang merupakan tempat keadilan, tempat yang menentukan keadilan, yang dapat menentukan sama ada memang adil atau tidak adil. Kalau bertanya kepada orang yang memang hendak berkahwin, dia akan menjustifikasikan semua ini sebagai adil. Itu satu.

Keduanya dengan membawa isteri kedua itu Yang Berhormat bagi Ledang, saya rasa ia juga memberi pengajaran kepada wanita baru ini, bahawa dia juga akan melalui proses yang sama jika sekiranya ada perkahwinan ketiga. Jadi maknanya ini saya rasa boleh membuatkan seseorang itu memikirkan dengan lebih mendalam sebelum berpoligami. Saya tidak nampak, mungkin ini boleh menjawab Yang Berhormat bagi Petra Jaya mengapa perubahan kepada rang undang-undang ini boleh menggalakkan penceraian. Jadi....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, empat Ahli Yang Berhormat bangun. Mana satu? Yang Berhormat bagi Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih, saya ingin mendapat sedikit penjelasan. Mungkin Yang Berhormat bagi Ampang boleh bantu saya. Dalam pindaan yang dicadangkan ini, hasratnya baik, hendak berkahwin ada peraturan yang memperketatkan lagi dan sebagainya. Tetapi saya hendak tanya keadaan hari ini, dalam keadaan undang-undang yang tidak berapa ketat pun, mereka tidak datang ke mahkamah untuk berkahwin secara yang kita jangkakan. Mereka tetap pergi ke tempat lain dan sebagainya. Bagaimana dengan pindaan ini kita dapat memberi jaminan bahawa mereka yang hendak berkahwin ini bawa isteri bawa wali, itu ada yang baiknya, yang kita harapkan. Tetapi bagaimana agaknya pandangan Yang Berhormat bagi Ampang menjangkakan, adakah perkara ini akan diikuti kalau kita masih ada lagi ruang-ruang lain yang membolehkan kaum lelaki ini pergi ke tempat-tempat tertentu untuk meneruskan hasrat mereka untuk beristeri lebih dari satu?

Jikalau kita tidak menekankan, saya rasa disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, elemen-elemen di mana kita perlu memupuk kasih sayang. Perkahwinan pada saya satu perkara yang baik. Satu perkara yang perlu kita galakan kalau yang pertamalah, yang kedua, ketiga ini walaupun peraturannya kita susun dengan elok, kalau mereka tidak mahu ikut, bagaimana agaknya kita boleh bantu golongan-golongan ini? Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar, secara ikhlasnya saya rasa dengan adanya peruntukan ini tidak dapat menjamin 100% bahawa boleh mengekang poligami, boleh mengekang orang-orang yang ingin berpoligami untuk ke tempat-tempat yang mereka mudah untuk berpoligami. Dia tidak dapat menjamin. Tetapi, sekurang-kurangnya tujuan ini adalah untuk membela isteri pertama dan anak-anak mereka. Jadi, bagi saya kita mesti menyokong pindaan rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat Menteri cakap tadi, kita harap, negeri-negeri dapat menyelaraskan, kerana walaupun mereka ini bernikah di negara lain, mereka terpaksa mendaftarkan perkahwinan mereka semula di negeri-negeri, maka eloklah kita buat satu penyelarasan supaya semua negeri dapat menerima pakai rang undang-undang yang hendak dipinda ini. Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Saya lihat kalau kita kaji semula apa yang telah

disebutkan oleh Menteri. Kalau kita lihat pindaan-pindaan yang termaktub di bawah Rang Undang-undang Keluarga Islam ini banyak lagi perkara. Tetapi yang ini paling menarik, kerana ia menyebabkan beberapa elemen *judgmental* ataupun membuat keputusan tanpa asas fakta angka yang cukup.

Kalau kita lihat Yang Berhormat bagi Ampang, boleh tidak Yang Berhormat Ampang setuju dengan saya, kalau saya katakan bahawa kita merangka Rang Undang-undang Keluarga Islam ini dengan satu prasangka bahawa jika berlaku poligami, jika berlaku amalan poligami di dalam negara kita ini dengan angka yang besar, maka akan timbul masalah sosial, akan timbul masalah ketidakadilan.

Saya hendak balik kepada definisi keadilan itu tadi. Adil itu, bagaimana kita mendefinisikannya? Kalau pada saya ia amat mudah. Iaitu adil ini bermakna meletakkan sesuatu itu betul pada tempatnya setelah mengambil kira faktor-faktornyalah. Kalau yang pertama begini tempatnya, inilah tempatnya 10 tahun punya keadaan, begini keadaannya. Kalau baru satu hari begini keadaannya, kalau belum lagi begini keadaannya. Jadi ini pada saya takrif adil yang sebenarnya. Mungkin Yang Berhormat bagi Ampang rasa adil itu sama rata, tetapi adil bukan bermakna sama rata semata-mata. Adil apabila kita mengetahui tempat duduk di mana perkara itu hendak kita letakkan. So dalam konteks ini, saya pernah sebut pasal 3 'T'. Teringin tetapi takut dan takut itu sebenarnya takut tidak berlaku adil.

Saya khuatir nanti yang baru pula akan berasa seperti lama dan yang lama pula merasa terlalu lama. Jadi itulah sebenarnya yang kita kena perbincangkan pada hari ini, yang perlu kita perjelaskan supaya ia tidak akan menjadi suatu kejian ataupun tohmahan di kemudian hari. Jadi.. hendak ulang balik? Soalannya, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Ampang tentang sikap *judgmental* tadi itu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu kita membuat sesuatu *judgment*, membuat sesuatu pengadilan tanpa mempunyai fakta, angka dengan hanya mengaitkan emosi semata-mata, tanggapan, dengan hanya beranggapan yang jika berlaku poligami secara berleluasa di negara kita, maka akan timbul masalah sosial tanpa cukup fakta dan angka melalui pengalaman, melalui peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum ini.

Mungkin kita cuma ambil kira perkara yang buruk tetapi yang baik itu tidak pernah diberikan paparan di muka hadapan, sebagai contohnya, Yang Berhormat Ampang, saya kira boleh Yang terhormat Ampang ulas perkara ini untuk diajukan kepada pihak Menteri.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih, Tangga Batu. Rasanya kenyataan bahawa poligami itu menyebabkan penyakit sosial tidak timbul dari mulut saya. Saya tidak ada sebut pun pasal itu tetapi apa yang kita bercakap.... *[Disampuk]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya bukan kata Yang Berhormat Ampang berkata begitu, cuma apabila kita merangka akta ini kita beranggapan seolah-olah jika ada berlaku poligami maka ketidakadilan akan berlaku secara berleluasa maka digariskan perkara-perkara yang baru dalam akta ini. Saya tidak kata, betul Yang terhormat, saya pun tidak sebut. Saya tidak ingat yang saya sebut Yang Berhormat berkata begitu, tidak. Saya kata adakah elemen *judgmental* tadi, prasangka tadi ada ketika kita menggariskan undang-undang ini. Jika kita gariskan undang-undang ini dan ada elemen itu maka rang undang-undang ini akan berasaskan kepada emosi, akan berasaskan kepada menyebelah hanya kepada pihak-pihak tertentu sahaja. Itu sahaja yang saya maksudkan.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih. Saya rasa pindaan rang undang-undang ini tidak ingin mengadili aspek lain dari segi keseimbangan atau keadilan iaitu aspek emosi, kasih sayang dan sebagainya, dia hanyalah mengadili dari segi keadilan tentang harta. Jika kita bercakap tentang masalah sosial, saya rasa yang kita kena fikirkan adalah anak-anak yang terbiar tanpa nafkah ataupun masalah ibu-ibu yang digantung tidak bertali, yang susah membuat keputusan dalam hidup dan sebagainya.

Dengan adanya peruntukan ini maka ia dapat menjamin mata pencarian dan nafkah kepada anak-anak, jadi bukan bermakna dengan pindaan kepada rang undang-undang ini ia ingin menyekat poligami saya rasa tidak sama sekali. Ya, sila,

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Ampang. Saya hendak menyorot kepada satu peringatan yang diberikan oleh Profesor Hamka tentang poligami ini. Dia kata kemanisan poligami ini bukan kepada banyaknya kahwin itu tetapi kepada adilnya perkahwinan itu. Itu kemanisan ada pada keadilan itu. Keadilan macam mana yang disebutkan oleh Tangga Batu itu memang benarlah. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Meletak sesuatu pada tempatnya. Misalnya, kalau yang isteri pertama itu dia biasanya yang pertama itu lebih tua daripada yang kedua dan seterusnya, maknanya keadilan itu bergantung kepada kemampuan si suami kepada isterinya mengikut tahap isteri-isteri dia itulah. Itu bukan perkara yang hendak saya tekankan tetapi apa yang saya hendak tekankan adalah

kepada satu laporan daripada *New Straits Time* pada 7 Ogos tahun 2005 iaitu tentang kajian yang telah dibuat oleh UPM tentang poligami di Malaysia ini.

Daripada 13 ribu responden yang dibuat kajian, didapati kurang daripada satu peratus umat Islam yang kahwin empat ini, maknanya kurang daripada 1 peratus yang memenuhi kuota kahwin empatlah. Kuota ada empat, kurang daripada satu peratus. 5 peratus kahwin dua, 4.3 peratus kahwin tiga dan kalau kita kaji daripada naluri seorang lelaki itu, kaum-kaum lain pun ada juga yang kahwin lebih daripada satu. Misalnya, kajian di sini menunjukkan 4 peratus orang Cina kahwin dua dan 1.3 peratus kahwin tiga, India 3 peratus kahwin dua dan 2 peratus kahwin tiga. Itu realiti yang terpaksa kita hadapi dalam masyarakat. Maknanya, banyaknya berkahwin ataupun poligami itu sepatutnya bukan merupakan suatu halangan.

Itu merupakan suatu mungkin naluri daripada seseorang. Mungkin Allah Taala bagi kuasa lebih kepada dialah kot. Wallahualam, saya tidak tahulah yang itu. Apa yang saya hendak Ampang perelaskan adalah tentang keadilan yang dimaksudkan oleh Tangga Batu dan juga yang saya huraikan tadi ini. Bukan sahaja dari segi kewangan seperti mana pindaan pada undang-undang ini tetapi dari segi fizikal orang itu sendiri. Saya minta Ampang huraikan.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Pendang, juga terima kasih di atas statistik yang untuk renungan kita bersama tadi itu. Tentang keadilan dari segi faktor yang selain dari faktor harta, memang saya rasa mahkamah akan mengambil kira kemampuan dari segi melayan kehendak batin suami, itu juga merupakan satu faktor dan perkara ini memang agak sukar untuk dihuraikanlah. Walau bagaimanapun saya percaya, saya ingin ulangi sekali lagi bahawa saya percaya bahawa tujuan asal pindaan rang undang-undang bukan untuk menyekat poligami tetapi supaya orang yang hendak berpoligami itu lebih bertanggungjawab untuk mengambil kira tanggungjawab dari segi nafkah fizikal terhadap isteri dan anak-anak. Tidak betul juga kalau kita katakan selalunya isteri pertama mesti lebih tua daripada isteri kedua dan ketiga, tidak semestinya berlaku begitu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Dr. Rozaidah binti Talib: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Kita tahu bahawa nisbah wanita lebih ramai daripada lelaki pada hari ini. Itu perkara pertama. Islam menggalakkan berpoligami siapa yang mampu. Bukan semata-mata kerana

nafsu. Saya hendak minta penjelasan di sini justifikasi pertama. Kalau tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa adanya akta yang di bentang oleh Menteri tadi untuk memberi perlindungan dari segi keadilan kepada wanita, satu.

Pada masa yang sama apakah Yang Berhormat melihat ia akan menimbulkan kebimbangan dengan adanya peraturan, kawalan yang ketat ini boleh menyebabkan si lelaki yang menjadi suami ini tidak akan sampai kepada peringkat untuk beristeri satu, dua dan tiga. Ini boleh menyebabkan harapan wanita-wanita untuk berumah tangga akan gagal. Jadi, apakah pandangan dari sudut justifikasi kepada Yang Berhormat Ampang dalam dua perkara ini. Satu, melindungi wanita kita, memang akui dan keduanya boleh menyebabkan timbul kebimbangan kepada suami-suami untuk meneruskan hasratnya oleh kerana peraturan-peraturan baru yang lebih diperketatkan dalam penyeragaman akta yang dibentangkan ini. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat dua perkara yang telah saya sebut pro dan kontra ini. Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Memang kita selalu dengar orang kata di Malaysia ini lebih ramai wanita dari lelaki tetapi statistik terakhir yang saya dapat dari Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, jumlah orang perempuan di Malaysia ini 49.1 peratus bukanlah terlalu banyak daripada lelaki, lebih kurang sama rata sahaja. Yang keduanya, saya tidak melihat ini sebagai satu kekangan tetapi membuatkan lelaki lebih berhati-hati. Memang mungkin pihak lelaki merasakan ia payah tetapi inilah yang pokoknya iaitu pada awal-awal lagi mesti berlaku adil, sekurang-kurangnya adil dari segi pendapatan.

Inilah yang mahkamah hendak tentukan. Kita tidak mahu perkahwinan kedua pula akan runtuh. Saya harap saya menjawablah soalan Yang Berhormat Larut.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada mengatakan.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, satu lagi tadi. Kalau timbul membimbangkan tadi bagaimana pula keadaan wanita yang mungkin menaruh harapan tidak dapat harapan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Rozaidah binti Talib: Susah saya hendak jawab ini. Wanita yang ingin berkahwin dengan suami orang, saya rasa juga *[Disampuk]*

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: *[Bangun]*

Dr. Rozaidah binti Talib: Sekejap ya! Wanita yang ingin berkahwin dengan suami orang juga, saya rasa harus menghadapi prosedur ini. Jadi, mereka juga tahu bagaimana rasanya nanti jika suami mereka ataupun bakal suami itu hendak berkahwin

lagi satu. Jadi, biarkan wanita ini juga, yang bakal menjadi isteri kedua ini juga berfikir dengan lebih dalam bahawa bukan senang untuk suami ataupun bakal suami mereka itu untuk berlaku adil. Silakan, Bukit Gantang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bermakna Yang Berhormat lebih suka melihat mereka ini tidak berkahwin? Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Tidak, saya tidak cakap begitu. Jadi, maknanya kalau mereka sanggup menghadapi hidup berkongsi itu tepuk dada tanya selera.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya juga ingin memberi sedikit pandanganlah bahawa terhadap wanita yang dikatakan kemungkinan rasa bimbang kalau tidak bersuami.

Untuk melihat balik kepada senario yang sebenarnya zaman dahulu dengan zaman sekarang, akibat daripada proses pendidikan yang didapati oleh kaum wanita pada hari ini dan disebabkan kerana pendidikan mereka telahpun cukup tinggi dan mereka menjawat jawatan yang tinggi dan dari segi ekonominya kukuh maka saya dapati bahawa iaitu rasa bimbang, kluatir sekiranya tidak ada pasangan dan sebagainya, memang tidak ada dalam diri wanita hari ini sebab wanita hari ini juga ingin mencari pasangan yang setara dengan mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Ampang?

Dr. Rozaidah binti Talib: Saya rasa ini cukup peribadi, memang kita lihat walaupun sekarang fenomenanya banyak wanita yang berkeelayakan, maka secara amnya mereka merasakan bahawa susah untuk mencari pasangan jika sekiranya mereka itu berkelulusan tinggi sebagaimana yang Yang Berhormat Bukit Gantang cakap tadi.

Tetapi ini adalah soal peribadi, saya boleh terus terang katakan saya berkeelayakan lebih tinggi daripada suami saya, saya berpendapatan lebih tinggi daripada suami saya, tetapi ini bukan menjadi soalnya, saya rasa ini bukan soalnya. Adakah saya menjawab Yang Berhormat Bukit Gantang? Tuan Yang di-Pertua saya ingin meneruskan. Saya merasakan bahawa tujuan diadakan syarat-syarat ini supaya mahkamah dapat mengetahui kemampuan suami.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Rozaidah binti Talib: Oleh itu saya rasa dalam menguruskan kehidupan rumah tangga dari segi nafkah,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dr. Rozaidah binti Talib: ...maka perkara ini hendaklah diputuskan dengan sebaik-baiknya sebelum bilangan keluarga itu bertambah. Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Ampang, setujukah tidak kalau untuk berkahwin yang pertama diadakan kursus untuk berkahwin dan untuk kahwin isteri kedua juga supaya Jabatan Agama ataupun Jabatan Syariah juga mengadakan kursus untuk berkahwin lebih daripada satu, jadi bagaimana Yang Berhormat Ampang setuju atau tidak kalau perkara ini dicadangkan kepada kementerian supaya diimplementasikan.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Sebenarnya memang saya sangat setuju dengan saranan itu kerana kebarangkaliannya, orang melalui perkahwinan kedua dan sebagainya bukan berpoligami, bukan semesti berpoligami kadang-kadang akibat penceraian dan perkahwinan keduanya. Maka hendaklah diadakan kursus ini dari masa ke semasa. Saya juga ada membawa keratan akhbar yang di mana seorang pembaca menyarankan supaya satu program untuk mendedahkan secara berkesan mengenai pro dan kontra poligami diadakan di mana individu yang bakal berpoligami ini perlulah berdepan dengan prospek-prospek yang pahit. Kita juga kena menekankan aspek yang pahit selain daripada aspek-aspek yang manis dan kesan-kesan negatif yang mungkin dilalui dalam kehidupan berpoligami. Pada masa yang sama juga disarankan bahawa satu program perlu juga diadakan di kalangan wanita sendiri untuk mengetahui apakah puncanya mungkin kelemahan dari segi wanita.

Apakah puncanya maka berlakunya poligami dan juga kursus-kursus mengenai hak-hak dan tanggungjawab bukan sahaja kepada isteri pertama, malah juga kepada isteri kedua ataupun madu juga perlu diperkukuhkan dan diperhalusi dengan lebih mendalam. Ini saya bersetujulah untuk disarankan kepada pihak kementerian dan Jabatan Agama kerana bagi saya ini cukup penting.

Ir. Haji Hamim bin Samsuri: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila.

Ir. Haji Hamim bin Samsuri: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ampang. Saya memanglah menyokong Yang Berhormat Ampang ini, sebab kita

berasaskan kepada yang dipaparkan di sini. Cuma saya hendak tanya pada Yang Berhormat Ampang, kepada saya dengan wujudnya akta ini terutamanya Fasal baru ini ia tidaklah akan menghalang mana-mana suami untuk berkahwin lagi terutamanya kepada yang berharta sebab pada mereka harta tidak menjadi masalah.

Akta ini lebih kepada membela kaum wanita, tetapi adakah Yang Berhormat Ampang bersetuju kalau saya katakan bahawa dalam seksyen baru 122 ini ada menyebut bahawa 122 (1), "Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talak atau membuat sesuatu perintah penceraian" dan seterusnya yang memberi kesan kepada suatu galakan ataupun memudahkan proses meminta cerai. Maknanya si isteri yang dimadukan dia mungkin menjurus kepada arah "Baiklah aku minta cerai dapat harta" Akhirnya ia akan menimbulkan suatu masalah lain. Adakah Yang Berhormat Ampang memikir soal ini? Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Yang Berhormat Ledang, kuasa bukan di tangan isteri kan, tetapi di tangan suami, dan mahkamah ini saya rasa dalam seksyen yang Yang Berhormat sebut itu bukan mahkamah kata ia memudahkan penceraian. Cuma jika mahkamah memutuskan bahawa dibenarkan lafaz talak dan dibenarkan bercerai maka mahkamah ada kuasa untuk menentukan pembahagian harta.

Bukannya dia memudahkan penceraian, saya rasa bukan itu maksud rang undang-undang ini, dia cuma memberi kuasa jika sekiranya berlaku penceraian, dan saya rasa bukan semudah itulah orang hendak bercerai semata-mata hendak mendapatkan harta, itu pun bukan bermakna dia dapat harta yang banyak, kita tidak sebut pun dalam perkara ini. Ini adalah harta bersama setelah ditolak hutang dan sebagainya, ini cumalah bagi saya untuk menjamin kewangan keluarga yang sedia ada itu tidak terjejas dan juga supaya proses menambah isteri menjadi lebih telus dan terurus.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya hendak tanya sedikitlah ya pada Yang Berhormat Ampang, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ampang. Ada beberapa kategori sebenarnya orang yang hendak berkahwin lebih ini, dan juga kita perlu memberi perhatian kepada wanita juga, ini mungkin saya menyokong wanitalah.

Ada di antara wanita ini bukan dia sahaja-sahaja mahu berkahwin ataupun disebabkan oleh faktor-faktor lain hendak kahwin, tetapi kalau kita tengok dalam ayat Al-Quran disebut [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “Lelaki itu menjadi pelindung kepada wanita.” Maknanya kalau wanita yang tidak mempunyai perlindungan maknanya dia duduk dalam kehidupan yang ketakutan mungkin menjadi isteri itu merupakan suatu yang baik untuk kehidupan dia, mungkin isteri yang kedua ataupun lain-lainlah. Maknanya, suami itu sebagai penjaga walaupun dia itu berpoligami. Yang kedua, suami yang tidak mempunyai anak dengan pasangan tersebut.

Ini merupakan satu masalah kepada suami tersebut sebab dia perlukan zuriat, kita tahu sebagai seorang Islam hadis Nabi pun ada menyebut kalau kita mati ada tiga benda yang boleh meneruskan pahala apabila kita masuk kubur nanti. Salah satu daripadanya adalah [*Membaca sepotong Hadis*] “Anak yang sentiasa mendoakan kepada kedua ibu bapa” Makna kalau tidak ada zuriat, pahala dari segi yang itu tidak adalah, maknanya lelaki itu memerlukan anak. Jadi kalau isteri itu telah disahkan tidak dapat memberikan zuriat maknanya apakah kita boleh menghalang daripada suami menambah isteri dia. Saya bukanlah hendak menyeru untuk berpoligami tetapi apakah pandangan Yang Berhormat Ampang, ada dua faktor ini sebagai pelindung dan juga sebagai memberi zuriat kepada suami tersebut, terima kasih

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Yang Berhormat Ledang, saya rasa alasan-alasan yang diperjelaskan dengan cukup jelas dalam Al-Quran itu memang tidak boleh dipertikaikanlah.

Kita pun tahu pada zaman Rasulullah pun Baginda berkahwin untuk menjadi pelindung bukan untuk nafsu ataupun mencari harta benda dan sebagainya, maka jika itulah yang berlaku saya percaya banyak isteri-isteri yang reda kerana suaminya menambah pahala. Tetapi yang kita tidak mahu ialah, yang kita pertikaikan adalah tanggungjawab apabila mendapat isteri yang baru dia tinggalkan terus isteri pertama dan keluarga dan juga pemberian nafkah dan sebagainya.

Begitu juga tentang soal zuriat, kita dapati banyak di kalangan isteri-isteri, yang dia sendiri yang cari jodoh untuk suami dia kalau dah tak ada zuriat. Dia tahu, dia tahu dalam kita berkeluarga ini salah satu sebab perkahwinan adalah untuk menambahkan zuriat. Selalunya saya dapati isteri-isteri rela, rela mengizinkan suaminya untuk berkahwin lain jika dia sendiri tidak mampu untuk mengeluarkan zuriat.

Walau bagaimanapun, di zaman serba moden ini sepatutnyalah pasangan suami isteri membuat pemeriksaan perubatanlah terlebih dahulu. Kadang-kadang bukan isteri yang mandul, suami yang mandul, ya. Benda ini mestilah dilihat dan dibuktikan secara moden. Walau bagaimanapun, saya percaya jika semuanya memenuhi syarat, maka poligami itu tidak dapat dihalang. Tetapi yang kita mempersoalkan adalah tanggungjawab kepada isteri pertama dan kita tidak mahu lelaki yang berpoligami secara menyorok-nyorok lah mengabaikan tanggungjawab.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya tertarik dengan angka yang diberi oleh Yang Berhormat Pendang itu tadi. Kaum Cina pun ada 4 persen Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua tidak termasuk dalam 4 persen kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tak ada apa, tak ada apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak adalah. *[Ahli-ahli Ketawa]*. Tak beranilah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Ketawa]*. Tak berminat? Yang Berhormat Ampang, saya nampak ada sedikit ruang di situ untuk saya mencelah dan menjelaskan yang kelirulah. Adakah Yang Berhormat Ampang boleh memikirkan bersama ataupun mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya kalau ada ruang pembelaan kepada kaum lelaki pula, di mana kalau hari ini kita berbincang pasal tidak mempunyai zuriat kemudian kita ada satu *clause* lagi pula untuk isteri mengizinkan ataupun suami yang sudah beristeri tetapi tidak mempunyai zuriat boleh berpoligami tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan oleh enakmen ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob **mempengerusikan mesyuarat**]

Sebagai contoh, kita ambil contoh paling mudah, suami isteri 10 tahun berkahwin dan tak dapat zuriat ataupun si suami ini boleh bernikah satu lagi tanpa mengikut proses yang ditetapkan pada hari ini, mahkamah kena mengizinkan si suami bernikah, kena dapat kebenaran isteri pertama dan sebagainya. Ini mungkinlah, sebab kita bercakap soal emosi. Kita bercakap soal perasaan. Maknanya kena ada pihak ketiga yang membuktikan sama ada isterilah, yang isteri itu tidak boleh melahirkan. Adakah ianya

menjadi suatu kebaikan jika ada peruntukan menyatakan suami boleh bernikah tanpa melalui proses keizinan mahkamah, proses keizinan isteri pertama dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Ampang memikirkan yang ini adalah satu langkah yang baik juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Tangga Batu. Saya tidak boleh bersetuju di atas cadangan ini. Pertamanya, tujuan perkahwinan itu ataupun peranan seorang isteri itu bukan semata-mata untuk melahirkan anak, untuk adakan zuriat. Adakah bermakna jika ia tidak melahirkan anak, maka dengan mudah sahaja suami itu berpoligami tanpa melalui syarat-syarat yang ditentukan oleh Mahkamah Syariah. Contohnya dalam pembahagian harta ini. Apakah sumbangan isteri selama ini dari sudut lain seperti membina kewangan yang kukuh untuk keluarga, *career* yang baik untuk suami dan sebagainya. Saya tidak dapat bersetuju supaya diberi kelonggaran atas alasan isteri tidak memberi zuriat. Ya, jadi saya rasa semua orang terpaksa melalui syarat-syarat ini sebelum mereka ingin berpoligami. Ya, Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Y.B. Ampang ya. Saya bersetujulah mengenai pembahagian harta dan sebagainya. Saya kira ini merupakan akta yang dapat menyelesaikan masalah ketidakadilan kepada isteri kedua apabila berlaku perkahwinan. Itu yang pertama. Yang keduanya, yang keduanya saya nak beritahu Ampang, saya pun tak ada niat nak berpoligami. *[Ketawa]*. Cuma satu sahaja yang saya nak sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kalau rezeki itu kena terima. *[Ketawa]*.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Insya-Allah, tapi kalau kena pergi mahkamah, susahlah. Cuma yang saya nak tekan yang saya nak minta penjelasan di sini, prinsip di dalam poligami ialah adil, berlaku adil. Itu sahaja prinsipnya. Di dalam ayat yang disebut oleh rakan-rakan tadi juga mempersoalkan tentang menyebut soal tentang keadilan.

Apa yang patut ada di dalam akta ini [*sambil mengangkat Bil berkenaan*] ialah bagaimana untuk mewujudkan keadilan tersebut. Tetapi, dengan adanya peraturan yang amat ketat ini, saya rasa ia bukannya mewujudkan keadilan, tetapi akan menambahkan ketidakadilan lagi. Saya hendak beri contoh. Di dalam soal perkahwinan poligami, bakal si suami terpaksa membawa bakal isteri kedua dan keluarga ke mahkamah. Wali, maksudnya wali, ke mahkamah. Saya rasa dalam

seratus orang, satu orang mungkin berani untuk bawa bakal isteri, bersama isteri yang pertama dengan wali ke mahkamah untuk berunding. Maknanya, perkara ini terlalu ketat dan tak mungkin orang akan buat perkara ini. Bukan kerana lelaki tak boleh berlaku adil, tetapi kerana masalah-masalah lain yang menyebabkan mereka tidak pergi ke mahkamah. Malu kepada masyarakat kerana nak bawa, takut, malu kepada mak mertua, bapa mertua yang nak jadi wali, takut terguris perasaan isteri pertama kerana nak bawa bakal isteri kedua berada di hadapan dan sebagainya.

Faktor-faktor lain yang menyebabkan mereka tidak pergi. Bukan kerana mereka tidak boleh berlaku adil. Tapi kerana faktor-faktor lain tersebut. Faktor-faktor inilah menyebabkan berlaku ketidakadilan. Yang pertama, tidak adil kepada lelaki yang nak berlaku adil tadi. Kalau dia kahwin dia boleh berlaku adil, tapi kerana dia tak pergi, jadi dia tak adil kepada dia.

Yang kedua tak adil kepada bakal isteri tadi. Bakal isteri sepatutnya boleh berkahwin, tapi kerana ketatnya undang-undang tadi dan faktor-faktor tadi, akhirnya mereka tak berkahwin. Jadi, ketidakadilan telah berlaku kepada bakal isteri dan juga bakal suami yang nak berpoligami tadi. Akhirnya, kesan dia adalah besar, bukan setakat itu. Akhirnya, bakal isteri dan suami yang hendak berpoligami tadi mungkin tidak meneruskan hasrat untuk berpoligami, akhirnya tinggalah mereka hidup sebagai mereka yang tidak berpedoman.

Hidupnya mungkin sebagai perempuan simpanan dan sebagainya. Kalau ini berlaku, ketidakadilan bukan sahaja kepada mereka berdua, tetapi juga kepada masyarakat. Kesan daripada kehidupan mereka itu, mungkin akan melahirkan anak dan sebagainya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Ini akan menjadi isu yang lebih besar iaitu isu gejala sosial dan sebagainya. Isu masyarakat yang lebih besar, apabila wujud perkara-perkara seperti ini. Dengan itu, ketidakadilan bukan sahaja kepada kedua-duanya, ketidakadilan juga akan terus berlaku kepada masyarakat. Saya kira apakah pandangannya? Adakah perlu undang-undang yang akan melahirkan ketidakadilan ini ataupun kita cuba mengadakan undang-undang yang boleh menyebabkan lelaki berlaku adil? Sekarang, ada dua perbezaan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua, atas kebenaran Ampang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya nak sambung atas apa yang telah diperkatakan oleh sahabat saya Bera. Berkenaan dengan poligami ini, ini adil yang kita mempertikaikan, yang kita bercakap, kalau dalam *practice*, susah tu nak cari adil. Bini tua kurus, bini muda gemuk. Bajupun dah tak sama, macam mana nak bagi adil? Yang nombor satu rendah, nombor dua tinggi, pun dah tak adil.

Yang menjadi masalah kepada kita tujuan Rang Undang-undang ini Ampang, untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi tetapi kalau diperketat tak selesai masalah malah saya takut Tuan Yang di-Pertua, saya takut lebih ramai lagi pasangan-pasangan orang kita akan pergi ke sempadan, akan pergi ke Indonesia untuk bernikah. Di mana dalam segi syarak terlepas.

Nombor dua, kalau kita lihat cara praktis pada hari ini, dekat mahkamah-mahkamah syariah kita, kita menghadapi masalah kerana masalah tuntutan cerai pasangan-pasangan yang ada ni, yang sudah ada ini kadang-kadang bertahun. Ramai di antara pasangan-pasangan suami isteri hari ini ibarat macam kata “bergantung tak bertali” kerana tidak dapat diselesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jangan panjang sangat Yang Berhormat. Minta penjelasan saja.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini yang menjadi masalah, ini pula nak bawa bakal isteri yang muda ini datang ke mahkamah berserta keluarganya dan isteri tua pula dengan keluarga dia, belum apa-apa Tuan Yang di-Pertua dah “perang besar *I see*”, dalam mahkamah. Pengadil pula bukan nak membicarakan, dia jadi *referee wrestling* esok dalam mahkamah. Ini harus ini, Yang Berhormat bagi Ampang, memang betul untuk memperkasakan wanita tetapi apa akan jadi kepada masyarakat esok? Ini pun kita kena fikir-fikirkan. Sila Yang Berhormat bagi Ampang jawab.

Dr. Rozaidah binti Talip: Terima kasih, susah betul ini.

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Dr. Rozaidah binti Talip: Untuk soalan Yang Berhormat bagi Bera tadi itu, saya rasa memanglah kita nampak macam ketat undang-undang ini sebab sebelum ini tidak pernah di *introduce*, dengan izin. Tetapi kalau Yang Berhormat bagi Bera bercakap

tentang soal ketidakadilan kepada lelaki yang nak berkahwin itu, saya betul-betul tak setuju.

Jika lelaki itu nak berkahwin dan perempuan yang bakal isteri ini sanggup untuk bersedu, maka tidak ada sebab mengapa mereka tidak sanggup menghadapi mahkamah dan menghadapi isteri pertama untuk mendapatkan sesuatu yang telus. Bercakap tentang soal masalah sosial ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Bera dan juga Yang Berhormat bagi Jasin, saya rasa jika perkahwinan yang secara rahsia itu juga menimbulkan malah lebih serius lagi masalah sosialnya. Dan mengapakah sebagai seorang Islam, kita patut mengambil jalan mudah untuk bersekedudukan ataupun menjadi perempuan simpanan semata-mata kita takut untuk menghadapi prosedur yang ketat yang dikenakan oleh mahkamah. Saya rasa ini agak *simplistic* sikit you punya andaian, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya Yang Berhormat bagi Ampang. Kita semua tahu bahawa selama ini mahkamah syariah mempunyai mahkamah kes-kes tertunggak dan sebagainya. Kes-kes perceraian yang tak boleh diselesaikan banyak, kes-kes nafkah yang tak diselesaikan banyak, kes hak penjagaan anak yang tak boleh diselesaikan banyak, kes isteri yang dipukul berkali-kali dalam mahkamah, tak boleh selesai, perkara ini masih banyak. Harta pencarian tak selesai pun banyak dan sekarang mahkamah dibebankan pula dengan kes-kes baru.

Orang nak berkahwin baru, orang nak berkahwin dua, soalnya mampukah? Adakah Yang Berhormat yakin bahawa mahkamah boleh menyelesaikan perkara ini? Atau adakah disebabkan kes ini kes lama masih tertunggak dan kes baru orang yang nak kahwin dua ini pun terpaksa tunggu tiga, empat tahun baru mereka boleh berkahwin. Dalam jangka masa itu, saya tak tahu apa yang berlaku sedangkan yang "gantungan tak bertali" seperti sahabat saya sebut tadi banyak kerana kegagalan mahkamah syariah menyelesaikan masalah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ampang nak bagi jalan? Sila ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang ini saya terfikir Tuan Yang di-Pertua, fasal benda ini dua-dua nak minta izin mahkamah. Katakanlah pada hari yang

berkenaan, permohonan nak minta poligami ini tak boleh diputuskan oleh mahkamah, dua-dua pihak ini sudah bercanggah, tunda. Yang Berhormat bagi Ampang asal orang Melaka. Cuba kita ingat rumah Melaka ada serambi, rumah tengah dan rumah dapur. Ini sudah mohon nak berpoligami, mahkamah tak dapat selesai, akhirnya si suami dengan isteri tua itu, isteri tua dapat duduk dapur, si suami duduk serambi.

Kalau satu tahun tak selesai dalam mahkamah ini, permohonan nak poligami, setahunlah begitu. Setahun, macam mana? Perang! Nampak tak? Apa pendapat Yang Berhormat bagi Ampang?

Dr. Rozaidah binti Talip: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera dan Yang Berhormat bagi Jasin. Sebenarnya yang ini saya bersetuju tetapi ini melibatkan pelaksanaan. Apa yang saya menyokong adalah peruntukkan ataupun *provision* di dalam Rang Undang-undang ini yang saya menyokong. Tetapi sebenarnya memang saya ingin bercakap tentang perkara yang sama di akhir semasa penggulungan perbahasan saya jadi saya jadikan ucapan Yang Berhormat bagi Bera dan Yang Berhormat bagi Jasin sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih.

Bagi saya tindakan-tindakan ataupun syarat-syarat yang dicadangkan ini boleh memperjelaskan status suami yang memohon untuk berpoligami. Kita tahu kes-kes “gantung tak bertali” dan sebagainya itu memang dahsyat sekali dan saya selaku Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga bagi Ampang, kita tahu banyak betul kes-kes macam ini. Walaupun ada kesan-kesan sampingan tapi ini adalah pentadbiran yang harus diperkemas oleh pihak Jabatan Agama dan juga kementerian.

Walau bagaimanapun saya sukalah menyarankan kepada para-para isteri bahawa apa yang saya baca, mengikut Ketua Hakim Syarie Malaysia bahawa dalam kes ini mahkamah hanya mengambil kira harta sepencarian yang di kumpul sepanjang perkahwinan suami isteri iaitu sebelum berlaku poligami. Jadi jika sekiranya berlaku kes-kes yang ditunda-tunda, janganlah isteri pertama hendak menuntut harta yang terkemudian daripada permohonan poligami itu.

Perkara ini juga hanya boleh dilakukan oleh mahkamah jika isteri pertama mengemukakan tuntutan. Mungkin ada para isteri yang tidak tahu bahawa mereka haruslah mengemukakan tuntutan dahulu barulah mahkamah membuat satu ketetapan. Jadi sebelum saya mengakhiri, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya arif tentang kes-kes tertunggak yang terdapat di mahkamah syariah yang melibatkan ramai di antara keluarga-keluarga Islam ini. Sekali gus *performance* ataupun prestasi mahkamah syariah ini telah menyebabkan pertama sekali, kewibawaannya terjejas, dan kurang percayanya orang-orang Islam sendiri terhadap institusi mahkamah ini.

Apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bera dan Yang Berhormat bagi Jasin tadi benar-benar dekat dengan diri sayalah, bukan kerana saya berpoligami. Tidak, tetapi ada kes-kes tuntutan yang lain melalui mahkamah syariah.

Yang Berhormat Ampang, kalau kita lihat secara dekat akan pindaan Akta ini, kita dapat rasakan yang paling mudah dia kata *no* lah. *Simply say no to* poligami. Maknanya menambah kerenah birokrasi, menambah satu lagi proses yang menyebabkan orang lelaki kalau nak juga berpoligami akan kata “tak payahlah, menyusahkan badan” dan sebagainya.

Akhirnya memang saya bersetuju 100% dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bera dan Yang Berhormat bagi Jasin tadi. Dia bukan sahaja dapat mempamerkan keadilan pada peringkat awal ciptaan undang-undang itu adalah untuk meletakkan keadilan di tempat yang paling tinggi tetapi akhirnya hasrat tadi telah bertukar menjadi satu masalah sosial yang lain yang mungkin akan terpaksa dicipta undang-undang lain pula untuk melindungi masalah yang timbul tadi.

Jadi Yang Berhormat Ampang, apakah Yang Berhormat Ampang boleh bersetuju dengan saya untuk kita mencadangkan kepada pihak kementerian supaya apabila kita ingin mereka ataupun menambah *clause* di dalam undang-undang ini, kita perlu mendapat keputusan daripada fakta-fakta dan angka-angka yang benar-benar objektif, jangan kita hanya mengambil perasaan, emosi ataupun khabar-khabar sebagai asas kita untuk mereka ataupun menambah *clause* di dalam undang-undang ini, setuju atau tidak Yang Berhormat?

Dr. Rozidah binti Talib: Saya rasa memang ini cadangan yang baik dan saya amat bersetuju, kita haruslah melihat secara objektif dan bukan secara emosional, dan inilah yang sebenarnya yang cuba dilakukan oleh mahkamah syariah dengan memanggil kedua-dua pihak. Jadi tidaklah berlaku pertelingkahan ataupun pertelagahan dari segi fakta-fakta, jadi semua pihak ada di situ dan senanglah bagi pihak mahkamah untuk menentukannya.

Ada banyak persoalan yang timbul sebenarnya yang saya suka sarankan kepada pihak kementerian. Yang pertamanya ialah tentang apa yang disebutkan oleh sahabat dari Bera dan Jasin mengenai kelewatan dalam kes-kes di mahkamah syariah yang harus diperkemas dan dibuat sesuatu dengan segera, kerana sekarang ini tanggungjawab mahkamah syariah telah bertambah dengan adanya peruntukkan rang undang-undang yang baru ini.

Keduanya kerajaan perlulah mencipta satu formula bagaimana hendak memastikan, bahawa macam mana formula menuntut ganti rugi, ini berlaku dengan seadil-adilnya bukan sahaja kepada pihak isteri pertama, malah juga kepada pihak suami yang ingin berpoligami itu. Walaupun rang undang-undang ini menjamin dari segi hak isteri dan nafkah anak-anak, tetapi apakah jaminan bahawa nafkah ini dibayar. Selalunya kita dapati apabila dijatuhkan satu hukuman kemudian mungkin bulan pertama dan kedua si suami akur, kemudiannya terus lupa dan bagaimanakah kerajaan dapat menjamin bahawa benda ini dapat dipastikan? Contohnya mungkin potongan gaji secara automatic ataupun *direct debit*, dengan izin daripada akuan si suami jika sekiranya dia tidak makan gaji.

Begitu juga saya ingin menyentuh tentang pindaan Seksyen 127 tentang denda jika seseorang suami itu menganiayai isteri tentang harta, iaitu secara menipu terhadap harta yang diisytiharkan.

Dalam peruntukan rang undang-undang ini dikatakan dendanya tidak lebih daripada RM1,000 dan saya merasakan di zaman ini denda tidak lebih dari RM1,000 itu terlalu sedikit, dan saya rasa tidak memberi pengajaran yang boleh menyerikkan seseorang itu. Walau bagaimanapun saya ingin menyokong pindaan kepada rang undang-undang ini dengan harapan pihak kementerian mengambil kira tentang faktor-faktor yang saya dan rakan-rakan telah sebut tadi, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jasin.

4.53 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga dengan rakan-rakan ingin bersama dalam membahaskan Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005, yang mana seperti yang telah disebut oleh Ampang dengan panjang lebar, yang mana tujuannya adalah untuk memperbaiki

pengurangan yang ada dan untuk memperkasakan lagi institusi keluarga orang-orang Islam dalam negara kita.

Saya ingin membawa dalam perbahasan ini kerana semua undang-undang ini baik belaka, tetapi masalah pelaksanaan cara praktikal. Adakah mampu kita untuk melihat bahawa akta-akta ini akan memberi kebaikan kepada keluarga-keluarga kita, kerana pada hari ini kita lihat banyak negeri di Persekutuan Malaysia ini pun telah mengatakan bahawa ada negeri tidak hendak ikut, banyak. Masih ragu-ragu lagi dan pada hari ini saya pun tidak tahu kerana kita lihat, adakah undang-undang ini khusus untuk rakyat Malaysia sahaja ataupun bagaimana?

Saya hendak minta Menteri jawab kerana pada hari ini negara kita sudah ada 1.5 juta rakyat asing, rakyat Pakistan, rakyat Bangladesh, Islam, rakyat Indonesia, Islam dan bagaimana kalau orang kita dan rakyat kita berkahwin dengan rakyat asing sebagai isteri kedua ataupun orang kita isteri kedua rakyat asing, bagaimana? Kerana baru-baru ini saya pun hairan Menteri, di Melaka baru-baru ini di kawasan saya telah berlaku satu perkahwinan di antara pekerja-pekerja asing Pakistan dengan perempuan Islam orang Jasin. Biasanya di negeri Melaka kita ada syaratnya, bagi pasangan-pasangan yang hendak menunaikan perkahwinan harus mengikuti kursus perkahwinan dahulu dan baru-baru ini Kerajaan Negeri Melaka pula sudah menetapkan kena ada pemeriksaan HIV untuk pasangan-pasangan ini – pun baik, tetapi imam telah menelefon saya, datuk sidang telefon saya, “Datuk bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini?”

Saya kata tanyalah kepada pejabat agama, tetapi dia diarahkan menikah pasangan ini dengan hanya surat daripada kedutaan, satu warga Pakistan diberi kebenaran bernikah dengan rakyat tempatan hanya izin daripada Kedutaan Pakistan. Kita tidak tahu rakyat Pakistan itu mungkin ada isteri di Pakistan dan kita benarkan poligami dan kita dapati pada hari ini banyak cerita oleh sebab ramai gadis Islam di negara kita ini terpicat dengan orang-orang Pakistan dan Bangladesh, kononnya hidung macam Shah Rukh Khan.

Akhirnya apabila bernikah dengan rakyat asing ini mengikut suami mereka balik, tengok suami dia ini sudah ada isteri yang lain dekat Pakisan, sudah ada isteri yang lain di Bangladesh dan banyak cerita yang kita dengar bagaimana orang-orang kita atau rakyat kita atau orang perempuan rakyat negara kita dianiaya oleh keluarga-keluarga mertua di Pakistan, dapat cerita ini. Rang undang-undang ini bagaimana? Boleh atau tidak digunakan kepada rakyat asing? Dan ini bukan menjadi satu perkara yang aneh

dan bukan menjadi satu benda yang tidak pernah berlaku, hari ini sedang berlaku di dalam negara kita, bagaimana orang kita menikah dengan rakyat asing yang bekerja di sini, lelaki baik dan perempuan baik. Adakah rang undang-undang ini juga berkuat kuasa kepada mereka?

Seperti yang saya katakan tadi, berkenaan dengan pelaksanaan di mahkamah-mahkamah syariah di mana sahaja. Kita masih dapati bahawa kakitangan menteri, kakitangan mahkamah syariah tidak cukup. Itulah sebabnya banyak kes yang tertunggak, dari segi hakimnya adakah kita sudah cukup dan dari segi *registranya*, adakah kita sudah cukup? Daripada perkeranian dan semua kakitangan mahkamah syariah ini cukupkah kita kerana kita tidak hendak esok, kita luluskan rang undang-undang ini yang akan berkuat kuasa, tetapi kita tidak dapat melaksanakannya. Dengan keadaan yang ada pun hari ini kita lihat seperti disebut oleh rakan saya tadi seorang pengamal rang undang-undang, Yang Berhormat Bera, masih lagi banyak kes tertunggak, masih banyak lagi orang-orang perempuan kita pada hari ini tergantung tanpa tali, masih ada lagi. Hari ini pula dengan adanya rang undang-undang ini kalau dikuatkuasakan, seorang yang hendak berpoligami kena bawa bakal isteri, bakal bapa mertua, keluarga.

Ini jangan main-main Tuan Yang di-Pertua, ini jangan main-main boleh huru-hara. Masalah hendak kahwin satu kampung datang dengar dekat mahkamah. Huh! Jangan main-main abang, satu kampung datang. Sama ada Yang Berhormat Bera diluluskan atau tidak hendak poligami ini satu Bera turun, tok batin-tok batin pun turun. Huh! Jerai, ini yang kita hendak luluskan ini. Satu Jerai huru-hara datang ke Alor Setar hendak dengar sama ada Jerai dapat atau tidak keputusan dari Mahkamah Syariah membenarkan Jerai hendak berpoligami. Saya Jasin terang-terang Tuan Yang di-Pertua, bukan macam Tangga Batu, tiga T - 'teringin tetapi takut'. Saya tidak takut, saya tidak takut isteri saya tetapi isteri saya tidak berapa hendak takut saya. Ini yang sedih, yang kita dok berbincang-bincang ini orang yang angan-angan tetapi rakan-rakan kita yang sudah praktis poligami saya tengok seorang pun tak ada dah. Dia sudah selamat, yang belum selamat ini kita Tuan Yang di-Pertua. Ini ketat ini, ketat kena harus kita perhalusi lagi. Saya takut besok akan timbul lagi banyak masalah, Tuan Yang di-Pertua akan timbul banyak masalah. Jadi bila sudah banyak masalah walaupun kata Ampang mengikut statistik orang perempuan baru 49% tetapi Ampang harus ingat.....

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Nanti sekejap biar saya habiskan *statement* saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong pun bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Biar saya habis *statement* saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong pun hendak poligami juga. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kita harus ingat, Tuan Yang di-Pertua, kita janda-janda banyak. Orang bujang hendak janda? Anak dara tu, anak dara tu, banyak, orang bujang hendak anak dara tu. Huh! Yang hendakkan orang-orang baya saya, baya-baya Tuan Yang di-Pertua, baya-baya Jerai, *[Ketawa]* yang kalau boleh pun hendak juga. Jadi ini kan kita hendak menyelamatkan, Nabi pun suruh nikah, kalau boleh kita dapat kahwin dengan janda selesaikan masalah dia kan, daripada dia buat tidak tentu arah daripada tidak ada tanggungan. Kita ikut cara Nabi, Jerai, hendak menyelamatkan janda itu, tetapi bila hendak mohon poligami macam ini susah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Baik, eh *sorry sorry*. Ini Tangga Batu dahulu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya minat dengan apabila Yang Berhormat Jasin sebut pasal tok batin-tok batin daripada hutan turun ke mahkamah di Bera ya. Saya hendak tanya Yang Berhormat Jasin ada satu kes dahulu, Pak Imam ditangkap berkhawat dengan suri rumah dan dibicarakan di Mahkamah Syariah Jasin, masa itu saya ingat Yang Berhormat Jasin belum jadi Yang Berhormat lagilah. Dan saya tahu Mahkamah Jasin masa itu penuh sampai ke tepi jalan orang turun hendak dengar cerita Tok Iman ditangkap berkhawat dengan suri rumah waktu subuh di belakang masjid. Saya hendak tanya kes itu sudah selesai ke Yang Berhormat Jasin belum? Ini hendak tunjukkan

performance Mahkamah Syariah itu sudah lama sudah itu. Terima kasih Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Selesai, kena denda, iman pun kena buang kerja. Tetapi hendak cerita ini Tuan Yang di-Pertua, ini pengalaman saya, bukan pengalaman saya minta ini. Saya ini anak datuk penghulu Yang Berhormat Menteri, anak datuk penghulu. Dahulu Mahkamah Syariah tidak ada, semua masalah ini di hadapan kepada rumah penghulu. Bila timbul kes-kes macam ini satu kampung datang, satu kampung datang, serupa macam kes Yang Berhormat Tangga Batu kata Imam ditangkap dengan isteri orang. Bila timbul dekat mahkamah, satu kampung datang tu. Yang ini hendak mohon poligami huh...huh! tanpa keluar surat khabar penuh Mahkamah Syariah besok. Kalau Jerai lagi lah penuh, orang-orang Gunung Jerai semua turun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]. Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini, ini Puchong ini apa hal ini, hendak poligami ke? Puchong bagi dia Puchong dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Puchong pun teringin ke?

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya hendak tahu sedikitlah sebab saya memang bukan beragama Islam tetapi saya dapat banyak kekeliruan (*confusion*). Baru-baru ini saya baca dalam surat khabar *Utusan Malaysia* yang mengatakan bahawa salah sebuah negeri, Ketua Menteri sebuah negeri yang menyatakan bahawa dalam ayat suci Al-Quran tidak ada yang menyatakan bahawa poligami ini mesti mendapat kebenaran daripada isteri yang pertama atau isteri tua. Tetapi dalam undang-undang penggubalan akta ini atau undang-undang ini kita telah memasukkan *clauses* ini. Untuk memperjelaskan kepada seluruh negara Malaysia khususnya untuk bukan beragama Islam, mana kita sepatut ikut, ayat suci Al-Quran ataupun undang-undang ini yang kita akan luluskan. Boleh dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang ini saya menjadikan pertanyaan Yang Berhormat Puchong sebahagian daripada ucapan saya supaya Menteri jawab. Kerana saya tidak berani Tuan Yang di-Pertua, ini bila sebut Al-Quran, bila kita tidak arif kita jangan sebarang-sebarang. Macam Menteri Penerangan hari itu kan main Al-Quran tengok tangan kiri pula, kan berat orang dok bercakap hari ini. Saya minta Timbalan

Menteri Penerangan mainkan balik televisyen itu. Ini jangan main-main, kalau kita tidak arif jangan buat pasal ini bab Al-Quran Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dekat mana tu Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ha macam Menteri MITI hari itu taruk Al-Quran depan taruh tangan, saya tengok tangan kanan, saya ulang balik tengok tangan kiri. Oi jangan buat pasal, jadi bab ini saya tidak tahu. Jerai ada apa Jerai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dak saya tengah dok rujuk buku ini kot-kot ada buku "Jangan Bersedih" kot-kot ada *clause* lah. Cuma satu saya minta pandangan memanglah kalau kita hendak ini hendak kena minta izin isteri yang pertama, tetapi masalah yang kita hadapi kes yang di Kelantan kalau tidak silap saya, baru dia habaq dia hendak perkenal bakal isteri dia, dia sudah kena jirus cuka. *[Ketawa]* Jadi adakah benda-benda yang kita boleh cari jalan. Kita takut juga, takut juga sat ni, dak kita betul ikhlas kita pi habaq dia jirus cuka kah tengah tidur kah, dia buat apa-apa kah jadi macam mana. Jadi mungkin Jasin kot mungkin pengalaman boleh, pasal Jasin ini dia orang lama, dia pemikir, sebab itu tengok kepala dia rambut tidak ada sebab dia ahli pemikir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mungkin itu juga bekas cuka, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, takut dia tidak jirus cuka dia bagi minum kopi cuka kah apa, jadi macam mana pandangan Yang Berhormat masalah-masalah ini. Kita bukan takut tetapi isteri kita tidak takut dekat kita, yang ini masalah yang kita hadapi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Jerai ini yang hendak saya perkatikan, hendak peringatkan pada Menteri. Memang betul rang undang-undang hari ini kalau hendak dibentangkan akan lulus 100% tetapi bagaimana hendak menguatkuasakannya dan hendak melaksanakannya. Implikasi pada masyarakat huru-hara. Kata Jerai tadi baru angan-angan hendak kahwin satu lagi, baru berbisik dekat isteri sudah kena jirus cuka. Cuba kita bayangkan, Ahli Yang Berhormat semua bayangkan, bayangkan, *please man* dengan izin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Awat Yang Berhormat teruk sangat ini? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini Jerai, siapa lelaki tidak hendak, teringin bukan tidak teringin tetapi takut. *[Ketawa]* Itunya.....

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Batu Pahat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Batu Pahat.

Dr. Junaidi bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya satu daripada Yang Berhormat bagi Jasin. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya memikirkan balik dan menarik balik dahulu ke ataupun perbincangan-perbincangan sebelum kita bahaskan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kalau dipersetujui ramai, memang itu yang saya minta. Saya sudah nampak ini sekarang, tidak ada orang yang berani akan membawa isteri dan keluarga dia datang ke mahkamah syariah, lepas itu membawa pula bakal isteri yang kedua dia bersama dengan keluarga, apa semua ke mahkamah syariah, lepas itu dia jadi macam budak bodoh di tengah-tengah. Takkan jadi. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, tok kadi Siam yang kaya besok, tok kadi Dumai, tok kadi Kalimantan yang kaya.

Semua pasangan kita oleh kerana kita perketatkan rang undang-undang ini maka mereka akan mencari jalan keluar, pergi bernikah di Siam, pergi bernikah di negara-negara jiran. Apatah lagi kalau dia berasa hendak sangat, dia akan berkahwin dengan orang luar. Apa akan jadi dengan keluarga Islam? Ini, Yang Berhormat Menteri, malu kita.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun untuk keluar Dewan]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mahu tanyakah?

Tuan Lim Kit Siang: Mahu balikkah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Mahu balikkah? Ini poligami, tidak mahukah?

Tuan Lim Kit Siang: *You* mahukah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya mahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah, Yang Berhormat, dia sudah hendak balik tu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini masalahnya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya waswas ini. Waswas saya kerana pelaksanaan ini. Ini jangan main-main, gurau, gurau juga. Pelaksanaan? Kadar penceraian di negara kita pada hari ini di kalangan umat Islam yang agak tertinggi. Kita belum dapat menyelesaikan masalah ini. Kita adakan kempen “Rumahku Syurgaku”.

Di Kerajaan Negeri Melaka, Tuan Yang di-Pertua, kita wujudkan satu unit dekat Jabatan Ketua Menteri, Unit Rumahku Syurgaku supaya kita hendakkan dalam era kita menjadi satu negara maju yang akan datang, masalah rumah tangga ini kita selesaikan ataupun kita minta supaya keluarga orang-orang kita ini akan rukun dan damai. Sehingga ke peringkat itu. Tetapi kalau akta ini kita tengok, rang undang-undang ini kita tengok, lebih berat lagi Vietnam Utara dengan Vietnam Selatan. Ini punya pasal lebih berat, Tuan Yang di-Pertua. Perang besar *you see*, akan jadi perang besar!

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila. Dia pun sama sibuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, ini sumbangan MIC. *[Ketawa]* Saya hendak tanya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin ini, saya hendak tanya kenapa lelaki begitu beria-ia hendak kahwin? Beria-ia sehingga mengalami pelbagai masalah pergi ke Thailand, pergi ke Kalimantan, bersusah-payah hendak kahwin. Apa cadangan Yang Berhormat bagi Jasin untuk mengawal gejala ini dan kenapa seorang lelaki Malaysia ini, kononnya, tidak tahulah kan, ada pelbagai masalah. Bagaimana dapat kita kawal supaya mereka tidak kahwin banyak? Kenapa pula yang dikatakan tadi lelaki ke mahkamah syariah tunduk begini? Kenapa ini, nafsu ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tahu pun jawapan nafsu. Sekarang Malaysia sudah maju, makan sudah sihat-sihat, tambah pula kena makan kas kas. *[Ketawa]* Sudah bertambah. Bila sudah kata orang, bila kita sudah ada duit, semua dah *start* menguit...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Kas kas bukan untuk nafsu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Allah, lebih kuranglah itu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak ada, kas kas itu khasiat dia lain.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Bila kas kas ini menjadi penyedap, makan sudah lebih. Bila makan sudah lebih, tenaga bertambah. Bila tenaga sudah bertambah, tidak faham lagi? *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya difahamkan kas kas ini dia memang mengkhayalkan. Dia boleh menyebabkan seseorang itu tertidur dan kita pun buat kajian, Yang Berhormat bagi Jasin sudah buat kajian. Cuma bila kita sudah khayal, kita sudah seronok, maka datanglah *current*. *Current* itulah yang menyebabkan nafsu. Jadi adakah Yang Berhormat bagi Jasin bersetuju kas kas ini walaupun di akhirnya, *result* dia adalah *current*? Bila *current* itu mai, nafsu akan memuncak. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Jerai belum habis baca bukukah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya ada satu, saya hendak rujuk kepada sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadis Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sebaik-baik kalian adalah orang yang paling baik kepada isterinya dan aku adalah orang yang paling baik di antara kalian terhadap isterinya." Ha, jadi ini sabda Rasulullah s.a.w. dalam buku "Jangan Bersedih". Bermakna kita kena berbaik-baik. Jadi untuk berbaik-baik ini, cara kita juga hendak menolong kerana menolong orang-orang yang memerlukan pertolongan. Bukan bermaknanya kalau berpoligami, kita akan bergaduh tetapi kita kena macam sabda Rasulullah s.a.w. tadi, kita kena berbaik-baik.

Jadi cara hendak berbaik-baik ini, kot-kot Yang Berhormat bagi Jasin boleh beritahu macam mana caranya kita hendak berbaik-baik supaya kita akan hidup aman dan damai. Berbalik kepada "Rumahku Syurgaku", tetapi saya percaya penuh, mungkin kalau isteri kita pun dia faham pasal agama, dia tidak jadi masalah. Ada juga isteri yang pergi cari pasangan kepada suami untuk bagi suami dia berkahwin lagi, ada, bukan tidak ada, benda ini ada, tetapi amat sedikit. Yang banyaknya ialah taufan yang akan berlaku *[Ketawa]* sama ada bumbung rumah angkat ataupun kita angkat.

Saya ingat adat harta sepencarian ini, mungkin adat Negeri Sembilan ada Adat Perpatih ia berbeza. Bermaknanya isteri itu akan mendapat bahagian yang lebih. Jadi depa ada satu cerita, apabila Benggali roti ini masuk Islam, dia kahwin, jadi bila berlaku

pergaduhan, dia kena bahagi dua. Jadi Benggali ini jual roti naik gerak, yang ada pun basikal itu sahaja. Jadi dia kena bahagi dua, hak raga bagi kepada bini, *last* sekali dia dapat tayar depan sahaja. *[Ketawa]* Ini cerita. Jadi adakah Yang Berhormat balik kepada saya tadi, iaitu berbaik-baik pasal sabda Rasulullah s.a.w. kita kena berbaik-baik dan pandang baik kepada isteri. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya bersetuju. Kalau kita tengok kitab, kita cerita zaman nabi memang madu itu manis. Dan kalau yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi, yang mana si isteri pergi meminang ataupun mencarikan suaminya seorang lagi tambah, saya rasa di Malaysia kalau ikut statistik, Tuan Yang di-Pertua, 0.001 *per cent* pun susah hendak cari. Tidak ada, susah hendak cari, bukan tidak ada. Kadang-kadang ada. Tetapi selalunya tidak ada.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, apa hal? Oh boleh, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya hendak kongsi pendapat dengan Yang Berhormat Jasin tentang pengenalan klausa-klausa baru di dalam undang-undang syariah ini sebenarnya telah pun mereka satu kreativiti di kalangan pihak yang mungkin akan terlibat secara langsung.

Sebagai contohnya percaya atau tidak ada beberapa sindiket, di Melaka pun ada, di Kuala Lumpur lagi banyak, di Johor pun banyak yang boleh mengaturkan untuk kita berpoligami ini. Saya bagi contoh katakanlah sayalah hendak berpoligami, saya cuma menghubungi sindiket ini mereka cuba minta saya mengaturkan satu bilik di hotel berbintang lima misalnya, selesaikan bayarannya kemudian kita upah. Upah nikahnya siap semua sekali pakej RM750 dan yang paling penting sekali kita akan dapat satu sijil yang dikeluarkan oleh negeri di mana kita nikah itu, dan pihak yang melaksanakan nikah ini dia siap bawa wali, wakil, saksi semua siap dan kita cuma perlu belanjakan sedikit wang untuk jamuan makan pada waktu selepas nikah itu. Setuju tak Yang Berhormat Jasin dengan pengenalan klausa-klausa baru ini yang memperketatkan lagi keinginan lelaki berpoligami telah mencipta inisiatif-inisiatif seperti ini yang mungkin akan menjadi tidak terkawal satu hari nanti.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Tangga Batu. Memang saya setuju. Kalau di Malaysia pada hari ini kad pengenalan *Mykad* ini pun dia palsukan, apatah lagi surat nikah. Dan hari ini sudah ada sindiket-sindiket, ini bukan cerita baru tetapi sudah lama. Sindiket-sindiket yang kata dia imamlah, yang dia kata naib kadi dirajalah, mendapat *special* daripada sultanlah. Orang Melaka memang tahu bab ini. Kalau hendak menikah dua katanya pergi dekat Batu 10 Jalan Kuantan, Pahang ada naib kadi yang ditauliahkan khas oleh Sultan Pahang boleh nikah di sana dan surat nikah itu sah, dekat Batu 10, Kampung Jaya Gading. Eh! Tahu saya semua, [*Ketawa*] tetapi percayalah wahai Tangga Batu, itu semua palsu semata-mata tidak ada dibuat. Hanya orang-orang tertentu sindiket-sindiket tertentu sahajalah hendak mengambil kesempatan kepada orang-orang yang hendak cari jalan singkat.

Walhal dahulu saya ingat ada satu klausa, dalam undang-undang keluarga Islam apabila seseorang lelaki memohon untuk mengamalkan poligami maka Pejabat Mahkamah Syariah akan memanggil isteri tua dan memberi kebenaran kepada hakim untuk menaksir sendiri apabila mendapat keterangan daripada isteri tua yang mana hakim boleh menentukan. Kalau tanya isteri tua sampai kiamat pun tidak ada isteri yang berani ataupun membenarkan suaminya berkahwin satu lagi, tetapi hakim mempunyai kuasa apabila melihat suami ataupun yang lelaki ini mempunyai sihat tubuh badan, mempunyai kewangan yang cukup, segala-galanya cukup maka hakim berhak untuk memberi hak kebenaran walaupun isteri yang pertama tidak membenarkan. Adakah rang undang-undang ataupun undang-undang ini masih lagi berpakai, itu saya hendak tanya menteri.

Kalau tengok daripada rang undang-undang yang kita membincangkan pada ini saya takut, memang saya takut, saya takut akan timbul apa yang disebut oleh Tangga Batu tadi banyak sindiket-sindiket akan berlaku dalam negara, akan menipu pasangan-pasangan yang ingin poligami yang akhirnya nikah itu tidak sah, surat nikah pun palsu, tidak sah dan dengan tidak secara langsung kita menggalakkan orang-orang kita berzina. Ini akan timbul masalah kepada kita

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Bera ada apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya minta sedikit pandangan. Kalau kita lihat memang setakat ini perundangan Islam masih lagi di bawah kerajaan-kerajaan negeri. Seperti kita tahu bahawa negeri-negeri mempunyai undang-undang Keluarga Islam yang berbeza. Kalau kita lihat soal poligami, soal perkahwinan dalam Islam dan sebagainya ia semuanya menurut al-Quran, hadis dan sebagainya, tetapi oleh kerana tidak ada penyelarasan di antara negeri-negeri dan sebagainya kita lihat kita seolah-olah bercelaru. Bagaimana orang bukan Islam melihat Islam yang masih lagi tidak mampu menyelaraskan undang-undang Islam di kalangan negeri-negeri.

Baru-baru ini misalnya apabila undang-undang ini hendak dibentangkan, Perlis tidak menyokong, Menteri Besar Perlis sudah buat kenyataan bahawa dia tidak menyokong. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju, sebelum kita bantangkan undang-undang ini patutnya kita selaraskan dengan semua negeri supaya wujud satu sahaja iaitu perundangan keluarga Islam untuk semua negeri sama sahaja mengikuti semua, Perlis ke Pahang ke semua sama. Kita boleh bincangkan perkara ini dalam Majlis Raja-raja dan sebagainya supaya kita wujudkan hanya satu sahaja perundangan keluarga Islam. Jadi oleh kerana belum ada lagi persamaan di antara negeri-negeri adakah Yang Berhormat rasa kita agak tergesa-gesa dengan undang-undang ini dan perlu ditangguhkan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Bera. Saya hendak cakap pun kadang-kadang sebagai mana yang disebut oleh sahabat saya Bera ini malu kita. Saya takut masalah bangsa-bangsa lain atau orang-orang yang beragama lain “Ini Melayu ini Islam mahu kahwin pun banyak susah. Dia punya had mahu kahwin banyak pun bikin tak boleh hendak selesai bikin susah.” Jadi ini yang kadang-kadang kita pun serba salah. Apatah lagi pada hari ini undang-undang tentang syariah ini melibatkan keagamaan berbeza-beza di kalangan negeri-negeri. Saya kira kalau Menteri di Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab soal agama ini kalau ada masalah-masalah yang membabitkan masalah agama kita kena pastikan persetujuan negeri-negeri dahulu. Kalau tidak ada besok rang undang-undang ini akan menjadi bahan ketawa.

Di Melaka tak apalah kerana Melaka tidak ada raja. Apa yang diperbincangkan hari ini Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan, Melaka pun ikut sahaja pasal tidak ada raja senang, tetapi negeri-negeri lain bagaimana. Apa akan jadi kalau di Melaka, di Selangor, di Kuala Lumpur katalah Perak setuju, Johor setuju kata mufti setuju, oleh kerana tidak dapat nikah di sana maka pasangan ini akan pergi ke

Perlis atau ke Kedah ataupun ke Kelantan dan memohon bernikah di sana, mudah sahaja. Apa akan jadi? Di mana maruah kita? Ini yang kita bincangkan hari ini – maruah. Maruah keagamaan kita, maruah cara kita hendak kahwin macam ini pun dah susah yang mana negeri-negeri tidak sama. Yang satu lagi tadi yang disebut oleh sahabat saya dari Jerai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat hendak gulungkah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sambung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sambung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kalau hendak sambung boleh hari Isnin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Hari Isnin. Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi pada hari Isnin depan. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.